

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 70	Isnin	28 November 2005
----------------	--------------	-------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 41

(Halaman 25)

Maksud B. 47

(Halaman 63)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P. 41

(Halaman 25)

Maksud P. 47

(Halaman 63)

Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat
Di Bawah Peraturan Mesyuarat 90(2)

(Halaman 22)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 28 November 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah diambil oleh pihak kementerian dalam menyediakan peruntukan kepada Majlis-majlis Perbandaran dalam Parlimen Subang untuk kerja-kerja menaik taraf jalan di taman-taman perumahan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, tugas menaik taraf jalan di PBT adalah tanggungjawab PBT. PBT mempunyai banyak sumber untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut, di antaranya peruntukkan dari hasil PBT sendiri, bantuan dari peruntukan *Malaysian Road Registration Information System*, bantuan dari kerajaan negeri dan bantuan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi kementerian, peruntukkan-peruntukan yang diberikan kepada PBT bergantung kepada peruntukan yang diterima oleh kementerian setiap tahun. Pada tahun 2005 sebanyak RM2,000,720.00 telah disalurkan kepada MPSJ, dari jumlah tersebut sebanyak RM448,770.00 adalah untuk menaik taraf dan membina jalan. Terima kasih

Tan Sri Dato' Dr. K.S Nijhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Setiausaha Parlimen atas jawapan tadi. Jawapan ini jelas khasnya peranan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi peruntukan kepada PBT. Walau bagaimanapun, dari segi peringkat PBT, saya sedih apabila mengetahui terdapat taman-taman perumahan di mana jalan-jalannya tidak diturap semula selama beberapa tahun contohnya di dalam kawasan Parlimen Subang, saya dimaklumkan bahawa Taman Ehsan dan Taman Desa Jaya tidak diturap sejak tahun 1985. Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah 20 tahun dahulu. Soalan saya, bagaimanakah keadaan seperti ini boleh berlaku. Maksud saya tidakkah pihak

kementerian memantau peruntukan yang disalurkan kepada peringkat PBT untuk memastikan perkara sebegini tidak berlaku. Sekian, terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian menyalurkan peruntukan diasaskan kepada permintaan daripada PBT dan untuk tahun 2005 diasaskan kepada permohonan yang telah diterima oleh MPSJ. Kementerian telah memberi peruntukkan RM2.2 juta. Pada keseluruhannya untuk setiap tahun kementerian menyalurkan lebih kurang RM163 juta untuk 140 PBT di keseluruhan negara dan PBT-PBT yang lebih berpendapatan tinggi seperti MPSJ dan MPPJ pada keseluruhannya mereka menggunakan sumber pendapatan PBT untuk menjalankan pembangunan projek-projek.

Untuk projek-projek yang dibayar atau ditanggungkan oleh kementerian, kementerian mempunyai jawatan untuk menguatkuasakan dan untuk kaji sebagaimana program projek-projek ini dilaksanakan oleh PBT. Tetapi untuk projek-projek yang sendiri dibiayai akan ditanggung oleh PBT terpulang kepada PBTlah untuk memantau perkembangan projek-projek tersebut. Terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila sebut mengenai majlis-majlis perbandaran dan kerajaan tempatan, saya teringat di Pengekalan Pasir, di Pasir Mas. Dia juga ada kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Pasir Mas atau Majlis Daerah Pasir Mas. Di Pasir Mas sekarang ini air bertakung, longkang tersumbat. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat pergi terutama dalam kawasan pilihan raya dalam bandar ini, kawasan sangat teruk, Kerajaan Tempatan atau Majlis Daerah di Pasir Mas, sampah juga tak terurus, *[Disampuk]* keadaan ini sangat teruk di Pasir Mas sehingga ada anak ikan pun di bawah rumah, tak percaya pergilah. Saya jarang tengok rumah yang airnya bertakung sehingga ada anak ikan. Soalan tambahan saya ialah sekiranya - dan perkara ini memang sudah lama berlaku mungkin sebab kerajaan negeri yang memerintah, kerajaan tempatan ini banyaknya adalah di bawah kerajaan negeri, Kerajaan PAS. *[Disampuk]* Soalan tambahan saya ialah apabila rakyat Pengekalan Pasir pada 6 Disember ini buat keputusan untuk bersama-sama dengan Barisan Nasional, apakah Kerajaan Pusat akan membantu majlis tempatan ini untuk membaiki keadaan seperti ini? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Ini satu soalan yang relevan pada masa sekarang. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Pada semua masa relevan.

Dr. S. Subramaniam: Ya, ya, ya. Kerajaan Barisan Nasional memang terpeka kepada keadaan untuk membangun infrastruktur di keseluruhan tempat dan seperti yang telah diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat, keadaan di kawasan Pasir Mas itu begitu teruk, memang itulah jadi satu daripada tanggungjawab kita untuk memberi tumpuan yang lebih baik dan perhatian dituju untuk menambahbaikkan keadaan di situ supaya rakyat di kawasan itu akan mendapat satu taraf kehidupan yang lebih selesa dan lebih tinggi daripada apa yang mereka ada pada masa sekarang dan insya-Allah, ini akan berlaku selepas pilihan raya ini. Terima kasih.

2. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Penerangan menyatakan secara terperinci mengenai program serta keberkesanan program yang telah dilaksanakan oleh RTM dalam kempen membanteras penyalahgunaan dadah.

Menteri Penerangan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai saluran media rasmi kerajaan yang penting dalam memberi publisiti yang meluas mengenai dasar dan kempen kerajaan, RTM turut membantu melaksanakan kempen kerajaan membanteras penyalahgunaan dadah. Usaha yang bermula sejak lama dulu diteruskan hingga kini dengan menggunakan pelbagai pendekatan melalui siaran TV dan semua rangkaian radio di peringkat nasional yang meliputi semua bahasa utama dan juga siaran radio di peringkat negeri dan tempatan. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian seluruh anggota masyarakat seupaya bekerjasama dan memberikan sokongan kepada kerajaan bagi menjayakan kempen tersebut.

Selain sering menyiarkan seruan dan ingatan pemimpin kepada anggota masyarakat melalui siaran berita radio dan TV, RTM mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, pelbagai berita lain mengenainya juga turut disiarkan. Ini termasuk kejayaan membanteras sindiket mengedarkan dadah, rampasan dadah dan menonjolkan berita kes-kes mahkamah menjatuhkan hukuman mati mandatori atas sebab terhadap salah dadah.

Selain itu, bahaya penyalahgunaan dadah kepada individu, keluarga dan masyarakat juga sering menjadi topik perbincangan dalam siaran radio dan TV. Turut ditonjolkan ialah aspek berkaitan dengan pemilikan dan pengedaran dadah sebagai satu kesalah jenayah berat yang boleh membawa hukuman mati mandatori. Ramai tokoh negara termasuk di peringkat menteri, pegawai-pegawai kanan jabatan yang terlibat dalam usaha pencegahan dan pembanterasannya pengedaran dadah termasuk polis,

agensi dadah kebangsaan, pemadam dan pemimpin-pemimpin masyarakat sering di undang menjadi tetamu rancangan radio dan TV untuk membincangkan topik ini. Ini termasuk melalui program Selamat Pagi Malaysia di TV 1, *Hello On Two* di TV2, 60 minit bersama Menteri dan Forum Perdana Hal-Ehwal Islam.

Kementerian Penerangan yang memandang berat kepada masalah dadah ini juga turut memberi fokus selama beberapa minggu melalui siri Debat Perdana di TV1 baru-baru ini. Rancangan ini turut mengundang ramai ahli politik, pihak berkuasa polis, ahli akademik dan sains sosial, para pemimpin NGO termasuk belia dan masyarakat. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian semua pihak agar sama-sama berusaha dan mencari pendekatan terbaik mengatasi masalah ini. Selain itu RTM juga turut berusaha menerapkan kempen anti dadah secara tidak langsung melalui penyiaran lagu antidadah secara lebih kerap, slot drama, sketsa pendek dan capsule radio di samping menjadi bahan bualan juruhebah radio atau diselitkan dalam dialog personaliti berpengaruh melalui rancangan hiburan radio dan beberapa rancangan TV termasuk Salam Pantai Timur.

Dalam pada itu RTM juga turut memberikan sokongan padu mempromosikan Karnival Enam Jahanam yang berlangsung di beberapa lokasi dan usaha ini akan diteruskan. Memandangkan radio dan TV merupakan saluran media yang berpengaruh, saya kira usaha ini berjaya mempengaruhi pandangan sikap dan tindakan masyarakat untuk sentiasa bersama-sama menyokong kempen kerajaan membanteras dadah sebagai musuh nombor satu negara ini.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memang, masalah dadah ini merupakan satu masalah yang berterusan, semakin hari kita dapati bahawa mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah ni makin bertambah. Jadi, saya rasa, pada hari ini kita mesti mengubah tanggapan kita bahawa, kita ubah daripada dadah sebagai musuh nombor satu negara, kita ubah kepada pengedar dadah merupakan musuh nombor satu negara. Jadi soalan saya ialah, apakah kerjasama yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Penerangan dengan kementerian-kementerian yang lain umpamanya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menyediakan satu program yang boleh menunjukkan kesan-kesan sampingan, kesan-kesan *end stage* kepada pengguna-pengguna ataupun mereka yang terbabit dengan penyalahgunaan dadah.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang saya ingat apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun dimasukkan dalam beberapa program yang pernah dan sempat saya menonton dalam bulan-bulan yang sudah, tapi ini adalah satu usaha yang berterusan, insya-Allah kita akan perbanyakkan lagi kaedah-kaedah tersebut dalam program-program yang akan diadakan nantilah, mengenai dadah ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri sendiri ada kata tadi, bahawa radio dan televisyen ialah saluran yang utama dalam kempen membanteras rasuah. Adakah.....dadah ya....

Beberapa Ahli: [[Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang:dadah, saya fikir begitu - rasuah oleh kerana *by-election* tadi ada yang timbullah, *by-election* tadi tu. Dadah pun satu jenis rasuah tau, dadah pun satu jenis rasuah. Okey, Yang Berhormat Menteri telah menjadi Menteri Penerangan dua tahun, dan bukan saja dua tahun, tetapi sudah begitu lama, 10 tahun, 20 tahun, kempen RTM nampaknya gagal oleh kerana masalah dadah terus lebih besar, adakah satu kajian dibuat, kenapa kempen melalui radio dan televisyen tidak berkesan, dan adakah satu kajian yang mendalam dibuat supaya satu *paradigm shift* dapat diadakan? Oleh kerana kes ini, saya bukan menyalahkan Yang Berhormat Menteri tapi satu masalah yang besar. Sebab utama kenapa sampai sekarang kempen melalui saluran radio dan televisyen tidak boleh dapat matlamat dan apa pembetulan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat. Ini adalah masalah besar, masalah nasional. Setakat kempen radio dan TV saja takkan cukup. Ini mestilah satu usaha nasional iaitu Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan, semua NGO, semuanya harus memainkan peranan. Radio dan TV juga boleh membantu. Jadi, saya rasa ini perlu suatu usaha keseluruhan, seluruh masyarakat, termasuk juga parti-parti pembangkang juga harus membantu jangan hanya mengkritik, kalau ada idea-idea yang bernas, kita boleh memperbaiki lagi usaha kita bersama untuk membanteras masalah nasional ini, haruslah ini dikemukakan dan insya-Allah kita akan laksanakan apa yang baik.

3. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang kemampuan usahawan bumiputera yang menghadapi masalah mendapatkan bahan dan kredit bekalan dalam melaksanakan projek. Masalah ini telah menyebabkan kos bekalan yang tinggi dan menjejaskan daya saing mereka. Apakah mekanisme yang boleh diambil oleh kerajaan dalam hal ini dan peranan GLCs yang diumumkan kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan dan membantu usahawan bumiputera untuk meningkatkan kemampuan bagi mengatasi masalah mendapatkan bekalan bahan dan kredit dalam melaksanakan sesuatu projek.

Banyak program telah diwujudkan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan mahupun syarikat yang berkaitan dengan kerajaan ataupun GLC. Secara amnya, pihak GLC akan terus menyokong usaha-usaha kerajaan dalam membantu usahawan bumiputera untuk memperoleh peluang perniagaan sama ada melalui program pembangunan vendor ataupun *vendor development program* yang sedang berjalan, yang disertai oleh pelbagai GLC di bawah tajaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ataupun melalui program penggalakan pengusaha bumiputera yang dijalankan oleh pihak GLC secara individu. Pihak GLC juga akan terus menjalankan aktiviti menyokong usahawan bumiputera di bawah Program Transformasi GLC yang sedang giat dijalankan sekarang, sebagaimana yang telah dihuraikan di bawah inisiatif keenam Program Transformasi GLC berkenaan dengan aktiviti perolehan atau *procurement* yang menyediakan panduan bagi amalan terbaik untuk membantu syarikat dengan memberi penerangan ke atas dasar-dasar kerajaan, dan peranan GLC dalam usaha untuk membangunkan pembekal tempatan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Kita tahu, setiap tahun kerajaan memberikan peluang kepada usahawan bumiputera, khususnya kontraktor kelas F, tetapi peluang ini selalunya tidak diterjemahkan dengan sebaik mungkin dan selalunya kita juga menyalahkan kontraktor-kontraktor bumiputera dalam kelas F ini. Selain daripada mendapatkan bahan dan kredit bekalan ini, adakah pihak kementerian sudah mengkaji ataupun melalui pengalaman kementerian melihat kegagalan bumiputera ini bukan sahaja daripada bekalan tetapi dari sudut-sudut yang lain? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat lebih berminat kepada kontraktor-kontraktor. Tuan Yang di-Pertua,

memanglah kalau mengikut perangkaan yang ada kontraktor daripada A hingga F ada lebih kurang 60,000, kelas F sahaja 40,000 dan sekarang ini dalam proses nak mengurangkan, memotong mana-mana nama yang tidak aktif, maka nampaknya kontraktor kelas F akan bertambah kurang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi usaha kerajaan memang banyak melalui pelbagai cara termasuk juga memberi kemudahan-kemudahan kredit daripada MARA, bank-bank komersial dan baru-baru ini kerajaan menubuhkan bank SME untuk membantu usahawan-usahawan termasuk juga kontraktor kelas F. Hari ini masalahnya ialah sikap kontraktor kelas F itu sendiri. Ramai di antara mereka yang mengambil sikap mudah iaitu dengan menjual atau memberi kontrak kepada orang lain. Memang ada kes-kes di mana satu orang kontraktor memegang 20-30 kontrak yang lain, lesen yang lain dan apabila pemegang lesen ini dapat kontrak, maka orang yang sama akan buat, bermakna kontraktor yang memberi projeknya kepada kontraktor yang lain ini adalah mereka yang tidak serius, maka mereka tidak harus dibantu, mereka yang nak dibantu ialah mereka yang serius. Dalam ini Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang memberi kemudahan yang lain seperti membenarkan *assignment* Tuan Yang di-Pertua, bila syarikat kewangan ataupun bank mereka mendapat jaminan bayaran dengan cara membenarkan *assignment* oleh pihak kontraktor, bayar terus kepada pihak bank. Dan bagi kontraktor yang lebih besar, tambahan kontrak, kerja kontrak kerajaan membenarkan, memberi bantuan pendahuluan 25% ataupun RM10 juta ataupun mana yang lebih murah. Bagi kontrak perkhidmatan, kerajaan bagi 15% pendahuluan ataupun RM5 juta mana yang lebih rendah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kibabaangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan, syarikat-syarikat GLC supaya tidak bersaing secara terbuka dengan kontraktor-kontraktor di kelas-kelas yang rendah iaitu seperti G, F dan sebagainya. Jadi soalan tambahan, sejauh manakah kementerian membuat pemantauan yang syarikat GLC seperti FELDA, seperti Telekom, seperti TNB dan sebagainya telah mengikut arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebab didapati seolah-olah tidak ada reaksi daripada syarikat-syarikat GLC ini dan tidak ada tindakan atau pun *follow-up action* daripada pihak kementerian membuat penyiasatan, dan ini bermakna saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak diendahkan. Jadi, apa kemajuannya sehingga hari ini? Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Program Transformasi GLC telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam beberapa bulan yang lepas, saya kurang jelas, mungkin dalam bulan Julai begitulah, program telah dilancarkan oleh Perdana Menteri dan berbagai-bagai program disebut dalam perkara itu, yang penting bagi Kementerian Kewangan ialah tentang perolehan dan *guide line* ini sedang digubalkan supaya *procurement* ini lebih *transparent* dan setakat ini baru saja dilancarkan dalam beberapa bulan yang lepas, dan kesannya belum dapat dilihat dengan jelas lagi Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Setiausaha Parlimen tidak faham tentang tujuan soalan saya. Maksud soalan saya, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta syarikat-syarikat GLC tidak membuka anak-anak syarikat untuk bersaing dengan kontraktor-kontraktor tempatan bumiputera, dan sejauh manakah perkara ini telah dapat dilaksanakan oleh GLC dan berapa anak-anak syarikat mereka yang berasing dulu telah ditutup, diarah tidak bersaing dengan bumiputera tempatan. Itu yang saya mahu dengar.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi,....

Tuan Yang di-Pertua: Ini baru jelas, tadi tak jelas.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, program inisiatif ini yang telah pun dilancarkan oleh Perdana Menteri, terlalu awal untuk kita melihat keputusannya, *result*, usaha ini. Walau bagaimanapun pihak GLC, masing-masing ada program untuk membantu bumiputera, vendor bumiputera ni, PROTON misalnya, TNB, mereka memang mewujudkan program-program vendor, membangunkan usahawan bumiputera. Tentang persaingan ini, saya sebut tadi memang terlalu awal untuk kita lihat *result*nya Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya] meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan dan sasaran kementerian dalam usaha mencapai tujuan kementerian iaitu untuk membuat perubahan sikap masyarakat dan untuk meningkatkan keupayaan masyarakat berdikari.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan objektif kementerian untuk membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan

peningkatan keupayaan untuk berdikari, berbagai-bagai program dan aktiviti telah disusun dan dilaksanakan dan secara berterusan oleh kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya kumpulan sasar dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk berdikari dalam jangka masa panjang.

Salah satu program yang telah dilaksanakan oleh JKMM ialah projek ekonomi serta latihan kemahiran melalui pembangunan komuniti yang telah dilaksanakan di peringkat daerah. Program ini menumpukan kepada kewujudan projek dalam komuniti bertujuan untuk menambah pendapatan dengan menggunakan sumber-sumber tempatan dan dibangunkan oleh komuniti itu sendiri.

Pada peringkat permulaan, bantuan kepakaran dan khidmat nasihat serta pemantauan yang berterusan disediakan oleh JKMM. Sehingga bulan Ogos, 2005, terdapat lebih 61 program pembangunan komuniti telah dilaksanakan dengan penglibatan lebih 942 individu dan keluarga di seluruh negara. Antara program-program tersebut ialah membuat sos cili, mengeluarkan makanan ringan, projek ternakan kambing dan ikan air tawar, pengeluaran makanan tradisional, perkhidmatan refleksologi oleh orang kurang upaya penglihatan, tanaman herba dan berbagai-bagai lagi program yang berasaskan kepada sumber tempatan bagi meningkatkan pendapatan dan memberi kemahiran kepada komuniti setempat.

Selain daripada itu, latihan kemahiran dan pendidikan sosial juga diberikan kepada kumpulan sasar atau komuniti yang terlibat bagi memantapkan lagi keupayaan mereka dalam melaksanakan program komuniti setiap daerah. Latihan yang disediakan dijangka dapat mewujudkan kemahiran-kemahiran tertentu serta sebagai penyediaan asas kepada kumpulan sasar atau komuniti melibatkan diri dalam program-program sosioekonomi dan ke arah perubahan sikap.

Di samping program pembangunan, JKMM juga menyediakan bantuan modal dan inisiatif kepada kumpulan sasar jabatan melalui bantuan geran pelancaran dan elaun pekerja cacat kepada golongan OKU. Bantuan geran pelancaran sebagai modal permulaan bertujuan untuk memberi peluang kepada kumpulan sasar jabatan untuk berniaga atau mengusahakan perusahaan kecil-kecilan bagi meningkatkan pendapatan dan membantu mereka untuk hidup berdikari.

Elaun pekerja cacat pula bertujuan sebagai insentif kepada OKU yang berpendapatan di bawah RM750 sebulan untuk terus bekerja ke arah hidup berdikari.

Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mendorong dan membantu kumpulan sasaran atau komuniti yang memerlukan kerana mereka mempunyai potensi diri yang boleh ditingkatkan dengan berbagai bantuan dan sokongan yang berterusan. Walau bagaimanapun, proses perubahan sikap merupakan satu perkara yang tidak mudah untuk dilakukan dan memerlukan masa yang panjang untuk merealisasikannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya memahami apa yang telah dijawab dengan panjang lebar dan terperinci oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Tetapi kalau kita lihat salah satu segmen dalam masyarakat kita sekarang ialah peningkatan kadar golongan lembut atau pun 'mak nyah' dan dalam kajian saya, segmen atau golongan ini tidak termasuk dalam pengkhususan kementerian. Sebab kita melihat kepada *senior citizen*, OKU dan sebagainya. Golongan mak nyah ialah satu golongan masyarakat yang makin berkembang dalam pengamatan secara kasar kita dan terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh mereka dan juga masyarakat yang melibatkan masyarakat. saya

Saya ingin mengetahui setakat ini apakah kajian yang telah dibuat oleh kementerian untuk mengkaji jumlah golongan lembut ini dari segi pecahan dan juga latar belakang mereka, kajian tentang sikap atau pun adakah sebarang kajian juga tentang bidang-bidang ataupun aktiviti yang mereka ceburi setakat ini. Apakah langkah yang telah dan perlu diambil oleh kementerian terutamanya dalam memberi kaunseling kepada golongan ini supaya mereka tidak terjebak dalam aktiviti, gejala-gejala negatif yang boleh membawa akibat buruk kepada masyarakat kita. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat Petra Jjaya. Mengenai masalah 'mak nyah' ini satu kajian akan dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara di bawah arahan Yang Berhormat Menteri. Buat masa ini apa yang boleh kita beri panduan kepada kaum mak nyah ialah perkhidmatan kaunseling. Untuk golongan mak nyah yang berpendapatan rendah yang miskin di bawah JKM juga kita akan beri bantuan yang sewajarnya. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan seperti yang katakan agak panjang lebar. Adakah kajian telah dibuat penilaian ke atas program-program ini. Setakat mana dia berjaya meningkatkan keupayaan masyarakat berdikari seperti OKU.

Bagaimana dan berapa orang OKU sekarang boleh berdikari setelah diberi pertolongan atau bantuan oleh kementerian. Dia telah berjaya dan tidak perlu bantuan sekarang. Adakah penilaian telah dibuat dan berapa orangnya. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Buat masa kini yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, OKU yang telah berdaftar ialah lebih kurang 132,000 orang dan di antara mereka kita mesti di sini mengakui walaupun kita ada satu polisi iaitu ada 1% pekerja OKU di semua Jabatan Kerajaan dan telah wujud tetapi masih dalam keadaan yang perlu galakan yang lebih hebat.

Orang Kurang Upaya ini perlukan persekitaran tempat kerja, pengangkutan awam dan tempat tinggal yang *this ever friendly*. Ini kita mesti memberi kerjasama dari semua Majlis Perbandaran dan juga Kerajaan Tempatan untuk mewujudkan satu persekitaran bangunan atau pun tempat kerja atau menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk mereka. Satu masalah yang sekarang kita hadapi ialah ada lagi banyak ramai OKU, mereka masih belum lagi berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh itu angka-angka yang kita ada tidak boleh membayangkan keadaan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, kerajaan atau kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk mempromosikan dan menggalakkan

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa yang saya hendak tanya adakah penilaian telah dibuat ke atas program-program.

Puan Chew Mei Fun: Ok, saya punya jawapan ada kena mengena dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Maknanya kalau mereka tidak berdaftar dengan JKMM, kita tidak dapat ada satu angka yang membayangkan keadaan yang sebenar dan kita telah melalui kalau melalui Pusat Latihan Perlindungan dan Pemulihan di Bangi, Bengkel Daya di Klang dan Bengkel Perlindungan di Sungai Petani kita anggap kadar kejayaan itu amat tinggi. Melalui NGO-NGO seperti Beautiful Gate dan juga yang lain sekarang kebanyakan mereka telah berdikari dan saya tidak ada angka yang berapa mereka sekarang ada di bawah *list* kita untuk mendapatkan elaun pekerja orang kurang upaya. Terima kasih.

5. **Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa faktor-faktor perubatan masih memikirkan kaedah rawatan penagihan dadah jenis lama iaitu heroin dan morfina sebaliknya tidak menumpukan ke arah kajian rawatan penagihan dadah jenis terbaru iaitu amphetamine (ATS) seperti ais dan syabu yang kini telah menukar kepada generasi muda hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:

Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar perubatan dan kesihatan sentiasa memikir dan mengkaji kaedah-kaedah rawatan yang terbaik dan efektif untuk merawat dan menangani segala jenis penagihan dadah yang setiap satunya mempunyai kaedah rawatan yang tersendiri. Pada yang telah terbukti berkesan dan disyorkan penggunaannya oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO seperti *drugs substance therapy* untuk penagihan dadah jenis terbaru yang sentiasa dibanci dan dikemas kini.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah penagih-penagih dadah jenis baru ini mendapatkan rawatan sendiri ke hospital dan sebagainya.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut pendapat pakar-pakar perubatan atas isu ini adalah di atas penekanan mereka adalah di atas pencegahan. Tidak seperti heroin dan *morfin* yang dapat digunakan dengan kaedah rawatan terapi gantian dengan ubatan seperti *methadone* bagi dadah sejenis seperti amphetamine yang dikatakan syabu atau ais ini. Kaedah terbaik adalah melalui pendidikan dan kemudaratannya. Khidmat kaunseling yang efektif dan berkesan untuk penguatkuasaan seperti operasi ke atas pusat-pusat hiburan dan tempat yang disyaki sebagai sarang pengedaran. Ini adalah kaedah yang terbaik iaitu kita hendak menjalankan tugas-tugas kita untuk mencegah kalau dibandingkan dengan kerja-kerja rawatan. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ingin bertanya mengenai pelaksanaan program *methadone*. Adakah kerana ada penagih dadah katakan dia hendak menyertai program ini tetapi dia ada maklumat seperti di Pulau Pinang dikatakan hanya di Bukit Mertajam yang mempunyai program ini dan penagih-penagih di island kalau mereka juga hendak menyertai program ini mereka mesti berulang alik dari Pulau Pinang ke Bukit Mertajam. Bolehkah saya dapat makluman berapa pusat atau berapa tempat berapa hospital di Pulau Pinang yang mengadakan program ini untuk menggunakan *methadone* untuk *to treat* penagih dadah?

Dato' Lee Kah Choon: Selain daripada hospital-hospital kerajaan, kita juga beri kuasa kepada klinik-klinik swasta yang didaftarkan untuk menjalankan program methadone ini. Kalau Yang Berhormat perlukan nama dan alamat mereka bolehlah dapatkan daripada saya. Sekian, terima kasih .

6. Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan adakah kerajaan bercadang membangunkan sumber tenaga nuklear memandangkan inisiatif ini pernah dibuat pada awal tahun 70-an. Berikutan kenaikan harga minyak yang berterusan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula inisiatif ini bagi mengawal kenaikan tarif tenaga.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat memang banyak negara maju telah beralih ke sumber tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik berikutan krisis harga minyak pada tahun 70-an. Kebanyakan dari negara-negara tersebut merupakan negara yang sangat bergantung kepada sumber tenaga yang diimport dari negara luar.

Kerajaan Malaysia telah menimbangkan kemungkinan menggunakan sumber tenaga nuklear tetapi telah memutuskan untuk tidak menggunakan bahan api ini kerana teknologi yang sedia ada masih belum berupaya untuk menghapuskan bahan sisa nuklear dengan cara yang selamat. Selain daripada isu keselamatan kepada rakyat saya juga ingin memaklumkan bahawa kos untuk membina loji jana kuasa tenaga nuklear adalah terlalu tinggi dan mengambil masa yang lama iaitu lebih kurang 8 hingga 10 tahun. Loji-loji jana kuasa nuklear yang dibina di seluruh dunia pada masa ini adalah dibina dengan subsidi yang tinggi dari kerajaan.

Subsidi ini sebenarnya boleh digunakan bagi tujuan pembangunan yang lain. Satu lain isu yang meruncing berhubung dengan sisa nuklear adalah peningkatan dalam aktiviti keganasan antarabangsa semakin *sophisticated* yang mampu mendapatkan sisa ini dengan menggunakannya untuk tujuan-tujuan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah dianugerahkan dengan pelbagai sumber tenaga baik *tenaga fosil* mahupun sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti hydro, biomass dan solar. Kerajaan telah memutuskan untuk menggunakan sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui untuk menjanakan elektrik sebagai satu kaedah untuk mengatasi isu kenaikan tarif tenaga ekoran daripada kenaikan dalam harga minyak dan gas dalam pasaran antarabangsa. Di samping itu usaha-usaha ke arah

penjimatan tenaga elektrik seperti pengalaman, kecekapan tenaga *energy efficiency* dengan izin akan dipertingkatkan di negara ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah dalam usaha kita untuk mencari sumber tenaga alternatif telah banyak diperkatakan tentang program biomass dan bio-diesel khususnya di negara kita memandangkan kita mempunyai sumber-sumber yang boleh dibangunkan di dalam bidang ini. Tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan benar-benar serius dalam usaha membangunkan sumber ini dan adakah projek ini sebenarnya viable untuk dilaksanakan memandangkan sama ada kajian-kajian itu viable dan juga boleh dilaksanakan di negara ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kudat. Yang Berhormat bertanyakan dua soalan. Yang pertama adakah kerajaan begitu serius dalam projek biomass ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat daripada Kudat setakat hari ini kerajaan benar-benar serius dalam membangunkan energy biomass ini yang mana sebagai mana yang kita ketahui hari ini juga MPOB (*Malaysian Palm Oil Board*) telah pun bersetuju menyediakan satu plan ataupun satu kilang untuk menghasilkan lebih kurang 5,000 tan sebulan bio-diesel iaitu gabungan di antara *palm oil* dan juga diesel di mana nisbahnya lebih kurang 95% dan 5% palm oil. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kudat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain pada masa ini *biomass* ini kelihatan akan menjadi satu sumber tenaga yang *viable* kerana kalau kita lihat dari segi trend harga minyak dan harga gas yang begitu meningkat sekali malah di negara kita sendiri kita maklum bahawa gas yang dipasarkan kepada sektor industri tenaga di negara kita ini adalah jauh lebih murah. Iaitu Petronas membekalkan kepada sektor industri tenaga dengan harga lebih kurang RM6.40 bagi satu unit BTU manakala dibekalkan di pasaran ialah RM30 bagi satu unit British Thermal Unit.

Itulah perbezaan yang begitu besar harga pasaran RM30 manakala yang dipasarkan pada sektor industri tenaga hanyalah RM6.40, maka dengan jurang beza yang begitu besar ini maka kerajaan yakin biomass ini merupakan satu sumber yang akan memberi tenaga yang lebih murah kepada rakyat negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Biogas tadi berapa bahagian minyak sawit?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Setakat ini ratio nya 5% daripada *palm oil* dan 95% daripada

Tuan Yang di-Pertua: 5% sahaja?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: 5%, akan boleh kajian dilakukan untuk meningkatkan ini. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Baik Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya kerajaan memang telah pun memperkenalkan dasar tutup pintu kepada sumber tenaga nuklear ini walaupun kita maklum bahawa *tokai power station* antara nuklear *power station* yang tertua di dunia telah berada di pasaran lebih kurang 39 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Tidak mengapalah kerana kerajaan telah juga memperkenalkan beberapa dasar tentang *renewable energy* sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti hidro, biomass dan solar serta baru-baru ini ada pula sumber tenaga angin.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah hari ini kita juga telah dikenal pasti, Nusantara ini Malaysia, Indonesia perairannya telah dikenal pasti mempunyai 60% daripada deposit gas dunia. Tuan Yang di-Pertua, 60% , kita boleh menjadi negara mengepalai (*the leading nation*) dalam usaha untuk memperkenalkan sumber tenaga ini sebagai mengatasi masalah kenaikan harga minyak. Jadi apakah yang kerajaan telah lakukan di peringkat ini untuk kita menjadikan sebagai 60% deposit gas ini sebagai usaha kita untuk mengatasi kenaikan harga minyak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Pertamanya, ingin saya menyatakan bahawa sebenarnya kerajaan tidak mengamalkan dasar tutup pintu. Sebaliknya sebagaimana yang saya katakan tadi kerajaan masih lagi membuat kajian malah kita merasakan suatu hari nanti mungkin dalam jangka masa yang panjang kita akan menggunakan tenaga nuklear sebagai satu tenaga untuk mengeluarkan elektrik bagi negara ini. Dan berhubung dengan gas memang benar mungkin ada lapangan-lapangan gas yang baru tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, harga gas di pasaran juga tidaklah sebegitu murah kalau hendak dibandingkan dengan harga elektrik hidro, maka oleh itu suka saya nyatakan bahawa kerajaan pada hari ini mengamalkan dasar supaya ada gabungan

generation mix bagi gas, *coal*, hidro, *oil* dan juga *renewable energy* bagi membekalkan tenaga elektrik bagi negara ini. Terima kasih.

7. Dato' Haji Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah terdapat kesan masalah disiplin yang ketara akibat kekurangan Kaunselor Pelajar Sepenuh masa di sekolah-sekolah. Apakah kementerian bercadang mewujudkan jawatan "Guru Disiplin Sepenuh Masa" di sekolah-sekolah menengah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga April 2005 sekolah-sekolah di Malaysia mempunyai 5,605 orang guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa atau SBKSM untuk sekolah menengah dan 4,494 orang guru bimbingan sepenuh masa untuk sekolah rendah. Masalah disiplin memang wujud. Itu kita tidak nafikan tetapi tidak begitu ketara di sekolah. Kurang dari dua peratus murid terlibat dengan hal-hal disiplin dari bilangan keseluruhan 5 juta orang murid. Murid seluruh negara sehingga November 2004 seramai 2,228,294 orang murid sekolah menengah dan rendah telah menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di seluruh negara yang meliputi bidang psikologi, bimbingan kerjaya, sahsiah murid, akademik, rokok dan dadah serta kaunseling individu dan kelompok. Sehingga kini kementerian tiada cadangan untuk mewujudkan jawatan guru disiplin sepenuh masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Dato' Ghazali bin Ibrahim: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adakah kerajaan memberi latihan khas kepada guru-guru bimbingan kerana saya difahamkan bahawa sesetengah guru tidak diberikan latihan khas untuk membimbing murid-murid di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk memberi latihan khas kepada guru bimbingan supaya lebih berkesan lagi tugas-tugas mereka kepada sekolah yang ditugaskan kepada mereka. Sekian.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya guru-guru bimbingan atau guru kaunselor ini diberi latihan khas oleh pihak kerajaan, malah hari ini apabila mereka menyertai pusat latihan perguruan mereka juga diberi latihan untuk mengikuti kursus-kursus bimbingan sekiranya mereka perlu. Bagi guru-guru - saya balik kepada guru-guru disiplin ingin juga saya nyatakan kepada Yang

Berhormat bahawa guru-guru disiplin bukan hanya seorang, kita melantiknya sebagai satu jawatankuasa di mana guru, katakanlah guru itu guru disiplin dia akan mempengerusikan majlis guru-guru disiplin tadi. Jadi dengan lain perkataan guru-guru disiplin ini adalah terdiri daripada satu jawatankuasa yang membincang khas khusus mengenai dengan disiplin pelajar. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya di antara masalah disiplin yang utama yang dihadapi oleh sekolah terutama sekolah-sekolah di kawasan bandar ialah gengsterisme. Saya ingin tanya bagaimanakah keberkesanan menghadapi gengsterisme ini melalui kaunseling dan yang kedua saya ingin bertanya apakah kerjasama di antara pihak disiplin sekolah dengan polis masih diteruskan di dalam menangani masalah gengsterisme yang berlaku di sekolah. Dan adakah pihak kementerian bercadang untuk menambahkan lagi bilangan sekolah-sekolah yang bekerjasama dengan polis di dalam menangani masalah ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat membawa perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini. Sebenarnya ingin saya nyatakan, saya berkali-kali telah nyatakan mengenai dengan gengsterisme ini, mereka bukanlah wujudnya gengster dalam sekolah. Apa yang wujud ialah kumpulan-kumpulan ini kadang-kadang menyerupai gengsterisme itu yang boleh kita pakai tetapi untuk menyatakan secara spesifik di sekolah wujudnya gengsterisme itu tidak dapat kita terima. Gengsterisme mungkin wujud di luar sekolah yang mana ingin membuat dengan izin *recruitment* di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Mengenai dengan kerjasama dengan pihak polis memang itu dijalankan dan pihak polis telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada kita dan kita alu-alukan kerjasama ini. Malah saya telah berkali-kali menyatakan kepada pihak sekolah supaya peranan PIBG dan pihak sekolah dapat ditingkatkan. Seperkara lagi ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat juga, kita telah wujudkan beberapa jawatankuasa di kementerian untuk menangani soal disiplin di kalangan pelajar. Malah pada tahun hadapan kita akan boleh katakan kesedaran mengenai dengan buli di kalangan pelajar

akan dilakukan secara besar-besaran supaya kes-kes buli sehingga membawa kematian yang telah berlaku di Negeri Sembilan baru-baru ini tidak akan berulang di sekolah kita. Dan sekali lagi saya telah nyatakan minta kerjasama daripada ibu bapa sendiri kalaulah kita wujudkan berapa puluh orang guru kaunselor sekalipun kalau pihak ibu bapa tidak berperanan ia tidak membawa apa-apa manfaat. Terima kasih.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] tidak hadir]

9. Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) berapa banyak sekolah Bestari yang kerajaan rancang untuk didirikan dan berapa pula yang sudah beroperasi; dan
- (b) apakah keberkesanan sekolah Bestari berbanding sekolah biasa.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ada dua soalan di sini. Izinkan saya jawab kedua-dua soalan sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagi soalan (a) dalam program pembestarian sekolah Kementerian Pelajaran telah melaksanakan projek rintis Sekolah Bestari di 87 buah sekolah iaitu 81 buah sekolah sedia ada dan 6 buah sekolah baru dibina. Daripada 87 buah sekolah tersebut, sebanyak 35 buah sekolah adalah sekolah luar bandar dan selebihnya iaitu 52 buah adalah sekolah di bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyasarkan 10,000 buah sekolah - ini sasaran, ya, akan menjadi Sekolah Bestari menjelang 2010.

Bagi soalan (b), bagi melihat keberkesanan pelaksanaan Sekolah Bestari dua kajian telah dijalankan iaitu:-

- (a) penyelidikan penilaian penyelesaian bersepadu Sekolah Bestari; dan
- (b) penandaarasan penyelesaian bersepadu Sekolah Bestari.

Pada keseluruhannya kajian pertama menunjukkan tiada masalah besar yang dihadapi baik oleh Kementerian Pelajaran mahupun oleh sekolah dalam melaksanakan projek rintis Sekolah Bestari. Keberkesanan Sekolah Bestari dapat dilihat kepada beberapa faktor. Yang utamanya ialah kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh sekolah ini dari segi peralatan seperti komputer, *note book*, LCD *projector* dengan izin,

dan rangkaian komputer ataupun *Local Area Network* dan *White Area Network (WAN)*. Kemudahan ini dapat membantu dalam aspek pembelajaran dan pengajaran kepada guru dan murid. Di samping itu pengajaran berbantuan komputer juga dilakukan dengan menggunakan perisian khusus dalam mata pelajaran bahasa Melayu, Inggeris, Matematik dan Sains. Pengajaran dengan cara ini berjaya menarik ramai minat pelajar berbanding dengan cara tradisional. Dapatan kajian menunjukkan kekerapan penggunaan modul sistem pengurusan Sekolah Bestari oleh guru penyelaras bestari adalah tinggi. Perkhidmatan meja bantuan juga didapati memuaskan. Selain itu bagi pihak pentadbir pula mereka dapat menggunakan perisian sistem pengurusan sekolah untuk penyusunan jadual waktu, maklumat staf, maklumat disiplin dengan lebih cekap dan berkesan.

Kajian kedua iaitu kajian perbandingan amalan pendidikan terbaik melalui pendidikan berbentuk ICT atau dengan izin ICT *mediated education* di Malaysia dengan negara-negara seperti Australia, Britain, Canada, Ireland, Jepun, New Zealand, Singapura dan Amerika Syarikat juga telah dilakukan. Antara dapatan kajian ialah Malaysia telah berjaya mengetengahkan satu modul bagi pendidikan berbentuk ICT yang ulung untuk negara membangun.

Sistem sekolah bestari juga adalah satu-satunya sistem yang terdapat di dunia iaitu kerajaan sebagai agen utama memberikan kesedaran penting kepada pembangunan IT, berbanding dengan negara lain seperti Island dan New Zealand. Melalui pelaksanaan sekolah bestari, Malaysia berjaya mewujudkan dasar keselamatan IT yang komprehensif bagi melindungi rangkaian komputer untuk sekolah-sekolah kerajaan. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya ingin membuat soalan susulan menanyakan keberkesanannya pada murid itu sendiri. Kalau saya lihat, perbandingan yang dibuat dengan universiti-universiti lain, tidak termasuk Jepun, Korea Selatan yang mempunyai bahasa yang lain pada Inggeris, kalau dibuatkan dengan Island, New Zealand, Australia, itu adalah Bahasa Inggeris khususnya, sepenuhnya. Dan, bagaimana kanak-kanak ini ataupun pelajar-pelajar ini diperbandingkan dengan keputusan kerajaan membuat Inggeris dalam bahasa, *I mean teaching of English in Science and Math*. Apakah kajian telah dibuat, membuatkan kerajaan memutuskan walaupun ada protes merata-rata tidak akan menukar polisi ini.

Jadi, apakah sekolah-sekolah bestari ini menyumbang ke atas *decision* atau keputusan kerajaan tidak menukar. Dan juga bagaimana pelajar-pelajar dalam sekolah bestari ini apabila mereka meningkat? Apakah ada satu kajian, *follow up* ataupun mengkaji setakat mana dan bagaimana mereka akan pelajar-pelajar sekolah bestari ini mencapai pencapaian tertinggi? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan yang ditanya lebih kurang tiga soalan iaitu satu keberkesanan. Di sini saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kalau tidak ada keberkesanan sudah lama kami tutup program ini. Oleh sebab program ini amat menggalakkan jika dibandingkan dengan sistem tradisional tadi, kita rasa adalah amat berkesan ke atas murid-murid. Maksudnya tarikan untuk mereka menggunakan ICT dan dalam masa yang sama mendapatkan ilmu pengetahuan itu amat luas sekali.

Sebab itu kita teruskan sekolah bestari ini. Bestari bukan makna anak-anak itu bila dihantar ke sekolah bestari terus jadi pandai, tidak. Sekolah itu menggunakan peralatan ICT dari segi pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, ia dapat, kita kata memberi satu minat yang baru di kalangan pelajar-pelajar kita, Insya-Allah. Mengenai dengan sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, saya tahu tidak adapun saya dengar di mana Yang Berhormat dapat saya tak tahulah, rata-rata dalam Malaysia ini protes. Saya tak tahu tak ada protes pun, yang saya tahu cuma DAP dalam ini saja yang buat protes kepada kita. Ya, itu saya tahu tetapi di luar sana kalau kita lihat dari segi keputusan peperiksaan amat menggalakkan.

Sebab itu saya berkali-kali telah katakan jangan sekali-kali mempolitikkan pelajaran, kalau kita politikkan pelajaran anak-anak kita berkecamuk. Yang masalahnya ini ialah orang dewasa. Dia rasa dia tak boleh, dia kata anak dia pun tak boleh. Itu tidak betul. Jadi cara pendekatan sudah berubah. Sebab itu saya rasa untuk mendapat ilmu pengetahuan yang lebih luas, ini bukan makna kita mengesampingkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tidak sama sekali. Saya beri jaminan itu kepada Yang Berhormat.

Perkara ketiga ialah mengenai dengan *follow up*, dengan izin, kepada anak-anak yang mengikuti sekolah bestari tadi. *Follow up*nya memang cukup baik sekali dan modul-modul yang telah disediakan, menurut seperti mana yang telah saya nyatakan awal tadi iaitu dari segi penggunaan ICT tadi di sekolah-sekolah rintis amat menggalakkan. terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita satu ketika mendengar bahawa kerajaan berhasrat untuk menjadikan semua sekolah di dalam negara kita ini, sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah bertaraf sekolah bestari. Tidak perlu ada peruntukan khas untuk membina sekolah bestari ataupun satu sekolah yang khusus untuk menerima penganugerahan sekolah bestari ini. Jadi, kalau ada kebenaran dari segi usaha itu untuk menjadikan akhirnya semua sekolah di negara kita sekolah bestari, pada pandangan Yang Berhormat bilakah agaknya kita akan selesai dalam program membestarikan semua sekolah-sekolah yang ada dalam negara kita .

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, sekurang-kurangnya Yang Berhormat begitu mempunyai pemikiran yang positif dan saya kira sekolah rendah dan sekolah menengah, Insya-Allah, kalau boleh macam saya katakan pendekatan dalam pengajaran pembelajaran kita menggunakan ICT, *note book* dan sebagainya. Jadi, dengan adanya peralatan-peralatan ini sebenarnya, itu yang kita anggap sekolah itu akan dibestarkan pada masa yang akan datang. Apa yang saya maksudkan dengan sekolah bestari tadi kita ada modulnya sendiri dan juga peralatan-peralatan yang lebih kita kata mengkhususkan kepada ICT, padahal sekolah-sekolah lain walaupun terdapat makmal-makmal komputer tetapi masih tidak mencukupi.

Insya-Allah, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan tingkatkan lagi penggunaan ICT. Lebih-lebih lagi di kalangan guru kita apabila membuat persediaan mata-mata pelajaran tadi, dapat menggunakan LCD seluas-luasnya bagi menarik minat. Yang ini bukan saya katakan cara lama ini tidak betul, iaitu hendak menarik minat anak-anak tadi supaya mereka sekurang-kurangnya kita di Malaysia ini, generasi kita yang akan datang adalah generasi celik ICT. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi jawab lisan pada pagi ini. Setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL**MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 90(2)****11.11 pg.**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya berdiri di bawah Peraturan 90(2) dan 26(1)(m) mengenai cadangan bahawa menggantungkan Peraturan Mesyuarat 18(2) supaya permohonan Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat Teresa Kok Suh Sim, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk menangguhkan persidangan Dewan bagi membahaskan usul mengenai klip MMS seorang gadis tahanan polis yang dipaksa menanggalkan bajunya dan melakukan ketuk ketampi, dapat dipertimbangkan pada hari ini dan tidak perlu menunggu sehingga hari Selasa.

Dan, sebab untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat 18(2) adalah supaya Parlimen adalah relevan dan prihatin terhadap perkembangan-perkembangan terbaru dan tidak dilihat sebagai Parlimen pemalas, di mana Ahli-ahli Parlimen, Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan tidak harus diganggu pada hari minggu dan cuti umum, walaupun berlakunya peristiwa-peristiwa tertentu yang berkepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan.

Dan, sesuatu itu memang tidak betul sekiranya Parlimen boleh memberi maklum balas terhadap perkembangan-perkembangan yang tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan dalam tempoh dua jam dalam tahun-tahun awalnya seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat untuk kira-kira tiga dekad tetapi ianya memerlukan kira-kira 100 jam atau lebih daripada tiga hari dalam era teknologi komunikasi maklumat. Ini bukanlah menuju ke hadapan tetapi berundur ke belakang dan seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 26(1)(m), saya mencadangkan satu usul untuk menggantungkan Peraturan Mesyuarat 18(2) dengan serta-merta supaya perkara ini boleh dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, ini adalah berkaitan dengan cadangan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh yang saya terima pada hari Jumaat, 12.00 tengah hari, hari Jumaat. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18, apabila diterima usul pada pukul 12.00 tengah hari, maka usul itu hanya boleh dibawa dan dibincangkan

diputuskan pada hari Selasa, bukan pada hari Isnin kerana ia berkehendakkan 24 jam. Ini mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1).

Pada hari ini, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor meminta daripada saya sebagai Yang di-Pertua supaya menghentikan mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1)(m), menghentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 18 supaya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh itu dibawa pada hari ini dan tidak pada hari esok, satu hari saja, dibawa pada hari ini juga, dihentikan Peraturan Mesyuarat itu iaitu digantung Peraturan Mesyuarat 18 supaya usul dibawa pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, usul untuk mendapatkan persetujuan-persetujuan Yang di-Pertua bahawa Peraturan Mesyuarat 90(2) untuk menghentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 18(2) tadi, untuk saya menimbang usul ini saya hendaklah berpuas hati bahawa perkara ini adalah amat mustahak dalam keadaan, mungkin boleh dikatakan dalam keadaan darurat dan kritikal, bagi saya memberi persetujuan memberhentikan kuat kuasa sesuatu Peraturan Mesyuarat.

Setelah saya kaji dengan teliti perkara ini saya berpendapat bahawa usul untuk memberhentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor iaitu menghentikan Peraturan Mesyuarat 18, hendaklah mempunyai asas-asas yang kukuh seperti yang saya katakan tadi. Permohonan tadi saya nampak tidak mempunyai asas-asas yang amat kukuh [*Tepuk*] dan situasi yang kritikal sehingga mendorong saya untuk memberi persetujuan menggantung Peraturan Mesyuarat 18. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat kawasan Seputeh akan dipertimbangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(2) yang dikemukakan dalam Aturan Mesyuarat esok iaitu hari Selasa tanpa menjejaskan perjalanan Dewan ini. Sekian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Peraturan Mesyuarat kita memang ada masalah kerana kadang-kadang satu perkara tertentu dan juga yang harus dibahaskan segera tetapi kalau perkara itu dibentangkan ke Dewan pada hari Jumaat yang lepas, sekarang hari Isnin, sudah tiga hari. Tiga hari tetapi Tuan Yang di-Pertua hanya mempertimbangkan waktu kerja. Saya rasa ini telah pun tidak bercanggah dengan usul *emergency motion* ini. Jadi, saya hanya mintalah memandangkan usul ini telah dibentangkan pada hari Jumaat, jadi bagi kita sebagai Ahli Berhormat di Dewan ini membahaskan ataupun bagi Dewan ini membuat keputusan pada hari ini. Ini baru sejajar dengan perkara yang dibentangkan di bawah usul 18(1).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tujuan untuk memberi masa kepada pihak yang berkenaan untuk memperoleh jawapan daripada mereka dan diberi 24 jam adalah supaya mereka dapat menyediakan soalan-soalan yang baik, supaya dapat diperbincangkan, supaya orang ramai dan Ahli-ahli yang berkenaan mengetahui tentang penerangan yang diberi oleh jabatan ataupun kementerian yang berkenaan. Apabila adanya soal jawab dan apabila adanya pendapat dua-dua pihak, ini akan memberi pengertian yang mendalam, luas di mana orang ramai boleh membuat pendapat yang waras mengenai perkara ini. Itu sebabnya diadakan 24 jam bagi membolehkan kementerian dan jabatan membuat persediaan jawapan yang tertentu.

Lagipun, di sini saya nampak Yang Berhormat bagi Seputeh telah pun mengetahui perkara ini pada hari Khamis. Dan kalau pada hari Khamis, sepatutnya kalau kita bawa pada hari Khamis ataupun sebelum pukul 10.00 hari Jumaat, maka perkara itu boleh dibawa pada hari ini.

Dan oleh kerana perkara itu dibawa selepas pukul 12.00, maka itulah sebabnya perkara ini akan hanya dibawa untuk dibincangkan pada esok hari. Hanya satu hari sahaja jarak, ya, satu hari sahaja jarak. Lagipun perkara ini masih lagi *fluid*, cair, masih dibincangkan dan pihak-pihak yang tertentu di negara ini dan negara yang berkenaan akan berbincang mengenai perkara ini. Tidak ada darurat yang timbul, ya. *[Tepuk]*. Sekian sahajalah penjelasan saya mengenai perkara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. ***[Hari Ketiga belas]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.41 [Jadual] –
Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2006] –**

Tuan Pengerusi: Kementerian Pelajaran. Kepala Bekalan B.41, dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyambung untuk menjawab.

11.18 pagi.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan sebanyak terima kasih dan saya ingin menyambung jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibangkit oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin pergi ke isu prasekolah. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan isu pra sekolah. Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Kota Melaka, mereka telah bangkitkan sama ada prasekolah itu harus diwajibkan. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa buat sementara waktu Kementerian Pelajaran tidak berhasrat untuk mewajibkan pendidikan prasekolah untuk anak-anak kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kementerian Pelajaran pada masa sekarang ini adalah menumpukan kepada tenaga untuk memastikan pendidikan wajib untuk sekolah rendah dapat kita jayakan. Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga sebut sama ada latihan diberikan kepada guru-guru pra sekolah. Guru-guru pra sekolah Kementerian Pelajaran diberi latihan yang secukupnya seperti guru-guru terlatih lain di maktab-maktab perguruan. Guru-guru pra sekolah selain,..

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, saya mohon maaf, sebab.... Timbalan Menteri, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum persidangan Dewan ini ditangguhkan pada hari Khamis lepas, saya ada bangun mohon penjelasan tentang komitmen daripada kementerian terhadap mutu pelajar-pelajar serta murid-

murid di sekolah-sekolah yang menjurus kepada penguatkuasaan yang tegas terhadap penggunaan ataupun penunggang menunggang motosikal yang tidak menepati syarat, tanpa lesen yang sah dan tanpa *road tax*.

Saya menerima aduan sekolah tidak mendapat, atau tidak memberi atau tidak mencari kerjasama. Tidak mendapat kerjasama yang tegas dengan pihak polis untuk menguatkuasakan undang-undang itu. Sebab saya lihat sekiranya kita longgar terhadap ini, saya yakin kita gagal untuk mendidik murid-murid, pelajar-pelajar yang berintegriti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalnya sekarang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Soalnya ialah, sejauh mana? Sebab ini berkaitan, Tuan Pengerusi, dengan apa yang saya bangkit sebelum Dewan ditangguhkan. Masa itu Menteri tidak sempat jawab, jadi saya terpaksa ulang balik. Takut nanti tertinggal. Sebab, sekiranya ini tidak diberi perhatian, integriti pelajar-pelajar murid-murid akan terjejas. Jadi sejauh mana komitmen Kementerian Pelajaran? Nombor dua, Tuan Pengerusi, secara kebetulan, Tuan Pengerusi, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin masyarakat Cina dari Ledang [*Tepuk*] di dalam Dewan yang mulia ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih di atas....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat juga ambil kesempatan. Baik, cukup. Baik cukup. [*Ketawa*].

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, minta maaf, saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas kerjasama Tuan Pengerusi memudahkan urusan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Memang kita sedar bahawa banyak perkara yang kita hendak masukkan di dalam kurikulum di sekolah kita supaya murid-murid kita dapat belajar banyak aspek atau supaya dapat ikut undang-undang dari segi pengangkutan, keselamatan jalan raya dan sebagainya. Memang perkara ini telah diambil kira oleh Kementerian Pelajaran dan kita sedang bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan supaya kita dapat jalankan aktiviti supaya nilai-nilai menggunakan jalan raya dengan baik, menghormati undang-undang dapat kita amalkan di kalangan murid-murid. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ledang yang telah bangkitkan perkara ini.

Guru-guru prasekolah, selain memiliki diploma pra pendidikan, terdapat juga guru yang mempunyai lulusan ijazah pendidikan prasekolah dan kualiti pembelajaran pengajaran mereka adalah tidak diragui.

Yang Berhormat bagi Tebrau juga sebut kekurangan bilik darjah di sekolah rendah di kawasan Yang Berhormat. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat memang pada masa sekarang ini, Kementerian Pelajaran masih belum sedia untuk memberikan pendidikan prasekolah kepada semua murid dan juga kesemua sekolah. Pada masa sekarang ini masih ada agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS, seperti Jabatan Perpaduan juga telah memberikan pendidikan prasekolah kepada....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Hon Choon Kim: Nanti. Kepada anak-anak kita dan peranan yang dimainkan oleh prasekolah swasta juga dapat membantu supaya dapat memberikan pendidikan prasekolah kepada anak-anak kita. Buat masa sekarang ini Kementerian Pelajaran cuma menumpukan tenaga kepada kawasan-kawasan yang tidak ada perkhidmatan pendidikan prasekolah yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta.

Tuan Teng Boon Soon: Saya minta penjelasan.

Yang Berhormat Bukit Mertajam: *[Bangun]*

Yang Berhormat Tebrau: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: Tebrau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau dulu.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang saya lebih utamakan ialah tentang kekurangan bilik darjah bagi sekolah-sekolah rendah di kawasan daerah Johor Bahru. Itu lebih daripada keperluan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang keperluan prasekolah.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: Ya, sekali.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian Pelajaran pernah memberi janji bahawa semua prasekolah kalau di sekolah rendah jenis kebangsaan, dia akan diajar mediumnya ataupun bahasa penghantarannya bahasa mandarin.

Tetapi di Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Lembu, Bukit Mertajam, bahawa kementerian telah menghantar guru yang tidak tahu, tidak faham bahasa mandarin untuk mengajar di prasekolahnya. Aduan telah disampaikan dan masih tidak ada tindakan yang diambil. Apakah sebabnya kejadian ini boleh berlaku dan adakah ini menunjukkan bahawa kementerian tidak mengota janji seperti yang dikatakan oleh kementerian?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, mengenai soalan yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang bangun juga. Ada berkaitan dengan perkara yang sama?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Oleh kerana ada perkara yang berkaitan, sebagai contoh, Tuan Pengerusi, Sekolah Kebangsaan Lawas, Sarawak, ia ada guru di peringkat prasekolah yang berkelulusan sarjana. Maknanya dari segi kualiti, kita tidak boleh pertikaikanlah. Cuma oleh kerana tadi ada kaitan, sejauh mana rancangan kementerian tadi untuk meletakkan guru-guru yang berkelulusan sarjana ini di peringkat prasekolah, nampak sudah ada kemajuan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau yang telah sebut bahawa ada kekurangan bilik darjah. Saya memang sedarlah terhadap masalah ini dan kami akan lihatlah bagaimana kita boleh atasi masalah ini.

Mengenai perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, ini memang dasar kerajaan supaya kalau prasekolah jika ada di SJKC, bahasa pengantarnya bahasa Mandarin, bahasa Cina, jadi saya tidak dapat apa-apa komplek walaupun ada sebab kata ada kompelin. Kalau ada kompelin, saya akan lihat, memang ini tidak wajar. Kalau SJKC itu ada prasekolah diajar dengan bahasa-bahasa pengantarnya bukan bahasa Cina, saya akan lihat perkara ini.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon penjelasan, adakah kelas-kelas pra sekolah ini ditubuhkan di semua sekolah rendah sama ada sekolah kebangsaan ataupun sekolah jenis kebangsaan. Kedua, apakah syarat-syarat penubuhan sekolah ini kalau tidak ditubuhkan di semua sekolah? Kerana ada yang mengadu pada kami bahawa ada sekolah yang tidak ada kelas-kelas prasekolah ini.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, saya baru sebut bahawa buat sementara waktu, Kementerian Pelajaran cuma memberikan pendidikan prasekolah kepada kawasan-kawasan di mana pendidikan prasekolah masih belum disediakan oleh agensi kerajaan ataupun swasta. Jadi, buat sementara waktu kita buat macam ini. Jadi, walau bagaimanapun kita akan kaji dan akan memberikan pendidikan prasekolah kepada sekolah-sekolah yang lain secara berperingkat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Penjelasan sedikit, Tuan Pengerusi. Kerana ada tempat, agensi lain tidak menubuhkan prasekolah ini kerana mereka mengatakan di sekolah kebangsaan ada prasekolah. Tetapi pihak sekolah pula mengatakan bahawa mereka ada syarat untuk menubuhkan. Maknanya minimum murid yang ada mesti berapa orang. Dan kata dia, kalau kurang kena pergi ke sekolah lain sedangkan sekolah lain itu jauh daripada kawasan. Jadi, adakah syarat ini dibuat atau bagaimana?

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang adalah antara syarat-syarat ditetapkan, adalah syarat bahawa prasekolah itu diberikan kepada sekolah yang mempunyai kelas atau bilik darjah yang boleh menampung pendidikan prasekolah dan juga bilangan yang akan berdaftar. Kalau bilangannya tidak begitu ramai atau kemudahan atau bilik darjah tidak ada disediakan, maka kita akan memberi pendidikan prasekolah khas kepada sekolah-sekolah lain.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bera.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya ialah kalau kita lihat banyak kawasan yang sudah ada tadika KEMAS, tetapi ada juga prasekolah. Jadi, adakah pihak Kementerian Pelajaran mempunyai perancangan di masa akan datang akan mengambil alih peranan KEMAS di dalam mengajar kanak-kanak yang belum memasuki alam persekolahan. Kerana di satu kampung walaupun dah ada KEMAS, wujud juga prasekolah. Jadi apakah dasar sebenarnya pihak kementerian dari segi itu?

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Ahli Yang Berhormat cukup minat terhadap pendidikan prasekolah. Memang Kementerian juga menganggap prasekolah ini sebagai satu pendidikan yang cukup penting. Untuk menjawab soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Bera bahawa Kementerian

Pelajaran tidak ada hasrat untuk mengambil alih buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, semua kelas-kelas tadika atau sekolah yang memberikan pendidikan prasekolah hendaklah menggunakan kurikulum yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rembau, Rembau bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan tentang soal prasekolah ini, contohnya di kawasan-kawasan pinggir bandar, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu faham iaitu seperti di Paroi, kawasan saya Paroi, salah satu kawasan pinggir bandar. Masalahnya ialah di Paroi ini banyak kawasan perumahan tetapi kemudahan untuk prasekolah oleh pihak kerajaan sama ada oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ataupun Kementerian Pelajaran sangat sedikit.

Contohnya di Taman Seri Pagi, Sekolah Sri Pagi itu muridnya dengan penduduk di situ antara 1,500 ke-2,000 tetapi prasekolah Kementerian Pelajaran cuma ada dua kelas sahaja dan Tadika Perpaduan ada dua kelas, sedangkan murid yang berpotensi untuk menyertai kelas ini ada lebih daripada 1,000. Jadi, kawasan ini rata-rata penduduk di situ pendapatannya bawah daripada RM2,000. Jadi kalau dia nak pergi ke prasekolah swasta, bayarannya dalam RM100 – RM200. Jadi kebanyakannya mereka tidak mampu, jadi mereka mengadu kepada saya. Jadi kalau boleh adakah pihak kementerian akan mengkaji kawasan-kawasan seperti ini supaya diadakan lebih banyak lagi prasekolah untuk kemudahan anak-anak kita yang berusia 5 ke 6 tahun supaya dapat belajar di sana sebab kajian telah dibuat menunjukkan bahawa anak-anak yang mengikuti prasekolah, biasanya pencapaian di peringkat UPSR, PMR, dan SPM lebih baik daripada mereka yang tidak didedahkan kepada prasekolah. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat yang memang berjiwa rakyat. Saya memang akui dari tadi, pada mula tadi memang buat sementara waktu, Kementerian Pelajaran masih belum dapat memberikan pendidikan prasekolah kepada semua murid dan juga kepada semua sekolah. Walau bagaimanapun, kita akan meningkatkan atau menambahkan bilangan kelas prasekolah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya harap

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, itu saya ingin mencadangkan juga dan sekarang minta beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Hon Choon Kim: Okey, terima kasih. Saya ingin beralih kepada isu sekolah kurang selamat atau sekolah usang. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan perkara ini, Yang Berhormat Petra Jaya bangkitkan dua buah sekolah di kawasan Yang Berhormat itu usang. Dan juga Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Kelana Jaya sama-sama, ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan sekolah kurang selamat.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pihak kementerian telah melantik pihak USM untuk menjalankan kajian mengenai kerosakan ke atas semua sekolah, lebih kurang 10 ribu buah sekolah. Dan laporan kajian sedang disiapkan. Kementerian Pelajaran akan menganalisis dan akan mengambil tindakan menyediakan peruntukan secukupnya secara berperingkat di bawah peruntukan P.41.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap apa yang dikatakan oleh *Dong Jiao Zhong* bahawa di dalam tujuh negeri ada 323 buah sekolah rendah jenis kebangsaan yang memerlukan RM51 juta untuk memperbaiki semua bangunan yang uzur ini. Dan dalam peruntukan Bajet 2006 hanya RM21 juta yang diperuntukkan untuk sekolah bantuan. Jadi bagaimana kementerian agaknya akan memperbaiki semua sekolah ini? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, kajian yang dibuat oleh *Dong Jiao Zhong* cuma meliputi untuk sekolah jenis kebangsaan Cina sahaja tetapi bagi Kementerian Pelajaran, kita hendak membuat kajian kepada semua sekolah, 10 ribu buah sekolah memang lebih banyak daripada RM50 juta yang mungkin diperlukan. Walau bagaimanapun, memang kita anggap semua sekolah tak kira apa jenis aliran sekolah kita memberi perhatian. Dan sebelum ini kajian memang telah dibuat pada masa kita arahkan untuk buat kajian itu lebih awal lagi, jadi bukan - oleh sebab Yang Berhormat sebut, kita jawab macam ini, memang telah diarahkan minta USM untuk buat satu kajian yang menyeluruh meliputi semua sekolah. Jadi inilah sikap yang kita amalkan, kita memberi perhatian yang serius terhadap semua sekolah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kelana Jaya.

Dato' Hon Choon Kim: Kelana Jaya, sila.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan isu yang saya bawakan minggu lepas, saya minta penjelasan yang lebih teliti daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun dari pihak Kementerian Pelajaran bahawa kajian-kajian yang dijalankan itu, berapa lama kah yang diperlukan untuk membuat kajian?

Dan bagi saya sekolah-sekolah yang telah pun melaporkan adanya kerosakan dari segi diserang oleh anai-anai sudah lama berlaku dan selain daripada kajian yang dilakukan oleh USM, kita percaya bahawa pihak sekolah ada juga meminta bantuan daripada pihak Kementerian Kerja Raya untuk membuat penyelenggaraan dan membuat penelitian terhadap sekolah-sekolah dan telah pun memberi laporan bahawa adanya kerosakan dan keusangan bangunan. Maka saya nak minta penjelasan, berapa lama kah yang diperlukan untuk pihak USM membuat kajian yang menyeluruh? Apakah laporan-laporan yang telah dikemukakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan dulu dapat diteliti terlebih dahulu untuk mengambil tindakan yang sewajarnya yang secepat mungkin untuk membaik pulih bangunan-bangunan sekolah yang telah dibangkitkan lebih lama lagi. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kajian yang telah dilakukan oleh USM, saya rasa tak lama lagilah boleh disiapkan dan boleh dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran untuk kita teliti. Jadi kita tunggulah nanti apabila kajian telah disiapkan dan kita akan buat kajian dan juga untuk merancang dan juga buat sesuatu untuk membantu sekolah-sekolah yang terlibat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Dato' Hon Choon Kim: Ada perkara atau isu yang sama, isu yang sama?

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kelana Jaya. Memang semua sekolah memerlukan peruntukan untuk membaik pulih sekolah mereka ataupun bangunan sekolah mereka yang telah lama mengemukakan masalah ini kepada Kementerian. Dan saya juga nak tahu bilakah kajian di *commission* kan kepada USM? Adakah *commission* ini betul-betul perlu untuk *identify*, untuk mengenal pastikan sekolah-sekolah yang sudah menjadi, sudah pun dikenal pasti sebagai bangunan tidak selamat untuk belajar. Adakah ini masih perlu untuk satu kajian lagi untuk mengenal pastikan sekali lagi?

Saya rasa yang penting adakah kementerian telah mengenal pasti berapa buah sekolah yang telah dalam keadaan tidak selamat dan apakah tindakan, adakah peruntukan sudah diberi? Dan kalau tidak mengapa? Saya tidak meragui bahawa kementerian adalah perlu menjaga semua sekolah, tetapi kepada sekolah yang tidak selamat, bangunan yang tidak selamat ini, bukankah ia perlu diberi perhatian dengan serta-merta. Mengapa perlu kajian lagi? Nak menunggu bangunan runtuh lagi ke?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, saya setuju pandangan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya tetapi tak setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam seolah-olah memberi satu gambaran bahawa Kementerian Pelajaran tidak mengambil tindakan langsung terhadap sekolah-sekolah kebangsaan ini. Ini tidak betul sama sekali. Sebenarnya sebelum kajian dibuat kita juga bantu dari masa ke semasa bukan sahaja kita bantu sekolah kurang selamat, baru-baru ini sahaja, bukan. Selama ini tiap-tiap tahun kita juga menggunakan peruntukan oleh Kementerian Pelajaran untuk membantu sekolah-sekolah yang kurang selamat untuk melakukan projek-projek membaik pulih bangunan-bangunan yang rosak yang dimakan oleh anai-anai.

Jadi kalau Yang Berhormat cuba memberi satu gambaran bahawa lepas peristiwa terjadi maka Kementerian Pelajaran mengambil tindakan, itu tidak wajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam, Ledang bangun juga.

Dato' Hon Choon Kim: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya sangat bersetuju dengan Timbalan Menteri bahawa Kementerian Pelajaran mempunyai sistem yang cukup baik untuk kita mengesan sekolah-sekolah yang tidak selamat. Malah kewujudan institusi Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) itu mendekatkan pegawai kementerian ini dengan sekolah. Jadi sudah pastinya boleh mereka mengesan sekolah-sekolah yang tidak selamat dan mengambil tindakan segera.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Soalan saya sebenarnya bukan isu sekolah selamat dari segi fizikal tetapi isu sekolah tidak selamat dari segi yang non fizikal. Maksud saya ialah saya ingin bertanya setakat manakah kajian dan tindakan telah diambil terhadap guru-guru yang bermasalah mental termasuklah guru-guru yang

degil dan juga masih menentang dasar kerajaan kerana baru-baru ini ada satu kajian dibuat di sekolah tertentu di mana pelajar masih mempersoalkan lagi dasar kerajaan dari segi umpamanya bahasa Inggeris dan sebagainya.

Saya berpendapat bahawa ini ada kaitan dengan guru-guru yang saya berpendapat bahawa minda, mental mereka harus diberikan perhatian. Setakat manakah kajian dan tindakan telah diambil dalam konteks ini? Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan dengan masalah bangunan tidak ada lagi nak tambah?

Dato' Hon Choon Kim: Tidak ada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sikit fasal bangunan, minta maaf. Tuan Pengerusi, bagi saya sekejap. Timbalan Menteri, minta maaf. Sebelum Timbalan Menteri menjawab tentang soalan daripada Sabak Bernam tadi, soalan saya ialah adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk menyediakan satu peruntukan khas atas nama kecemasan di setiap pejabat pendidikan daerah untuk mengatasi masalah-masalah yang disebut tadi supaya tidak kiralah sekolah Cina ke, sekolah Tamil ke, perlu dibela dalam keadaan yang mendesak. Sebab kita tak boleh tunggu dalam tempoh yang dua minggu, tiga minggu hanya kerana nak menunggu kelulusan daripada ibu pejabat. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ledang, memang ini benar, memang ini kita amalkan. Sebenarnya pejabat pelajaran negeri dan juga PPD telah diberikan peruntukan supaya mereka boleh dapat menjalankan kerja-kerja kecemasan, ini memang kita lakukan dan saya juga setuju dengan pandangan Sabak Bernam bahawa memang PPD ini memainkan peranan yang penting. Selama ini memang Pegawai PPD itu telah memberikan banyak maklum balas kepada Kementerian Pelajaran tentang sekolah-sekolah yang kurang selamat, beberapa perkara lain.

Tentang sakit jiwa itu atau mental itu, itu bab lainlah tetapi walau bagaimanapun saya berterima kasih Yang Berhormat bangkitkan perkara ini dan saya akan membawa balik bagaimana cara yang lebih berkesan untuk memberi bantuan kepada guru-guru yang mempunyai *problem* mental ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, empat Ahli Yang Berhormat termasuk Gelang Patah.

Dato' Hon Choon Kim: Gelang Patah.

Puan Tan Ah Heng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin mendapat pengesahan daripada Timbalan Menteri mengenai satu sekolah bantuan penuh bernama Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ping Ming di Lima Kedai, Gelang Patah. Sekolahnya telah memohon untuk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lima kedai adalah nama satu tempat?

Puan Tan Ah Eng: Nama tempat itu, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan sekolah itu lima kedai?

Puan Tan Ah Eng: Bukan, bukan. *[Ketawa]* Sekolah itu telah memohon kepada kementerian untuk membina satu blok bilik darjah lagi kerana murid bertambah begitu pesat. Saya ingin mendapat pengesahan daripada Timbalan Menteri, adakah projek pembinaan bilik darjah ini dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan sekiranya Timbalan Menteri tidak dapat memberikan jawapan pada hari ini, saya haraplah bolehkah Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta jawapan bertuliskah...

Puan Tan Ah Eng: ...memberikan jawapan secara bertulis, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Ok, saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Kita sering mendengar dalam Dewan ini satu bangunan tidak selamat kemudian JKR telah membuat pengesahan ianya tidak selamat, dan akhirnya tindakan apabila sampai ke PPD tidak ada peruntukan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian untuk menentukan bangunan itu tidak selamat dan setelah sesuatu laporan itu telah disahkan bangunan itu tidak selamat, apakah tindakan serta-merta dengan peruntukan yang diberikan oleh pihak kementerian kerana itu penting, dan bagaimana sesuatu pemeriksaan secara rutin dapat dibuat di sekolah agar memastikan keselamatan bangunan itu? Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memang bernas cadangannya, saya terima, saya ucapkan terima kasih. Memang isu bangunan-bangunan kurang selamat dapat perhatian yang cukup serius oleh Kementerian Pelajaran. Kalau bangunan itu diiktiraf tidak selamat, kalau tidak ada peruntukan pada waktu yang terdekat untuk membaik pulih, eloklah jangan gunakan kelas itu. Jadi ini memang kita buat. Kita pentingkan nyawa lebih penting daripada lain-lain perkara. Jadi kalau ada apa-apa perkara yang ada lain-lain masalah boleh runding kepada Pengarah Pelajaran Negeri dan juga Kementerian Pelajaran. Jadi inilah jawapan yang saya dapat berikan kepada Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa lagi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

Tuan Teng Boon Soon: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Yang Berhormat, hendak beritahu, perlu mendapatkan kebenaran Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Teng Boon Soon: Minta penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Tidak perlulah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya tahu apa yang Yang Berhormat hendak sebut, saya tahu. Saya tidak setuju, saya tidak setuju.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak setuju Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Dapat bacakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia dapat baca Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Saya memang dapat baca.

Puan Chong Eng: Saya rasa adakah Yang Berhormat betul-betul serius dengan bangunan selamat ataupun masalah selamat di dalam sekolah. Kita perlu ada masa untuk memberikan pandangan daripada semua Ahli Parlimen. Mengapa tidak mahu beri penjelasan?

Dato' Hon Choon Kim: Tidak apa. Saya memang memberi peluang kepada penjelasan.

Puan Chong Eng: Jadi saya harap berilah..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Puan Chong Eng: ...peluang untuk penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah beberapa kali sebutkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir kena adil kepada kedua-dua pihak, Yang Berhormat telah diberi peluang untuk mengemukakan masalah dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan. Sama ada terima, tidak terima itu lain cerita, lain isu. Jadi saya fikir sebenarnya masalah yang dihadapi telah dikemukakan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah cuba menjawab.

Puan Chong Eng: Tidak, saya rasa kalau kementerian ada memandangkan masalah ini secara serius, mengapa, bagaimana boleh terwujud keadaan sekarang begitu banyak sekolah yang tidak selamat. Sekurang-kurangnya Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) sahaja ada 47 yang diserang oleh anai-anai dan menunggu peruntukan. Yang baru-baru ini dikenalpastikan pun terdapat ada 116 buah sekolah. Kalau dia ada diberi perhatian dan diberi peruntukan setiap tahun, macam mana dia boleh wujudnya keadaan sekarang? Itu bukannya menunjukkan bahawa memanglah kementerian tidak menjaga keselamatan di sekolah. Sekurang-kurangnya Sekolah Jenis Kebangsaan Rendah (Cina), sekurang-kurangnya kerana dia terwujud masalah begitu lama dan kalau tanyalah kepada masyarakat Cina, memanglah ini pandangannya bahawa kerajaan tidak adil kepada SRJK(C) dan SRJK (Tamil) juga kerana kita lihat ada sekolah kebangsaan yang baru dibina tidak ada murid, sekolah tidak digunakan, tetapi begitu banyak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang tidak cukup bilik.

Di Gelang Patah, di Tebrau walaupun MCA punya wakil tempat dia pun tidak ada sekolah yang tidak cukup. Itu bukanlah kerana MCA ataupun DAP. Itu kerana dasar kerajaan yang tidak adil, yang tidak prihatin kepada keperluan. Persekolahan ini adalah soal pendidikan, jadi bagaimana ada seorang pun tidak ada kata, kalau dia ini menteri ialah hanya semua dari UMNO, mungkin dia tidak faham masalah, tetapi ini Timbalan Menteri ialah dari MCA dia patut mewakili...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: masyarakat Cina, apakah dia tidak faham juga?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Dia sudah cakap dia faham dan dia sudah cuba jawab.

Puan Chong Eng: Kalau faham pun tidak guna, apakah tindakan yang berkesan, kenapa begitu lama?

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Nanti, nanti, nanti. Jadi hujah Yang Berhormat sudah cukup ya. Saya pun sudah tahu apa yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tindakan?

Dato' Hon Choon Kim: Saya tahu, bukan saya tidak tahu apa yang dibangkitkan. Jadi untuk kami Kementerian Pelajaran, kita bukan sahaja memberikan perhatian kepada semua sekolah, Yang Berhormat cuma sebut satu dua sekolah atau beberapa sekolah. Tetapi, untuk Kementerian Pelajaran, kita mementingkan semua sekolah. Ada sekolah kebangsaan yang lebih usang lagi yang Yang Berhormat tidak nampak. Yang Berhormat mata tutup, tidak nampak. Bagi saya, saya dari Kementerian Pelajaran, saya nampak semua sekolah. Apa yang kita perlu ialah untuk meminta lebih banyak peruntukan untuk memberikan bantuan kepada sekolah. Sekolah yang menghadapi masalah itu yang kita buat. Untuk menyelesaikan masalah, bukan bangkit-bangkitkan isu-isu yang bukan-bukan. Ini bukan tanggungjawab kita. Kita pun telah meluluskan sebanyak RM10 juta untuk tahun ini, dua bulan untuk menjalankan projek-projek atau kerja-kerja membaik pulih sekolah-sekolah yang usang yang tidak boleh tunggu lagi. Apa hendak kerajaan buat?

Itu pun Yang Berhormat sebut menyambut baik langkah kerajaan. Apa Yang Berhormat tidak sebut? Jadi Yang Berhormat, janganlah cuma gunakan isu ini mendapat *political mileage* tidak dapat. Kita tahu apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari pembangkang. Ini memang cari sebab, bagi Kerajaan Barisan Nasional kita memberi untuk menyelesaikan masalah tidak kira mana tempat bandar, luar bandar. Yang Berhormat mungkin tidak pergi kawasan-kawasan luar bandar. Saya sendiri pergi luar bandar. Luar bandar di Sabah Sarawak ada sekolah lebih usang, keadaan lebih teruk daripada sekolah-sekolah Yang Berhormat sebut. Itu, Yang Berhormat tidak sebut. Jadi adillah sedikit. Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih, Tuan Pengerusi sebenarnya kekurangan bilik darjah bukan sekolah Cina sahaja. Dalam ucapan saya, saya sudah timbulkan dua kes sebagai contohnya di kawasan Tebrau. Sekolah Kebangsaan Kota Masai juga

menghadapi keperluan bilik darjah mendesak. Bagi tahun 2006, Sekolah Kebangsaan Kota Masai memerlukan satu ribu tempat lagi untuk pengambilan yang baru dan selain daripada itu, SJK (C) Foon Yew 5....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya yakin semua ini telah pun disuarakan oleh Yang Berhormat dan di sini saya memang minta catatan boleh dibuat dan jawapan boleh diberikan kepada Yang Berhormat...

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu ulang lagi Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Dalam ucapan saya, saya ada tanya tentang tindakan yang akan diambil oleh kementerian tentang keperluan yang mendesak ini. Ia akan berlaku pada tahun depan, adakah sesuatu langkah diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan bilik darjah? Adakah dia dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, misalnya SJK(C) Foon Yew 5? Tetapi sehingga sekarang belum mendapat jawapan, terima kasih.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Hon Choon Kim: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang di Dewan yang mulia ini bukan berada di pasar ataupun kedai kopi.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit mertajam anggap sini macam kedai kopi. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya minta berikan peluang untuk memberikan penghormatan kepada DD dan juga mendapat penghormatan daripada orang lain. Peraturan Mesyuarat kita ada, jangan apa hendak cakap bangun dan Yang Berhormat diberi peluang bercakap meminta penjelasan. Jadi anggaplah ini Dewan yang mulia.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hon Choon Kim: Ok, terima kasih. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau... akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sekali lagi minta kerjasama.

Tuan Teng Boon Soon:.... kira supaya kita dapat memberi satu jawapan yang lebih tepat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hon Choon Kim: Di dalam isu yang sama Yang Berhormat Kepong tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Isu yang sama kata dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Memang ada sekolah-sekolah usang di semua aliran terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Saya pernah mencadangkan supaya pihak kementerian memperuntukkan sekurang-kurangnya RM500 juta setahun untuk mengkaji dan memperbaiki semua aliran dan semua sekolah yang dimakan anai-anai, dan juga yang rosak kerana dek zaman dan sebagainya, dan adakah pihak kementerian hendak mempertimbangkan ini boleh disebutkan sebagai perbelanjaan untuk penyelenggaraan?

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat bagi Kepong, baru masuk ke? Tadi saya sudah jawab. Memang saya setuju pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya kita pun telah melantik USM untuk membuat satu kajian yang menyeluruh, sudah - Yang Berhormat baru masuk tadi. Tidak dengar tadi. Walau bagaimanapun, saya ucapkan sebanyak terima kasih. Ini satu cadangan yang baik, kita kena buat satu kajian supaya kita dapat satu gambaran yang lebih jelas.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya ada dengar tadi, sungguhpun saya di luar, saya ada dengar saya ikuti perbahasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan setuju bahawa tidak tahulah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, tetapi rakyat jelata sudah bosan dengan perkataan "kajian, kajian, kajian". Apabila perkara ini kita tahu berlaku dan semua ada masalah bukan kajian, masalah ialah ambil tindakan untuk selesai masalah ini selamatkan nyawa bahawa tidak berlaku lagi, tidak mahu kajian lagi, tindakan yang mahu. Apa guna kajian? Buang masa, buang wang, ambil tindakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak boleh ambil tindakan sekarang, pecat pegawai yang bertanggungjawab oleh kerana ini menunjukkan mereka ini cuai sampai orang mati pun tidak tahu apa tindakan yang perlu diambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Outrage*, marah. Apa kajian? Buang masa, buang wang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: ... tindakan apa yang kita mahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jaga badan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu suarakan rakyat, suara marah, apa kajian, apa *nonsense* kajian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jaga badan, kesihatan mustahak.
[Ketawa]

Dato' Hon Choon Kim: *[Ketawa]* Oklah Yang Berhormat. Saya anggap ini satu komen Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, memang *style* Yang Berhormat bagi Ipoh Timor macam inilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, Yang Berhormat bersabarlah.

Dato' Hon Choon Kim: Ya, saya memang sabar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rakyat memerlukan perjuangan Yang Berhormat....

Dato' Hon Choon Kim: Saya jaga badan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:.... ambil tindakan selesaikan masalah rakyat.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak ada hal.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran bangun Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Saya terima. Sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sedikit, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya sedikit. Saya pernah terlibat di satu kawasan di mana terdapat sekolah kurang murid dahulunya dan bangunan lama besar sehingga pihak guru tidak sempat untuk melihat kerosakan-kerosakan di sekolah. Saya ingin bertanya kepada kerajaan atau kementerian, daripada jumlah sekolah-

sekolah yang disenaraikan ini, berapakah jumlah sekolah yang kurang murid di mana biasanya sekolah kurang murid ini bangunannya lama, bangunan besar tetapi gurunya mungkin ada dua, tiga orang atau empat orang, pelajar mungkin tidak ramai menyebabkan bangunan-bangunan penyeliaan terbiar. Saya pun hairan bagaimana kes yang itu boleh berlaku sehingga tidak sedar oleh pihak sekolah sehingga guru itu jatuh ke bawah meninggal, sepatutnya tidak boleh berlaku. Kalau penyeliaan di buat oleh pihak sekolah, walau bagaimana pun kajian perlu dibuat oleh kementerian. Saya ucapkan terima kasih oleh pihak kementerian dan saya tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang. Bahkan kita berterima kasih kepada kerajaan kerana banyak sekolah-sekolah yang dahulunya buruk, rosak dan telah dibaiki. Patut kita berterima kasih tetapi usaha perlu dibuat kan? Terima kasih.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Ya, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai sekolah kurang murid, saya tidak ingat bilangannya. Lebih kurang 2,600 lebih dalam sekolah yang dikatakan diiktirafkan sebagai sekolah murid-murid ialah kurang daripada 150 orang. Jadi sekolah kurang murid ini memang satu isu yang berasingan dan memang banyak cadangan-cadangan untuk membantu untuk menyelesaikan masalah kekurangan murid-murid.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke isu kekurangan guru di luar bandar, kekurangan guru di SJKC, kekurangan guru sains dan matematik yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Ayer Hitam dan juga Yang Berhormat Kota Melaka dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bercadang supaya semua JSTD diambil oleh bentuk maktab-maktab, perguruan supaya memberi latihan dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam juga minta supaya peluang diberikan kepada JSTD untuk dapat latihan.

Kementerian Pelajaran memang sedar perkara ini dan sedia mempertimbangkan cadangan itu melalui program latihan perguruan berasaskan sekolah. Jika ada keperluan dan jika ada permintaan dan calon yang sesuai dari segi kelayakan akademiknya. Yang Berhormat Putrajaya juga mencadangkan supaya satu IAP di bina di Sarawak atau di Sabah, ini memang cadangan Kementerian Pelajaran supaya kita dapat membina sebuah IAP di Sarawak dalam rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun keputusan tersebut akan diputuskan oleh EPU melalui pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan kemudian nanti.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pendang bangun.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Ya, sila.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Berhubung dengan kekurangan guru tadi, saya hendak menyentuh tentang... di mana saya telah menyentuh dalam perbahasan dasar itu berhubung dengan kursus guru dekat dengan masa peperiksaan. Saya dapati banyak akhir-akhir ini cikgu-cikgu yang mengajar mata pelajaran yang penting untuk peperiksaan misalnya SPM, SRP, guru-guru kanan biasanya diambil untuk pergi kursus seminggu, dua minggu. Macam di Kedah selalunya dibuat ke Pulau Pinang hampir dengan peperiksaan, misalnya baru-baru ini sampai tiga minggu, dua, tiga minggu lagi hendak periksa cikgu itu dibawa untuk pergi kursus ke Pulau Pinang. Jadi apa hal dengan anak murid yang hendak menghadapi peperiksaan, jadi saya harap benda ini untuk masa akan datang tidak berlaku lagi. Terutamanya mata pelajaran yang penting seperti matematik, Bahasa Malaysia, itu saya harap kementerian beri perhatian.

Dato' Hon Choon Kim: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat apa jua latihan diberikan kepada guru-guru kita sepatutnya tidak menjejaskan pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Saya memang setuju, apatah lagi kepada kelas-kelas yang akan menduduki peperiksaan UPSR. Sebenarnya ini pun telah kita turunkan arahan supaya guru-guru besar terpaksa hantar guru-guru yang mengajar darjah enam atau untuk murid-murid yang akan menghadapi peperiksaan. Jangan menghantar semua sekali untuk mengikuti kursus-kursus.

[Timbalan Yang di-Pertua (**Datuk Dr. Yusof bin Yacob**) *mempengerusikan jawatankuasa*]

Saya juga berpendapat bahawa kursus yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran adalah penting supaya guru-guru itu didedahkan kepada isu-isu semasa kaedah-kaedah baru supaya mereka lebih faham tentang pedagoginya dan tentang pengajarannya supaya dapat dijalankan dengan berkesan. Jadi saya terima pandangan Yang Berhormat yang mana dikemukakan oleh Yang Berhormat. Saya beralih ke isu PPSMI...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [*Sambil mengetuk mikrofon*]

Dato' Hon Choon Kim: ..Yang Berhormat Ipoh Timor

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya dalam kita menghadapi masalah kekurangan guru ini saya hendak tahu setakat manakah yang disebut sebagai nasional *reserve of teachers* iaitu guru-guru dalam simpanan kita itu, yang *reserve* itu. Setakat manakah program ini telah berjalan dan dapat mengurangkan masalah guru secara berkala.

Yang keduanya tadi, telah disebutkan tentang kursus-kursus itu, apakah strategi kerajaan di kementerian khususnya yang memberi fokus kepada kursus *in-house* iaitu *home base courses* tidak pula dibawa keluar seminggu dua, yang berada di luar tetapi kegiatan *professional development* guru itu berlaku di sekolah sendiri supaya tidak berlaku masalah kekurangan guru dan ketinggalan murid-murid membazir dari segi waktu masa belajar itu.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat memang *reserve* guru itu telah kita lakukan dan kita wujudkan supaya kita dapat satu *pool of teachers* daripada guru-guru yang bersara dan yang masih sangkut dan masih rela untuk berkhidmat sebagai guru simpanan, jadi ini memang telah kita lakukan. Mengenai latihan diberikan *school base*, memang ini satu konsep Yang Berhormat masa berada di Kementerian Pelajaran sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan guru masa Yang Berhormat berada di Kementerian Pelajaran memang cadangan sebenarnya itu masih kita adalah ditimbangkan dan memang ada unsur-unsur *school base* latihan diberikan kepada guru-guru kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada isu PPSMI, Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bandar Kuching telah bangkitkan isu PPSMI dan saya ingin tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan akan tetap meneruskan PPSMI. Di samping Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji bagi menambahbaikkan pelaksanaan program tersebut. Yang Berhormat perlu sedar bahawa murid-murid hanya mempelajari sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Lain-lain mata pelajaran masih diajar dalam Bahasa Melayu atau bahasa ibunda. Yang Berhormat ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dewan ini apakah formula untuk melaksanakan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina PPSMI ini untuk tingkatan empat tahun hadapan?

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam yang prihatin tentang formula, sabar sedikit Yang Berhormat kita akan umumkan tidak lama lagi dan sekarang tengah diteliti oleh menteri dengan kita supaya kita dapat wujudkan satu formula yang boleh diterima dan yang praktikal untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Mengenai pendidikan khas Yang Berhormat Kota Melaka....

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua bangun Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Parit.

Dato' Hon Choon Kim: Ya, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya juga mengalu-alukan keputusan Kementerian Pelajaran untuk meneruskan program PPSMI ini tetapi adakah pihak kementerian menyedari bahawa walaupun guru-guru telah diberi latihan yang mungkin difikirkan cukup tetapi saya masih mendapat aduan daripada pihak sekolah. Terdapat juga guru-guru yang belum begitu mahir untuk mengajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris, jadi apakah langkah-langkah seterusnya pihak kementerian bagi mengatasi masalah guru yang belum begitu mahir mengajar dalam Bahasa Inggeris bagi mengajar mata pelajaran matematik dan sains, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat, memang saya tidak dapat nafikan bahawa mungkin ada guru yang masih belum biasa lagi atau belum kurang mahir untuk mengajar mata pelajaran matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran telah menyediakan *software*, perisian dengan menggunakan ICT untuk membantu mereka.

Walau bagaimanapun latihan dari masa ke semasa juga akan diberikan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran, matematik dan sains supaya mereka lebih *confident*, lebih kesian untuk mengajar mata pelajaran berkenaan. Rata-ratanya dan *overall* memang kita rasa puas hati, guru-guru memang mempunyai *confident* yang tinggi, tahap yang baik. Walau bagaimanapun kita akan berikhtiar untuk menambah baik keadaan sekarang.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Rembau bangun.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari segi pengajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris ini supaya kesannya lebih menyeluruh, saya inginkan penjelasan adakah kerajaan atau melalui Kementerian Pelajaran bercadang mengadakan kempen penguasaan Bahasa Inggeris ini khususnya di kalangan rakyat di luar bandar supaya dengan itu bukan sahaja pelajar-pelajar tadi tetapi ibu bapa juga dapat pengetahuan asas seperti yang kita buat di tahun 60-an dahulu kita buat kelas dewasa yang dianjurkan oleh semasa itu Kementerian Luar Bandar di panggil di bawah masa itu sebelum KEMAS wujud.

Dengan cara itu sebab kajian telah dibuat dan didapati ini kalau emak bapa ini sekurang-kurangnya ada sedikit sebanyak asas boleh membantu anak-anak yang belajar tadi supaya dapat meningkatkan kefahaman mereka, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat dari Rembau memang ini satu cadangan yang baik tetapi ini bukan tidak patut kita untuk meminta Kementerian Pelajaran untuk melakukan. Kalau Yang Berhormat boleh bantu NGO-NGO yang boleh bantu supaya kita mengamalkan sikap pembelajaran sepanjang hayat, inilah satu cara yang terbaik apa salahnya kita belajar bahasa-bahasa lain supaya kita dapat kuasai bahasa tambahan sudah tentu ini akan memberikan kebaikan kepada rakyat kita. Walaupun orang dewasa sudah tua, apa salahnya kalau kita dapat menguasai lagi satu bahasa.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mohon penjelasan daripada

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita lihat bahawa walaupun mata pelajaran matematik dan sains yang diajar dalam Bahasa Inggeris. Penguasaan pelajar-pelajar terhadap Bahasa Inggeris dari segi pertuturan mahupun penulisan masih lagi tidak memberangsangkan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa salah satu cara lagi untuk menambahkan lagi pelajar-pelajar itu supaya lebih baik penguasaan Bahasa Inggerisnya dengan memanjangkan lagi sesi pelajaran Bahasa Inggeris itu, satu.

Yang kedua, dengan memasukkan *English Literature* ataupun kesusasteraan Inggeris di dalam subjek ataupun mata pelajaran yang dipelajari di sekolah. Selain daripada itu mungkin kalau ada *directive* ataupun arahan-arahan daripada pihak kementerian yang mewajibkan misalnya seperti dari segi komunikasi dalam lima hari itu mungkin dua hari diwajibkan semua pelajar dan guru-guru berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Saya rasa kalau ada langkah-langkah yang lebih tegas, penguasaan pelajar-pelajar kita dari sekolah rendah lagi dan sekolah menengah, saya percaya bahasa ini dapat kita kuasai dengan lebih baik.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak. Saya setuju dengan pandangan yang cukup baik dan cara-cara untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris. Memang bagi Kementerian Pelajaran banyak usaha telah kita lakukan pada masa terdekat ini untuk menambah baik penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid kita.

Banyak program yang telah kita aturkan seperti bacaan awal infrastruktur, bacaan intensif bagi murid-murid sekolah rendah dan sebagainya dan ini memang kita lakukan jadi kita harap dengan tentang cadangan Yang Berhormat bahawa murid-murid kita itu diwajibkan bercakap Bahasa Inggeris dalam masa-masa tertentu dan diserahkan kepada budi bicara guru-guru besar. Guru-guru besar bolehlah membuat satu *ruling* atau peraturan supaya ini dapat meningkatkan penguatkuasaan bahasa...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

Dato' Hon Choon Kim:penguatkuasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid. Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pemimpin MCA telah berdialog atau bermesyuarat dengan Dong Jiao Zhong dan Parti Gerakan juga bermesyuarat dengan Dong Jiao Zhong mengenai masalah mengajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Gerakan mengatakan mereka telah mengemukakan satu memorandum untuk mengembalikan pengajaran Matematik dan Sains ini menggunakan bahasa ibunda dan saya rasa MCA juga bersetuju dengan prinsipnya.

Tapi saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya kementerian tidak - saya tidak tahulah adakah kementerian telah mendengar Parti MCA dan Parti Gerakan telah mengemukakan pandangan Dong Jiao Zhong ataupun adakah memorandum Gerakan itu telah dibincangkan di dalam Barisan Nasional ataupun di dalam kementerian kerana saya dengar ialah tidak akan ada perubahan dalam dasarnya yang akan dibuat mungkin mengeluarkan formula yang baru, bukan 243 untuk darjah satu hingga tiga. Mungkin untuk tingkatan empat ialah formula yang lain tapi dasarnya tidak berubah dan dia dikatakan bahawa ini adalah kerana hanya pandangan dari masyarakat Cina sahaja. Tidak ada masyarakat lain yang tidak setuju umpamanya masyarakat India ataupun Melayu semua setuju.

Saya rasa itu tidak benar bahawa ada di dalam *Second Malays Education Conferences* yang dikatakan ada laporan mengatakan kalau dasar ini terus digunakan ada 50% pelajar Melayu akan tercicir sebelum sampai tingkatan lima. Saya rasa ini adalah satu masalah pendidikan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng:yang patut di.bincang....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat,.tanya sahaja, tidak payah berucap.

Puan Chong Eng:lebih terbuka. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada apa yang dipersetujukan di antara MCA dan Dong Jiao Zhong ataupun di antara Parti Gerakan dengan Dong Jiao Zhong adakah itu telah disampaikan kepada kerajaan dan ada perbincangan dibuat. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, memang kerajaan sanggup berjumpa sesiapaupun yang hendak bincang apa-apa jua dasar kerajaan. Kita rela berjumpa. Sebenarnya Menteri Pelajaran juga telah berjumpa dengan Pemuda MCA dan juga badan-badan lain untuk mendengar apa pandangan mereka. Bagi pihak MCA juga kita

dapat jumpa dengan Dong Jiao Zhong dan Gerakan juga dapat jumpa dengan Dong Jiao Zhong dan juga badan-badan Cina di negara kita ini.

Memang ini satu cara kita dapat muafakat, dengar apa pandangan mereka tapi apabila kerajaan buat keputusan kita hendaklah mengambil kira semua pandangan dengan mengatakan dasar PBSI tidak baik tapi ada cadangan, ada kata-kata bahawa mereka sambut baik terhadap.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Boleh?

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat tentang dasar yang kita akan pergunakan adalah untuk kebaikan masyarakat kita mengikut rasionalnya kesesuaian masa. Tapi apakah masalahnya di sini kementerian ada buat satu pandangan kajian apakah isu ini sengaja diada-adakan oleh kalangan pihak tertentu. Kemungkinan pihak pembangkang untuk mengambil kesempatan mendapatkan *political mileage* mereka kerana mereka sudah ketandusan modal, kerana saya tidak nampak masyarakat pada keseluruhannya menolak. Mungkin mereka hanya memerlukan sedikit pandangan bagaimana langkah kementerian yang diambil ini adalah sebenar-benarnya untuk kebaikan kita semua.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, isu ini telah diputarbelitkan oleh sesetengah pihak yang ingin menanggung di air yang keruh, pembangkang umpamanya. Mereka ketandusan modal. Setiap kali apa dasar yang kerajaan buat semuanya tidak kena. Bila esok baik mereka pula mengatakan ya, kami sokong. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini seolah-olah pembangkang sengaja mengambil kesempatan sedangkan masyarakat terima pada keseluruhannya. Mungkin seorang dua sahaja yang perlu kita perjelaskan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini.

Dato' Hon Choon Kim: Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Memang soal pendidikan ini soal yang sangat penting. Ini masa depan generasi muda kita, masa depan negara kita. PBSMI adalah satu soal pendidikan haruslah kita lihat dari sudut pendidikan. Haruslah kita lihat dari sudut masa depan negara kita.

Jadi saya rasa inilah kalau kita bincang dari sudut ini, maka kita akan capai satu persetujuan. Saya memang setuju ada ramai orang di kalangan rakyat Malaysia menyambut baik terhadap PBSMI ini tapi ada jugalah yang sengaja dan tidak sengaja bangkitkan masalah. Tapi saya setuju kalau kita ada kelemahan kita hendaklah berikhtiar untuk membetulkan.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya tambah sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau begitu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi yang mana?

Dato' Hon Choon Kim: Silakan, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Kalau begitu Yang Berhormat tunggu apa lagi? Teruskan sahajalah. Tentang apa juga kelemahan-kelemahan yang boleh diatasi kita perbaiki sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Kalau hendak tunggu pembangkang ini, sampai bila pun kerja tidak selesai Yang Berhormat. Teruskan.....

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:kerana mereka mengambil kesempatan. Haa, tengok. Saya bercakap benda yang baik dia dah panas telinga.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudah panas telinga. Jadi tengok, dia bangun tidak ikut Peraturan Mesyuarat. Jadi bagaimana? Itulah keadaannya. Jadi kita minta masyarakat umum melihat keadaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:pembangkang yang sengaja menangguk di air yang keruh. Banyak lagi kita tahu isu-isu yang sengaja diadakan oleh mereka ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini. Kita teruskan dasar yang ada ini.

Dato' Hon Choon Kim: Yalah, memang saya sudah jawab kita akan teruskan. Dasar ini kita tidak akan berubah hanya kita akan kenal pasti mana kelemahan-

kelemahan supaya kita dapat menambahbaikkan kelemahan ini. Ini dasar kita, ini pendirian kita. Jadi walau bagaimanapun dalam Dewan ini kita dengarlah. Kita sanggup dengar. Tidak apa. Kita dengar apa yang dikatakan oleh parti pembangkang, ada yang setuju dan yang tidak setuju. Kita rela untuk menerima supaya kita jadi satu bantuan untuk kita buat satu keputusan.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: Belakang itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Sini, sini, sini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tengoklah pembangkang pun tidak bersatu. Tengok, dua-dua hendak berebut.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chong Chieng Jen: Duduklah!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila diam. Ya, Bandar Kuching teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih. Saya amatlah berbesar hati dengar Timbalan Menteri berkata mengenai kementerian rela mendengar pandangan orang ramai dan pandangan Dong Jiao Zhong adalah sangat jelas bahawa menyeru kerajaan supaya memulihkan pengajaran Matematik dan Sains dengan bahasa ibunda. Tetapi reaksi Menteri dalam Kementerian Pelajaran adalah sebegitu dilaporkan dalam surat khabar. *[Bercakap dalam Bahasa Mandarin]* Dia menganggapkan pandangan yang lain daripada masyarakat sebagai satu ugutan dan dia ugut bahawa kalau ada seruan atau pandangan yang lain saya tidak akan buat apa-apa keputusan. Ini adalah *threatening, holding ransom. Holding our future, our next generation education at ransom.*

Apakah pendirian Timbalan Menteri saya ingin tahu terhadap satu kenyataan yang telah dikeluarkan, diumumkan oleh menterinya bahawa dia tidak mahu buat apa-apa keputusan sekiranya ada orang yang menyeru supaya dasar ini ditukarkan dan dia menunjukkan satu sikap yang tidak terbuka. Langsung tidak terbuka dan dasar itu telah dibuktikan bahawa ia tidak berkesan untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris. Saya ingin tahu apakah pendirian Timbalan Menteri terhadap perkataan yang dikeluarkan oleh menterinya. *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah!

Dato' Hon Choon Kim: Okey, cukuplah ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, panjang lagikah Timbalan Menteri?

Dato' Hon Choon Kim: Kalau tidak dibangkitkan banyak masalah, cepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kalau boleh.

Dato' Hon Choon Kim: Ada dua tiga perkara lagilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Dato' Hon Choon Kim: Jadi Yang Berhormat bagi Bandar Kuching saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat sejak mana saya bekerja di bawah Yang Berhormat Menteri memang beliau merupakan seorang yang rasional, yang sentiasa rela dengar.....

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: Nantilah saya jawab.....yang sentiasa rela untuk mendengar pandangan-pandangan walaupun ada pandangan yang berbeza. Ia seorang yang cukup senang kita bincang. Saya dengan dia sudah dua tahun tidak nampak dia tolak sebulat-bulatnya sesuatu pandangan, tidak. Dia dengar, dia *digest*, dia bagi pandangan lepas itu buat satu keputusan. Kalau permintaan itu tidak berunsur *pressure* atau ugut memang dijawab dengan secara baik-baik. Kalau permintaan itu merupakan tekanan jadi memang betul-betul dia perlukan masa yang lebih panjang untuk buat kajian. Kalau tekanan-tekanan daripada pihak-pihak tertentu walaupun dia hendak buat keputusan tapi oleh kerana ada tuntutan atau tekanan, maka beliau hendak masa yang lebih panjang untuk membuat satu keputusan. Itu maksud dia.

Saya tidak nampak apa-apa. Yang Berhormat tidak usah risau sangat. Itu dia tidak bermaksud lain perkara. Tidak. Jadi saya lihat dari sudut inilah. Tapi Yang

Berhormat biasanya lihat dari sudut yang lain. Dari sudut negatif. Ini terpulanglah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke pendidikan khas.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua lagi yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak mahu layan lagilah. Terima kasih, terima kasihlah. Saya tidak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim:ada masa lagilah.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak ada masa lagilah Yang Berhormat. Minta maaf, minta maaf.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, dia tidak bagi Bukit Mertajam.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak bagilah. Saya sudah cukuplah. Banyak masa.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam!

Dato' Hon Choon Kim: Untuk pendidikan khas, Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga bangkitkan tentang pendidikan khas. Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini peruntukan pendidikan khas meningkat dari tahun ke tahun. Bagi tahun 2004 ialah RM54.6 juta daripada tahun 2005 sebanyak RM54.8 juta. Peruntukan bagi tahun 2006 lebih dari tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM56.9 juta.

Guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah pendidikan khas atau di program-program integrasi pendidikan khas adalah terdiri daripada guru-guru terlatih sama ada yang telah mendapat latihan sepenuh masa di Maktab Perguruan atau di universiti dan ada yang mendapat latihan dalam perkhidmatan satu tahun atau enam bulan. Usaha menaik taraf infrastruktur dan peralatan bagi sekolah-sekolah pendidikan

khas dan program integrasi telah diambil kira dalam peruntukan pembangunan di bawah program Rancangan Malaysia Kesembilan.

Mengenai pendidikan sukan dan juga kokurikulum yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gerik dan juga Yang Berhormat bagi Sabak Bernam memang ini telah diambil kira. Sememangnya menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk melahirkan pelajar yang seimbang daripada aspek kokurikulum dan akademik. Justeru itu, bagi menyeimbangkan aktiviti kokurikulum dan kesenian pelajar digalakkan untuk menyertai unit beruniform dan persatuan. Pelajar didedahkan dengan aktiviti kesenian seperti persolekan, berdrama dan nyanyian.

Mengenai pendidikan sukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Formula 2+1 adalah masih dilaksanakan di pendidikan. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Kementerian Pelajaran masih mengguna pakai Pekeliling kepentingan kokurikulum di sekolah. Pekeliling itu menekankan kepada kepentingan penglibatan murid dalam aktiviti badan uniform, kelab persatuan dan sukan ke arah membentuk insan yang seimbang.

Atas kesedaran ini Kementerian Pelajaran telah menambah peruntukan bagi menjayakan aktiviti sukan, kokurikulum dan motivasi yang telah diumumkan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Kementerian Pelajaran telah memberi pengiktirafan sebanyak 10 peratus pemberatan bagi kemasukan ke IPTA.

Yang Berhormat bagi Santubong juga sebut dasar *interactive* semasa belajar tidak boleh lagi diterima pakai. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran menekankan pembelajaran yang berpusatkan murid, pelbagai model telah disediakan. Antaranya kemahiran berfikir ICT dalam pembelajaran dan pengajaran, pembelajaran konstruktif *reassume* dan pembelajaran misteri, pembelajaran konseptual, aplikasi teori, *multiple intelligent* dalam pengajaran dan pembelajaran. Semua ini adalah bertujuan untuk menambah baik murid-murid kita supaya mereka dapat berinteraksi dengan guru-guru atau murid-murid yang lain.

Yang Berhormat bagi Ledang juga membawa soal sekolah berasrama penuh. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, disebabkan tempat yang terhad di SBP, pemilihan adalah diutamakan kepada pelajar-pelajar di sekolah di bawah Kementerian Pelajaran. Di samping itu, selain akademik yang cemerlang, kriteria kemasukan juga berasaskan kepada satu faktor keluarga dan pendapatan, kedua kegiatan kokurikulum.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga meminta supaya beri peluang kepada pelajar bukan Melayu turut diterima masuk ke SBP untuk integrasi kaum. Pada dasarnya penubuhan sekolah berasrama penuh di wujudkan untuk menempatkan pelajar-pelajar bumiputera yang berasal dari sosioekonomi rendah, khususnya dari kawasan luar bandar yang berpotensi untuk cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. Namun demikian, SBP juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera. Penubuhan SBP selari dengan dasar ekonomi baru untuk melahirkan pelajar bumiputera dalam bidang-bidang profesional untuk mengatasi jurang antara bandar dan luar bandar.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Hoon Choon Kim: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga bangkitkan perkara berhubung kait dengan kolej matrikulasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak bangun.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah dasar kemasukan ke sekolah berasrama penuh ini masih lagi dikekalkan, yang mana diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dari luar bandar.

Ini kerana kita dapati bahawa sekarang ini ibu bapa yang dari kawasan bandar juga berebut-rebut memasukkan anak-anak mereka ke sekolah berasrama penuh ini. Pada saya, ini merebut peluang pelajar-pelajar yang mana kemudahan asasnya tidak cukup, guru-gurunya yang tidak cukup dan juga guru-gurunya kurang mahir berbanding dengan sekolah-sekolah yang terletak di bandar. Saya rasa ini merupakan satu perkara yang tidak adil, yang mana kalau ibu bapa yang tinggal di bandar mampu untuk menghantar anak mereka ke tuisyen ataupun boleh, mampu menyediakan komputer untuk anak mereka di rumah dan sebagainya.

So, saya ingin tahu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dasar ini ataupun kriteria pemilihan ini masih berkekalan? Kalau begitu, bagaimana kita dapati banyak juga pelajar-pelajar yang berasal dari bandar, ibu bapa yang mempunyai kekuatan ekonomi, masih lagi berjaya dipilih masuk ke sekolah-sekolah tersebut.

Dato' Hoon Choon Kim: Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang ini dasar kerajaan, kita tidak merubah dasar ini ialah untuk

memberikan kemudahan, peluang kepada anak-anak kita berasal daripada luar bandar, ini memang masih dikekalkan.

Saya juga minta Ahli Yang Berhormat tidak usahlah bawa kes-kes di mana dari keluarga yang berada juga ingin memasuki ke asrama penuh. Saya pun telah terima banyak permintaan daripada Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari DUN dan juga Ahli Yang Berhormat Parlimen. Kalau semua Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Gombak, ini tidak jadi masalah. Jadi, saya mintalah, minta sangat-sangat janganlah minta supaya anak-anak di bandar dan dari keluarga yang baik, yang berada, yang mampu untuk memberikan pendidikan yang baik dengan tuisyen dan sebagainya supaya janganlah minta masuk ke sekolah berasrama penuh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Hoon Choon Kim: Saya beralih ke kolej matrikulasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dua yang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang dengan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Dato' Hoon Choon Kim: Sila, sila.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dasar kerajaan tentang pengambilan pelajar-pelajar untuk masuk ke sekolah berasrama penuh. Umpamanya, saya ambil contoh di Kuala Selangor, ada sekolah Menengah Sains Kuala Selangor, ada Sekolah Menengah Agama Kuala Selangor, adakah suatu kuota ditetapkan atau diberi keutamaan kepada pelajar tempatan untuk masuk ke sekolah-sekolah berkenaan bagi memudahkan pelbagai perkara. Terima kasih.

Dato' Hoon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Ini memang saya telah jawab tadi, memang dasar atau cara pemilihan ialah berasaskan kepada prestasi akademik dan juga kokurikulum dan juga kepada anak-anak dari luar bandar, dari keluarga yang kurang bernasib-baik atau memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan. Ini memberi keutamaan kepada murid-murid dari kumpulan ini. Walau bagaimanapun, cara pemilihan ini kita akan kaji dari masa ke semasa. Buat sementara waktu kita tidak berubah dari kriteria yang telah ditetapkan.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sehubungan dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Gombak tadi. Saya rasa ada satu lagi masalah yang perlu diberi perhatian oleh kementerian adalah tentang adanya ibu bapa, anak dia daripada darjah satu sampai darjah lima belajar di bandar tetapi apabila sampai masa untuk ambil UPSR, dihantar ke kampung rumah datuknya, ambil UPSR di sekolah luar bandar. Apakah kementerian sedar wujudnya perkara yang sebegini? Apabila keputusan keluar, maknanya dia ini dari sekolah luar bandar. Padahal dia darjah satu sampai darjah lima, dia mendapat kemudahan bermacam-macam di bandar. Terima kasih.

Dato' Hoon Choon Kim: Saya tidak ada aduan daripada mana-mana pihak tentang cara inilah. Ini memang sangat bijaklah kalau buat macam ini. *[Ketawa]* Darjah satu, darjah lima di bandar lepas itu pindah ke luar bandar saya rasa tidak ramai buat macam inilah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak berbalik kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor tadi.

Saya faham dasar sekarang ini memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar luar bandar yang cemerlang dalam akademik dan sebagainya, tetapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, yang saya juga berpendapat supaya dari kawasan yang berkenaan itu diberi, dengan syarat mereka ini layak. Misalnya dari Kuala Selangor Kalau ada sekolah berasrama penuh di Kuala Selangor, berapa *percent*, 5%, 10% dari Kuala Selangor itu, dengan syarat mereka ini layak mengikut kelayakan. Kita tidak mahu juga pelajar yang tidak layak dimasukkan di situ kerana ini akan menjejaskan reputasi dan tahap pencapaian sekolah itu. Bolehkah pihak kementerian menimbangkan perkara ini? Terima kasih.

Dato' Hoon Choon Kim: Terima kasih, kita akan timbangkan terhadap cadangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Parit. Saya ucapkan ribuan terima kasih.

Mengenai kolej matrikulasi yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Jawapan ialah penambahan kolej matrikulasi adalah bergantung kepada keperluan dari masa ke semasa. Dasar kemasukan ke kolej matrikulasi bagi bukan bumiputera adalah sebanyak 10%. Perlu dinyatakan, pada asalnya program matrikulasi dikhususkan untuk pelajar bumiputera, khususnya dalam bidang sains dan teknologi serta sastera ikhtisas.

Yang Berhormat bagi Puchong telah sebut pendidikan teknikal dan vokasional. Saya ucapkan berbilang terima kasih yang begitu prihatin, Yang Berhormat bagi Puchong terhadap murid-murid yang berhasrat untuk belajar pendidikan vokasional. Kementerian Pelajaran memang telah memberikan, menambahkan kelas untuk mata pelajaran vokasional kepada pelajar yang tidak cemerlang akademik, memang dapat sambutan yang cukup baik.

Buat sementara waktu, kita akan meningkatkan lagi, menambahkan kelas mata pelajaran dari masa ke semasa mengikut kemampuan Kementerian Pelajaran.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedikit sahaja apa yang saya bangkitkan hari itu tentang GSTT dan KPLI, bukan KPLI, LPBS - Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat apakah kedudukan LPBS yang dijangka, yang pada dahulunya diumumkan pada Ogos dan adakah ianya akan dibuka pada hujung tahun ini. Dan, saya juga hendak bertanya perkara yang berkaitan juga. Apabila pengambilan dibuat berdasarkan sesuatu negeri misalan di Kelantan, di SJKC di Kota Bharu, mereka itu mengalami kekurangan guru beberapa orang, tetapi apabila dilihat kuota secara keseluruhan mengikut negeri tanpa mengira aliran, ini bermakna kuota untuk Kelantan sudah penuh tetapi kita tidak melihat perkara itu secara spesifik berdasarkan sekolah dan aliran. Saya minta apakah polisi kementerian bersedia untuk mengkaji semula perkara ini kerana itu tidak adil kalau untuk satu sekolah tidak cukup guru-guru kita tidak sepatutnya melihat kuota pada negeri itu.

Keduanya, baru-baru ini, mereka yang menyertai LPBS, yang dahulu dikenali sebagai kursus dalam cuti, mereka diarahkan supaya tidak boleh mengandungi, bermakna dalam 3 tahun setengah itu tidak boleh mengandungi. Saya rasa ini satu perkara yang minta dikaji semula kerana itu satu perkara yang agak tidak

berperikemanusiaan. Ini kerana mereka ini jadi guru takkanlah tidak dibenarkan mengandungi dan kalau macam itu bagaimana dengan kedudukan mereka yang telah menyertai kursus ini selama 2 tahun setengah dan bercadang untuk mendirikan rumah tangga. Saya rasa mintalah kementerian kaji semula tentang LPBS. Terima kasih.

Dato' Hoon Choon Kim: Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Mengenai LPBS sama ada kelas ini, kursus ini akan bermula tahun ini atau tidak, saya difahamkan, saya diberitahu oleh pegawai-pegawai yang menjaga bidang ini.

Saya diberitahu bahawa kelas LPBS akan bermula dalam bulan ini, kalau tidak akan bermula pada bulan depan tetapi bilangan itu bukan begitu banyak, bukan begitu besar. Ini kerana kita kena lihat guru-guru yang telah tamat pengajian daripada maktab perguruan yang akan dihantar ke sekolah untuk tahun depan. Jadi, ini sudah kita ambil kira. Tentang Kelantan ini memang saya sedar masalahnya sebab sementara waktu ada lebih kurang 30 lebih GSTT yang masih berkhidmat,.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Dato' Hoon Choon Kim: Saya pun telah berjumpa beberapa orang, saya pun minta mereka kalau masih berminat dan juga ada peluang lagi minta mereka sanggup terus menjadi GSTT. Saya pun telah memberikan kepada mereka supaya kalau ada peluang saya akan bantu mereka supaya diserap masuk dalam LPBS supaya mereka boleh jadi seorang guru yang terlatih. Jadi, saya ucapkan berbilang terima kasih. Yang Berhormat bagi Puchong, ya!

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak balik sedikit mengenai sekolah pengajian teknikal dan juga vokasional *school*. Saya berterima kasihlah kementerian mempunyai sokongan dan juga perancangan yang baik untuk murid-murid ataupun pelajar-pelajar yang akan tercicir ini kalau perhatian tidak diberikan kepada mereka.

Soalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai beberapa ataupun apakah proses pemilihan mereka ini untuk memasuki dalam kelas-kelas ataupun dalam sesi-sesi teknikal dan juga ke vokasional ini untuk pelajar-pelajar yang mungkin tercicir ini kalau perhatian tidak diberikan untuk proses pemilihan. Dan juga apakah perancangan kementerian pada tahun-tahun yang akan datang ini, apakah peruntukan ataupun *emphasis* kepada sektor ini? Sebagai contoh, apakah *target* kementerian untuk mendirikan beberapa kelas dalam negara ini dan juga

bilangan muridnya ataupun pelajar yang akan menyertai skim ataupun satu skim teknikal dan juga vokasional *school*? Terima kasih.

Dato' Hoon Choon Kim: Saya ucapkan berbanyak terima kasih. Saya minta maaf kerana tidak dapat memberikan angka-angka yang diperlukan oleh Yang Berhormat. Apa yang saya boleh katakan di sini ialah mata pelajaran vokasional telah diperkenalkan secara berperingkat di sekolah menengah akademik bermula tahun 2003 hingga 2005, merangkumi 22 mata pelajaran.

Mata pelajaran aliran vokasional diperluas dan ditawarkan di sekolah menengah teknik mulai tahun 2006, di mana ia diberi lebih peluang kepada pelajar yang tidak cenderung dalam bidang akademik. Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itulah saya dapat jawab dan kalau ada.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam lagi Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, kita sudah hendak habis dah.

Dato' Hon Choon Kim: Sudah habis.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sikit sahaja berkenaan dengan MPV ini, boleh tak Timbalan Menteri? Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasihlah, saya hendak memuji kerajaan sebenarnya dari segi MPV ini. PCGnya telah dinaikkan dari RM60 kepada RM100, saya ucap tahniah, tetapi yang penting sekali ialah, Tuan Pengerusi, saya lihat ini merupakan agenda penting untuk mengelakkan pelajar-pelajar ponteng sekolah sebab ramai di antara mereka memang sangat meminati MPV ini.

Jadi di Sabak Bernam ada 3 sekolah. Hanya satu sahaja pertanyaan saya, boleh atau tidak diwujudkan satu mobiliti, maknanya di mana pelajar itu boleh pindah ke sekolah di mana dia berminat kepada mata pelajaran tersebut. Macam di Sabak Bernam dia ada 3, jahitan, perabot dan *agrotech*. Tetapi ada di antara pelajar ini di sekolah yang berbeza. Oleh kerana itu apakah pihak kerajaan, Kementerian Pelajaran boleh membenarkan pelajar itu berpindah dari satu sekolah ke satu sekolah yang lain yang dia berminat dalam MPV ini. Terima kasih dengan maaf, Tuan Pengerusi.

Datuk Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Tuan Pengerusi, Kuala Selangor ada bercakap, penat saya bercakap, tetapi tidak berjawab. Saya minta jawapan bertulis kalau tidak cukup masa.

Datuk Hon Choon Kim: Ya, saya bagi jawapan bertulislah ya. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Ini memang satu cadangan yang kita rela untuk terima untuk buat kajian dan apa yang saya setuju pandangan Yang Berhormat ialah mata pelajaran vokasional ini memang telah membantu murid-murid yang kurang cenderung kepada akademik. Mereka nampaknya lebih berminat untuk berada di sekolah dan masalah ponteng sekolah juga dapat kita kurangkan. Jadi Tuan Pengerusi, setakat inilah....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya masih ada satu perkara yang belum dijawab mengenai aduan ibu bapa di Sekolah Menengah Sejahtera di Amar mengenai....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri

Puan Chong Eng: Mengenai cikgu yang memanggil pelajar anjing itu, perkara itu belum dijawab.

Datuk Hon Choon Kim: Saya tahu sebab ini agak spesifik, saya kena buat satu siasatan sama ada benar atau tidak. Kalau memanggil seseorang itu anjing, memang tidak betul, tidak patut dilakukan oleh seorang guru. Jadi apa juga masalah disiplin yang dilakukan oleh murid-murid yang berkenaan, tidak patutlah guru itu panggil murid sebagai anjing. Jadi saya setuju pandangan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Jadi bagaimana, bilakah perkara ini....

Datuk Hon Choon Kim: Kalau perkara ini betul kita akan ambil tindakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Bilakah saya boleh dapat satu jawapan, bila-bila....

Datuk Hon Choon Kim: Kita akan buat satu siasatan ya..

Puan Chong Eng: Saya tahu. Bolehkah beri satu jangka masa supaya saya boleh beritahu ibu bapa.

Datuk Hon Choon Kim: Tidak apa, tidak apa, nanti kita akan buat....

Puan Chong Eng: Saya rasa adalah baik untuk tetapkan satu tarikh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ingat jawab besoklah.

Puan Chong Eng: Jawab besoklah *better*. ..Ya, kalau bolehlah. Kalau tidak, satu minggu, dua minggu, tolong beri satu jangka masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Datuk Hon Choon Kim: Kita akan memberi jawapan secepat mungkin.

Puan Chong Eng: Secepat mungkin ialah, sebelum sekolah dibuka atau macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah Yang Berhormat

Datuk Hon Choon Kim: Secepat mungkin, tak faham bahasa ke? Secepat mungkin lah.

Puan Chong Eng: Ini tidak spesifik, secepat mungkin, bila? Saya rasa Yang Berhormat tidak mahu memberi satu komitmen.

Datuk Hon Choon Kim: Duduklah, saya tidak mahu....

Puan Chong Eng: Tidak mahu memberi satu komitmen, supaya dia boleh....

Datuk Hon Choon Kim: Saya sudah jawab, bukan saya tidak ada komitmen, saya sudah jawab, ini pendirian Kementerian Pelajaran, kalau guru itu memanggil murid sebagai anjing, memang tak boleh.

Puan Chong Eng: Ya, itu saya tahu, saya hendak tahu bilakah boleh habis, boleh hasilkan satu jangka masa. Kalau satu bulan ke dua bulan. Saya rasa ini adalah penting, semua projek ke atau rancangan, ia ada satu jangka masa. Satu siasatan pun sepatutnya ada satu jangka masa bila boleh habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Yang Berhormat, nanti..

Datuk Hon Choon Kim: Yang Berhormat, setakat itu sajalah saya memberi jawapan yang telah diberikan.

Tuan Lau Yeng Peng: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *last-last*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacon]; Jangan bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Hon Choon Kim: Tidak, tidak, masa tidak mengizinkan.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, sepatutnya ada satu tarikh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berhubung kait...

Puan Chong Eng: Dia tidak hendak beri satu komitmen, tetapi walau bagaimana pun saya akan *follow-up*.

Datuk Hon Choon Kim:dengan Pendidikan dan saya ucapkan terima kasih. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM17,542,945,200 untuk Kepala B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendak disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM17,542,945,200 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,241,700,000 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006 diluluskan

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,241,700,000 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.47 [Jadual] –

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2006] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.47, dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahaskan.

12.50 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin sentuh 050000 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Tuan Pengerusi, saya difahamkan Jabatan Hal Ehwal Khas yang telah ditubuhkan pada tahun 2000, dengan matlamat, objektifnya menjalankan aktiviti kemasyarakatan dengan program khas kepada awam selaras dengan dasar kerajaan untuk memberi dengan lebih lanjut lagi penerangan berkenaan dasar kerajaan supaya orang awam lebih faham.

Saya difahamkan bahawa jabatan ini telah menjalankan tugas dengan begitu berkesan sepanjang masa ini. Dengan adanya perjawatan secara kontrak di dalam kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri di mana salah seorang dilantik sebagai pegawai. Saya anggapkan bahawa pelantikan perjawatan secara kontrak ini memang sesuai untuk menjalankan tugasnya supaya kawasan-kawasan tertentu dapatlah memahami penjelasan penerangan dasar kerajaan, tetapi saya hanya minta penjelasan daripada pihak kementerian, dalam mana untuk jalankan tugas oleh pegawai

penerangan di kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri ini kerana saya difahamkan di setengah kawasan. pegawai yang dilantik itu hanya beri maklum balas kepada Ahli Dewan Undangan Negeri tertentu sahaja. Maka tidak dapat memberi maklum balas kepada Ahli Parlimen.

Ini mungkin satu keadaan yang hendaklah dibetulkan dan dikaji semula. Saya mintalah pihak kementerian sama ada cadangan untuk melantik pegawai penerangan kepada setiap kawasan Parlimen, bukan hanya kepada kawasan Dewan Undangan Negeri sahaja. Ini untuk memberi satu perkhidmatan yang lebih meluas, meliputi seluruh kawasan Parlimen.

Saya menjangkakan bahawa cadangan pelantikan perjawatan secara kontrak di kawasan Parlimen ini penting dan mustahak supaya dapat satu maklum balas berkenaan dengan masalah sosial politik di kawasan tersebut dapat disalurkan kepada Ahli-ahli Parlimen di kawasan tertentu. Maka saya minta penjelasan sama ada cadangan ini dapat dijalankan atau tidak supaya Ahli-ahli Parlimen juga mendapat maklum balas daripada pegawai khas itu.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap Jabatan Hal Ehwal Khas yang dijalankan tugas dan fungsinya dapat juga memperkembangkan lagi supaya pegawai khas, pegawai penerangan yang dilantik itu lebih berkesan supaya wakil-wakil rakyat mendapat banyak lagi aduan atau masalah-masalah di kawasan tersebut supaya dapat mengambil tindakan selanjutnya untuk mengatasinya. Jadi, saya minta sama ada jabatan ini dapat dikembangkan lagi atau menambah lagi tugas-tugas atau fungsi-fungsi yang lebih pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkaitan dengan Butiran 020000 – Perkhidmatan Penyiaran dan juga Butiran 030000 – Perkhidmatan Penerangan. Didapati bahawa TV1 dan TV2 yang dijalankan sepanjang masa mungkin saya dapati bahawa kekurangan minat daripada penonton di kalangan rakyat. Saya dapati bahawa lapisan masyarakat lebih cenderung atau berminat lebih kepada penyiaran ASTRO atau TV swasta kerana program-program yang lebih menarik kepada mereka. Sama ada pihak kementerian sedar atau tidak berkaitan dengan apa sebenarnya berlaku demikian seperti TV2.....

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Mengenai minat penonton kepada rancangan TV1 dan TV2 itu, adakah ini kerana RTM tidak membuat satu program mengikut minat dan juga kemahuan sesuatu komuniti atau satu-satu masyarakat di mana sekarang dengan kewujudan ICT juga internet dan sebagainya

telah menjadi satu sumber maklumat yang lebih cepat dan canggih dan RTM tidak mengikut trend atau kecenderungan ini. Apakah pendapat Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Pandangan itu saya sampaikan kepada kementerianlah. Pihak Yang Berhormat Menteri akan memberi jawapan yang lebih praktikal dan lebih baik. Walau bagaimanapun, saya anggapkan bahawa TV itu yang beri perkhidmatan yang banyak kepada masyarakat bukan Melayu, tetapi saya masih anggapkan bahawa program kurang banyak untuk memberi maklum balas atau masalah semasa kepada masyarakat Cina.

Kalau boleh program dijalankan dan memberi penjelasan dalam bahasa Mandarin, banyak lagi berkaitan dengan masalah-masalah sosial atau kedudukan-kedudukan semasa untuk masyarakat Cina lebih sempurna supaya dapat menarik perhatian daripada penonton- penonton dari bangsa Cina kerana waktu ini bahasa Mandarin ini begitu luas dipelajari oleh masyarakat Cina dan juga termasuklah bukan masyarakat Cina. Seseengah orang Melayu yang fasih berbahasa Mandarin itu dapat juga menikmati program-program yang ditayangkan atau disiarkan di TV2.

Jadi, saya mintalah sama ada program untuk bahasa Mandarin itu, bukan sahaja maklum balas berkaitan dengan kawasan-kawasan tertentu masyarakat Cina itu tetapi juga segi perkembangan sosial, perkembangan politik dan perkembangan integrasi nasional dapat disiarkan melalui bahasa Mandarin supaya memberi perangsang kepada masyarakat Cina untuk mendapati banyak lagi menonton TV2 sepanjang masa ini. Itu sebab saya haraplah pandangan atau ulasan daripada pihak kementerian dapat diberi terhadap masalah yang dihadapi oleh masyarakat Cina sepanjang masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]; Ya, Larut.
12.58 tgh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut ringkas sahaja dalam P.47 ini iaitu Butiran 020000. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sanggup berada di Parlimen dan diharap menjadi satu contoh kepada rakan-rakan menteri yang lain. Kita tahu bahawa di bawah kepimpinan Yang Berhormat banyak *rebranding*, dengan izin, telah dilakukan oleh RTM walaupun kita perlu memberi sedikit masa kepada Yang Berhormat untuk memperhebatkan lagi RTM ini.

Saya ingin menyentuh penyiaran kerana kita tahu, sekarang ini Kementerian Penerangan sudah tentu di mana stesen-stesen swasta bukanlah di bawah kawalan pihak Kementerian Penerangan. Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Penerangan, kalau boleh satu akta dibentangkan di Parlimen ini supaya mereka ini diletakkan balik di bawah Kementerian Penerangan untuk membolehkan kesesuaian lebih rasionalnya stesen-stesen TV ini berada di bawah Kementerian Penerangan. Jadi, saya berharap pandangan ini dapat dipertimbangkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]; Kinabatangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang bersetuju dengan cadangan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut, sebab sekarang ini kita nampak Akta Penyiaran kita nampak bercelaru di mana Kementerian Penerangan itu seharusnya satu badan yang diberi tugas dan tanggungjawab supaya penyiaran-penyiaran di stesen-stesen TV swasta dan juga separuh swasta ini dapat dipantau secara berkesan, tetapi ini kadang-kadang ia di bawah Multimedia, kadang-kadang ia di bawah apa ni, kementerian yang baru, apa ni, di bawah Dato' Rais Yatim. Jadi banyak percanggahan, masyarakat pun bingung, kita pun wakil rakyat bingung.

Jadi, tidakkah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya diselaraskan satu badan yang mengawal selia, bukan lagi dua tiga kementerian supaya aktiviti-aktiviti perancangan itu dapat diselaraskan dan tidak ada pelanggaran penyiaran seperti stesen ini menyiarkan rancangan yang sama, stesen ini menyiarkan rancangan yang sama. Minta pendapat Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Memang itulah yang saya telah sarankan tadi, perlu supaya tidak banyak pertindihan oleh agensi atau pun kementerian yang lain. Kita serah kepada Kementerian Penerangan kerana memang sesuai sangat terutama sekali yang melibatkan artis-artis, mereka yang terlibat dalam kementerian yang berkaitan.

Jadi, saya berharap Menteri ada di sini, akan memberi satu jawapan yang positif bahawa pemantauan dan pengawalan ke atas stesen-stesen TV swasta dapat berada di bawah Kementerian Penerangan supaya kita lebih tahu, mereka lebih faham dengan dasar kerajaan, apa selera kerajaan, tidakkah nanti stesen-stesen TV swasta ini mengikut suka hati mereka mengadakan program yang kadang-kadang boleh

bertentangan bukan sahaja dengan akidah, dengan budaya, sosial masyarakat kita pada hari ini. Jadi, saya berharap sangatlah supaya akta ini dapat dilaksanakan dengan lebih segera. Walaupun program RTM kita tahu....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan Yang Berhormat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya habiskan. Saya tahu banyak langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian ataupun RTM, terutama sekali dalam siaran-siaran yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat kita. Umpamanya kita di Parlimen pada hari ini, jika dahulu orang tidak begitu ikuti siaran sidang Parlimen, tetapi pada hari ini boleh dikatakan masyarakat sudah tertumpu kepada Parlimen oleh kerana adanya siaran-siaran langsung ataupun siaran-siaran lintas langsung yang dilakukan oleh RTM dan juga stesen-stesen TV swasta yang lain termasuk TV3 dan sebagainya.

Cuma di sini saya ingin mencadangkan kepada RTM tentang program agama, umpamanya program agama seperti kuliah subuh yang boleh diikuti oleh masyarakat Islam, terutamanya apabila mereka mula bangun sebelum pergi kerja. Sebagaimana saya beri contoh, TV3 ada membuat program-program kuliah subuh ini terutama sewaktu bulan Ramadhan yang lalu. Saya ikuti program-program motivasi yang diadakan oleh stesen TV3 ini amat mendatangkan manfaat yang berguna, bukan sahaja untuk masyarakat-masyarakat beragama Islam bahkan kepada masyarakat bukan beragama Islam yang boleh mereka ikuti dengan nasihat-nasihat program motivasi, mungkin Yang Berhormat bagi Kepong juga boleh ikuti program-program seperti ini kerana ia mendatangkan manfaat bukan kepada saja bina insan bahkan sebagai satu panduan kepada kita semua.

Saya tidak menafikan usaha yang telah dibuat oleh RTM tentang program-program agama seperti Forum Perdana yang dibuat secara langsung oleh RTM, bahkan program-program agama yang lain seperti menyiarkan siaran kemiskinan yang bukan sahaja dialami oleh masyarakat Islam tetapi juga masyarakat bukan Islam oleh RTM dalam program-program yang diadakan dari masa ke semasa. Oleh itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada RTM di bawah kepimpinan menterinya. Namun demikian, kita berharap ianya akan dapat dipertingkatkan lagi program-program seperti ini supaya dapat mengubah persepsi rakyat ke atas negara kita yang sedang membangun ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang hendak saya sampaikan dan saya ucapkan banyak terma kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan.

1.03 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. 024000 – Perkhidmatan Penyiaran.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]* Tuan Pengerusi, sudah pukul 1.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan, sambung petanglah.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bagan, sila berucap.

2.30 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran. Tuan Pengerusi, RTM1, RTM2 dan TV3, saya dapati bahawa pengiklanannya (*advertisement*) terlalu banyak. Bagi penonton-penonton seperti umur saya apabila kita senang rehat dalam rumah dan apabila menonton TV kita memilih filem-filem atau tayangan-tayangan yang tertentu dan sedang meneliti tayangan ini sampai satu tahap kita tidak boleh sabar lagi kerana sekejap sahaja ada iklan, sekejap sahaja ada iklan dan iklannya bukan pendek tetapi kadang-kadang sampai satu minit, Sekarang kami ada pakai *remote control* untuk menukar *channel-channel*. Bila pakai *remote control* untuk tukar channel daripada RTM1 pergi ke RTM 2 serupa juga iklan. Tukar kepada TV3 masa itu pun serupa juga ada iklan. Jadi tidak tahulah kita hendak tengok iklan atau hendak menonton program-program atau filem-filem yang kita minati. Saya bertanya kepada kementerian mengapa terdapat begitu kekerapan iklan di RTM1 dan RTM2? Sama ada kementerian mementingkan hasil lebih dari memberi mutu perkhidmatan kepada rakyat yang lebih mustahak.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara berkenaan dengan tayangan gambar. Apabila ada tayangan filem Tionghua atau China mereka ada mempamerkan huruf-huruf atau perkataan-perkataan dalam bahasa China tetapi bahasa China atau huruf Tionghua ini ditudung atau ditutup dengan bahasa Kebangsaan. Perlu menerangkan bahawa bukan semua orang China faham dengan apa-apa yang telah berbicara atau bercakap dalam filem itu kerana bangsa China pun ada banyak loghat seperti Hokien, Kek, Tieucu, Hainan, Kantonis atau Puchao dan mereka memerlukan huruf-huruf ini supaya memahami apa percakapan dalam filem itu. Dan saya berharap bukan kita membantah kepada huruf-huruf yang berbilang kaum tetapi perlu ada satu ruang untuk dipamerkan bahasa kebangsaan, bahasa China dan sekiranya perlu bahasa Inggeris juga, ini tidak menjadi masalah Cuma *adjust space* sahaja dan bukan menutup atas satu yang lain.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang di Semenanjung sini walaupun ini satu kelakuan yang diharamkan tetapi ada juga terdapat penonton- penonton atau rumah-rumah yang ada memasang parabola dan parabola ini kononnya diimport dari negara China. Dan terdapat banyak penjaja-penjaja China di tepi jalan. Mereka menawarkan pemasangan parabola mungkin RM400 atau RM500 mereka boleh pasang. Ini menarik minat ramai juga penduduk-penduduk negara kita tetapi mereka tidak faham dan tidak tahu bahawa pemasangan parabola ini adalah satu kesalahan. Mengapa mereka memiliki parabola? Kerana mereka ingin mendapat *channel* lain atau stesen-stesen asing untuk ditonton. Pada masa sekarang ada satu era komunikasi yang baru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian bercadang untuk membuka ruang kepada penggunaan parabola ini kerana pada masa sekarang boleh dikatakan *no borders*. Jadi bolehlah parabola ditimbangkan supaya dibuka peluang ini.

Tuan Pengerusi, yang akhir ialah saya minta menteri menerangkan satu peristiwa iaitu satu kes tindakan mahkamah berkenaan seorang penerbit filem yang mendakwa bahawa satu karya asalnya telah digunapakai oleh RTM iaitu Tien Che Tien dan Mahligai Gading. Beliau menuntut RM10 juta kepada mahkamah kerana kesalahan ini dan tetapi kita tahulah sama ada ia siapa yang benar dan siapa yang tidak benar. Tetapi ini adalah satu maruah kerajaan kita di mana kerajaan kita didakwa meniru karya asalnya seorang penerbit filem. Saya harap kerajaan boleh membuat satu kenyataan berkenaan dengan hal ini. Sekian sahaja.

Beberapa Ahli Parlimen: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ada beberapa perkara yang saya sentuh sebenarnya untuk membantu Kementerian Penerangan. Maksud Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Penerangan, Butiran 05700 – Peningkatan Kemudahan Fasiliti Latihan IPTAR. Saya ingin tahu dalam tahun 2006 kita lihat tidak ada satu peruntukan, hanya RM10 token diberi kepada peningkatan kemudahan IPTAR ini. Tingkatan Kemudahan Fasiliti Latihan IPTAR token RM10 tahun 2006. Saya mintalah supaya Kementerian Penerangan khususnya Jabatan Penyiaran untuk memberi satu penekanan yang lebih jitu bahawa latihan-latihan perlu kewangan yang sebesar mungkin sebab Kementerian Penerangan khususnya Jabatan Penyiaran sedang menyediakan satu peruntukan untuk pegawai-pegawai mereka untuk dilatih lebih gigih lagi lebih mendalam lagi dari segi aspek pendigitalan iaitu bila kita pergi kepada pendigitalan RTM.

Dan saya rasa kalau kita tidak mempunyai kemudahan dan *facilities* dan juga peruntukkan yang baik, saya rasa ini akan menjejaskan daripada segi latihan-latihan pegawai-pegawai RTM dan juga pegawai-pegawai yang mungkin daripada kementerian yang lain, yang dapat kita latih. Selain daripada itu saya juga hendak menyentuh mengenai dengan Butiran 01900 di bawah Maksud Pembangunan 47 iaitu Peningkatan Kemudahan IPTAR.

Saya juga melihat kemudahan IPTAR ini hanya diberi RM10 token sahaja dan saya rasa ada dua bangunan yang pada suatu ketika dahulu saya cadangkan dan sekarang ini sedang dilaksanakan. Dan saya melihat sebab kenapa, saya pasti banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita tingkatkan kemudahan IPTAR tadi. Kalau kita tidak mempunyai peruntukkan seumpama ini hanya diberi token RM10 sahaja banyak perkara yang tidak dapat kita laksanakan nanti, jadi saya mintalah supaya kementerian ini memberi satu keprihatinan terhadap kemudahan-kemudahan yang akan kita tingkatkan nanti.

Selain daripada itu saya juga menyentuh mengenai dengan Butiran 05800 - Bangunan Dewan Seminar IPTAR, dalam 2006 ini juga tidak dapat sedikit duit, hanya token RM10 juga.

Saya rasa kenapa tidak ada satu perancangan yang jitu, di mana melihat pandangan yang jauh. Kalau kita hanya beri token RM10 sahaja, saya rasa itu tidak memadai kepada Bangunan Dewan Seminar IPTAR ini yang saya rasa akan menjadi

satu mercu tanda kepada persekitaran Angkasapuri itu nanti khususnya lagi dalam bidang-bidang latihan. Dan saya hendakkan supaya IPTAR ini diberi satu kemudahan-kemudahan yang tertentu, dan saya pasti daripada bangunan IPTAR atau pusat latihan ini akan menambah lagi dari segi kesinaran RTM.

Saya juga ingin menyentuh tentang dalam Maksud Bekalan 47, Butiran 070300 - Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG). Sebelum itu saya hendak ucapkan syabas kepada Menteri yang berkenaan khususnya Menteri Penerangan yang telah berjaya dalam Persidangan NAM dan selepas itu juga telah menubuhkan NNN ini iaitu, *News Non-Aligned Network* ini.

Saya hanya hendak tahu mengenai perbezaan di antara SSIG ini dan NNN ini, kalau ada bercanggah daripada urutan tersebut saya rasa lebih baik kita ada satu daripada kita dapat dua. Sebab kenapa bila kita dapat lihat SSIG ini hanya mendapat RM50,000 sahaja. Saya percaya peruntukkan SSIG ini selepas mantan Perdana Menteri dahulu menubuhkan untuk membantu daripada segi negara-negara yang sedang membangun dalam prasarana informasi, maklumat dan sebagainya. Tetapi saya rasa hal itu kalau dapat dicantumkan RM50,000 ini dan tambah lagi pada masa-masa akan datang, saya percaya apa yang Menteri telah cadangkan itu iaitu NNN ini akan menjadi satu *the brain child - at the end of the day this particular NNN*, dengan izin menjadi satu prasarana ataupun *I should say* pangkalan RTM yang lebih cemerlang. Jadi saya percaya NNN ini kalau kita lihat secara menyeluruhnya adalah merupakan sebagai *CNN of this particular part of the world that you should be able to simulate information to counter back CNN*, dengan izin.

Dengan itu saya mintalah supaya kementerian ini melihat kepada keseluruhannya bila saya tengok daripada segi peruntukkan yang diminta ini bukan sahaja sebanyak mungkin, sebab kenapa sekarang ini kita sedang dalam persiapan dan persediaan kita dalam era pendigitalan RTM. RM24 juta itu tidak memadai dan tidak mencukupi untuk kita melihat skop yang lebih besar lagi supaya rakyat ini dapat menonton dan melihat dan juga mendapat informasi dan maklumat yang terkini daripada apa yang telah dibuat oleh RTM, syabas kepada RTM. Tetapi banyak lagi yang perlu kita buat, saya percaya Menteri yang baru, yang sedang berusaha sedaya upaya untuk membantu kepada rakyat khususnya di luar bandar. Di mana saya percaya bukan sahaja di Semenanjung kita ini mempunyai poket-poket filem yang perlu kita buat dan peruntukkan yang diberi pun tidak begitu memadai hanya RM300,000 sahaja.

Saya lihat di Semenanjung ini banyak poket filem yang perlu ataupun tempat-tempat perlindungan yang belum lagi dapat siaran-siaran radio dan televisyen lebih-lebih lagi di bahagian pedalaman, bahagian saya Pensiangan iaitu kalau kita bandingkan dengan yang lainlah, yang sebenarnya Menteri, kita belum lagi mendapat siaran-siaran radio dan televisyen. Banyak orang kata kita boleh dapat televisyen tetapi itu melalui Astro. Bayangkanlah orang-orang ini yang selalu katakan bahawa *even* satu ringgit pun mereka tiada dapat, macam mana hendak bayar empat peratus ataupun RM200 tiap-tiap bulan siaran-siaran televisyen melalui radio dan televisyen melalui Astro ini. Jadi saya mencadangkan kepada Menteri yang ada pada petang ini untuk melihat ini secara lebih terbuka dan lebih terperinci. Mudah-mudahan dalam lima dan sepuluh tahun ini akan dapat orang-orang di pedalaman ini mengecapi semua kejayaan yang kita buat. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ledang.

2.46 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terpanggil untuk Butiran 20000. Pertamanya Tuan Pengerusi saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada RTM kerana telah berjaya membuat beberapa perubahan dan saya sendiri semalam Tuan Pengerusi, telah pun bersama-sama dengan beberapa DJ dalam Program Berhari Raya dengan Teman Melaka FM. Walaupun di Kampung Bekoh, walaupun Melaka FM ini Tuan Pengerusi ialah untuk orang Melaka tetapi bagi orang Johor Utara, Muar, Segamat terus terang saya katakan mereka lebih gemar mendengar Melaka FM berbanding dengan Johor FM. Dalam erti kata lain Tuan Pengerusi Melaka FM berjaya menarik minat dari sudut siaran pendengar-pendengar berbanding dengan siaran radio yang lain.

Saya nyatakan demikian Tuan Pengerusi kerana banyak maklum balas yang saya terima saya sendiri pun begitu lebih gemar membuka siaran radio Melaka FM. Maknanya Tuan Pengerusi RTM juga boleh menarik minat pendengar-pendengar ataupun penonton-penonton sekiranya RTM berjaya mengolah sesuatu rancangan yang boleh menarik minat. Sehingga sekarang Tuan Pengerusi Melaka FM juga ada carta lagu bukan sahaja Era, malahan saya berani katakan Melaka FM sememangnya telus di dalam menyenaraikan carta lagu Melaka FM berbanding dengan radio Era. Sebab saya

check radio Era Tuan Pengerusi kita pakat ramai-ramai minta satu lagu tidak keluar pun satu hari, dua tiga hari pun tidak keluar maknanya dari segi carta lagu radio Era Astro ini tidak telus. Tetapi Melaka FM dia lebih telus, dia ada interaksi dengan penonton dan sebagainya dalam usaha untuk membuktikan bahawa mereka telus.

Saya menyatakan demikian Tuan Pengerusi, sekiranya kita berjaya menarik minat dari segi programnya yang berbentuk pengisian menarik dan sebagainya kita boleh menyebarkan maklumat melalui radio. Kita harus menerima realiti bahawa masyarakat sekarang lebih terdorong kepada sesuatu siaran yang bersifat interaksi. Jika Astro ada Channel 15, walaupun saya hendak *complain* sedikit Tuan Pengerusi walaupun bahasanya kesat kadang-kadang, merosakkan budaya bangsa, budaya bahasa Malaysia, bahasa Melayu tetapi saya berfikir sudah sampainya RTM juga ada satu rancangan interaksi sebagaimana Channel 15, dengan izin televisyen Astro. Sebab tujuan utama kita ialah untuk menyedarkan masyarakat tentang erti sebenar kehidupan semasa, kita hendak menarik minat mereka menonton televisyen dan sekali gus kita dapat menyalurkan maklumat yang penting kepada rakyat.

Kedua Tuan Pengerusi, saya terpanggilah sedikit supaya mungkin Kementerian Penerangan boleh membela sedikit beberapa artis veteran ini sebagai contohnya Tuan Pengerusi Ahmad Jais.

Apalah kurangnya Ahmad Jais dengan lagu-lagunya “Jangan Ditanya Bilaku Berdua, Mengharap Sinar Menelan Kabus, Umpan Jinak di Air Tenang, Mengikat Janji” dan beberapa lagu lain yang dinyanyikan semula seperti “Bahtera Merdeka” berbanding dengan penyanyi-penyanyi lain yang telah pun menerima anugerah yang berbagai-bagai-bagai.

Saya tak kenal Ahmad Jais tetapi saya fikir, saya tengok dia nyanyi dengan suaranya yang lunak tidak ada pembelaan berbanding dengan penyanyi daripada Perak Dato' M Daud Kilau dan sebagainya ramai lagilah. Tapi saya mungkin kalau boleh saya cadangkan supaya Kementerian Penerangan untuk membela mereka supaya saya yakin sebab pengaruh yang besar dia boleh membantu Kementerian Penerangan dalam menarik ramai penonton di mana-mana sahaja dalam usaha kita menyebarkan maklumat kerajaan yang baik. Sekian Tuan Pengerusi saya menyokong.

Tuan Pengerusi : Bukit Gantang.

2.53 ptg.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 020100 Rancangan. Memang kita mendapat banyak rancangan yang pelbagai yang disiarkan oleh RTM dan juga rancangan TV swasta yang lebih banyaknya tertumpu pada hiburan, filem-filem yang berbentuk keganasan dan seram untuk menarik ramai penonton. Rancangan berbentuk seperti ilmiah dan akademik amat kurang disiarkan seperti rancangan perbahasan syarahan, pidato ke di kalangan murid-murid sekolah amat kurang ditayangkan kecuali kalau di peringkat akhir sesuatu pertandingan baru disiarkan.

Saya ingin menyeru kepada pihak kementerian agar mengkaji semula rancangan seperti ini sebab rancangan ini seperti rancangan syarahan, pidato, perbahasan dan sebagainya untuk di kalangan murid-murid ini perlu diberikan tempat kerana ia akan menjadi satu ikutan dan teladan bagi anak-anak murid dan golongan remaja untuk membuka minda mereka dan juga untuk menimba ilmu daripada menonton filem-filem ganas yang menjejaskan akhlak dan tutur kata golongan remaja dan anak-anak kita yang masih kecil.

Begitu juga dengan iklan-iklan kita Tuan Pengerusi yang selalunya menonjolkan iaitu ciri-ciri menjerit-jerit, tonjolan gaya yang tidak mengikut budaya kitalah iaitu budaya ketimuran kita dan ini semua perlu dikaji agar ia tidak akan menjadi ikutan anak-anak kita yang masih kecil ini. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kubang Kerian.

1456 ptg

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus kepada 020000 dan juga 030400. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada pihak Kementerian Penerangan adakah suatu kajian yang menyeluruh dan *holistic* dibuat setelah hampir 50 tahun negara kita diberikan kemerdekaan maka Dasar Penyiaran negara ini telah benar-benar mencapai matlamat untuk menjadikan masyarakat Malaysia ini faham dan mengerti akan dasar-dasar penting yang melibatkan kehidupan masyarakat majmuk dalam negara kita.

Saya membangkitkan perkara ini di atas satu kesedaran sebagai rakyat Malaysia bahawa adakah satu kajian ini akan melahirkan beberapa pandangan dan *finding*

dengan izin, adakah darjah-darjah ataupun *degree* yang menggambarkan suatu kepuasan dalam negeri kita tentang perhubungan antara kaum, integrasi nasional, perpaduan negara, dasar hiburan dan juga pemahaman kita dan penghormatan kita terhadap agama-agama, budaya yang diamalkan oleh semua bangsa dan kaum yang ada dalam negara kita.

Saya membangkitkan juga perkara ini kerana kita tidak mahu semakin lama kita berjalan dan semakin lama kita berada di dalam sebuah negara yang merdeka, kita tidak mencapai objektif yang penting ini untuk memastikan bahawa generasi setelah 50 tahun pertama ini bahawa generasi 50 tahun yang kedua akan datang akan, dapat hidup dengan lebih selesa dalam negara kita ini.

Saya membangkitkan perkara ini kerana saya melihat berdasarkan kajian-kajian yang dibuat oleh penyelidik-penyelidik dan badan-badan yang bukan kerajaan khususnya sebagai contoh, saya ambil satu kajian yang dibuat oleh Merdeka Centre bahawa RTM sebagai contoh dalam dasar hiburan dasar penyiarannya telah pergi hampir kepada 70 peratus yang hanya berorientasikan kepada hiburan sahaja.

Ini sangat penting untuk kita melihat adakah Kementerian Penerangan telah mengambil kira contohnya sebagai perayaan-perayaan yang bersifat agama, Hari Raya Aidilfitri sebagai contoh ini perayaan besar dalam masyarakat yang menganut agama Islam, Hari Raya Aidiladha sebagai contoh di mana kita melihat program yang dibuat bukan sekadar oleh RTM tetapi semua stesen-stesen televisyen yang lain berorientasikan kepada hiburan dan tidak menjurus pada pendidikan ataupun menjurus pada pembinaan menghayati semangat Ramadhan, semangat Aidilfitri dan semangat pengorbanan Nabi Ibrahim A.S. sebagai contoh dalam perayaan Aidiladha.

Begitu juga dengan perayaan-perayaan yang berbentuk agama yang lain sebagai contoh perayaan Deepavali, Krismas dan seumpamanya adakah media kita, adakah penyiaran kita membantu untuk menjadikan penganut-penganut ini mereka kembali untuk menghayati tentang ajaran agama pada bangsa ataupun agama masing-masing supaya generasi muda yang terdidik dalam negara kita ini akan menjadi belia-belia ataupun generasi yang faham akan tanggungjawab mereka dan nilai-nilai murni yang ada dalam budaya dan agama mereka kerana hari ini kita tidak dapat menafikan bahawa gejala sosial yang sedang melanda belia dalam negara kita adalah satu tahap yang sangat kritikal yang memerlukan dasar penyiaran sebagai agen utama negara yang boleh sampai dalam setiap rumah rakyat berperanan dan telah sampai masanya

melihat kembali dengan kajian-kajian yang lebih komprehensif dan objektif untuk mencapai matlamat kita.

Cuba kita melihat kepada drama-drama TV sebagai contoh, dengan kita membandingkan dengan satu kajian yang dibuat oleh *University of London* dalam satu kajian tesis pelajar yang mengambil bidang budaya, saya mengambil satu contoh tentang drama-drama TV Malaysia sebagai contoh. Adakah budaya seorang isteri menengking suami ini boleh kita lihat dalam filem-filem klasik-klasik Melayu, drama-drama Melayu, sampai hari ini. Satu tradisi, isteri mesti memberikan kata-kata yang agak kesat ataupun mengeluarkan kata-kata yang agak pedas bila mengkritik suami mereka. Ini budaya yang ditonjolkan oleh drama kita dengan kita membandingkan budaya-budaya yang diamalkan yang diorientasikan dalam budaya Jepun dan Korea sebagai contoh.

Hari ini kita boleh melihat filem Jepun dan filem Korea, drama-drama mereka kalau seseorang isteri itu ingin memarahi suaminya masih lagi mesejnya menyampaikan mesej kemarahan kepada suami tetapi di dalam budaya yang tidak pernah terkeluar daripada budaya hormat isteri kepada suami mereka. Ini saya rasa acuan ini yang sebenarnya yang tidak dapat kita masukkan di dalam drama ataupun dalam semua rancangan-rancangan yang melibatkan bila kita melahirkan tentang drama Melayu sebagai contoh.

Ini saya merasakan suatu fenomena yang perlu diperlengkap agar kalau ini terjadi dalam generasi yang ada pada hari ini apakah harapan kita pada generasi kedua, 50 tahun kedua akan datang adakah dasar ini akan membantu mereka untuk menjadi seorang anak yang baik kepada ibu bapa, isteri yang hormat kepada suami mereka dalam masa 50 tahun yang akan datang sekiranya Kementerian Penerangan tidak melihat, tidak memfokuskan perkara ini untuk mengembalikan jati diri kita dan bagaimana kita perlu mengeksploitasi akan kemurnian dan akhlak budaya kita, budaya Melayu, tamadun Melayu. Tamadun Melayu bukan sedikit khazanah yang perlu boleh kita gali dan kita nilai semula. Sebagai contoh kita melihat tentang Kesultanan Melayu Melaka, Tamadun Cina.....

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Tadi, Yang Berhormat cadangkan TV kita ini, bila tunjuk drama, menunjukkan bila isteri marah tu, dengan cara halus, tak tengking. Saya nak tanya

sama ada TV ini harus menjadi sesuatu untuk mencerminkan keadaan realiti masyarakat ataupun satu propaganda, pertama. Kedua, apakah lelaki bila marah isteri, dicadangkan juga halus dan tidak tengking? *[Ketawa]*.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Sebenarnya Yang Berhormat bagi Kota Bharu, saya sudah mengatakan bahawa budaya Melayu ini kita membacanya dalam pembelajaran kita di sekolah atau pengalaman kita sebagai dalam masyarakat Melayu. Sebenarnya, kita terdidik dalam satu asas budaya yang berasaskan kepada pegangan agama yang kukuh. Ini yang saya maksudkan, yang perlu kita terjemahkan dalam bentuk penyiaran, dalam drama TV.

Sebagaimana yang dibuat, yang ditonjolkan oleh orang Jepun dan orang Korea. Budaya dan tamadun Melayu ini telah wujud. Kita baca tentang keagungan tamadun Melayu, tapi bagaimana kita menterjemahkan dalam karya kita. Bagaimana karyawan-karyawan kita, adakah mereka ingin mengembalikan tradisi ini dalam drama kita ataupun kita terikut-ikut dengan rentak yang lain. Saya rasa RTM tidak perlu berlumba dan bersaing dengan rangkaian TV yang ada ini. Astro, dan seumpamanya. Saya sudah banyak kali menyebut dan rakan-rakan daripada BN juga saya rasa bersetuju RTM perlu jadi seperti BBC yang menjaga nilai bahasa ketinggian, *queen english* dengan izin, yang digunakan oleh juruhebah mereka. Ini kita tidak perlu mengikut dan meniru cara orang lain.

Saya ingin mengungkapkan beberapa nama yang tersohor, Ramli Abu Bakar, juruhebah yang suaranya, sebagai contoh juru-juruhebah zaman 70'an, yang memiliki suara membaca berita ataupun mengendalikan rancangan radio pada waktu itu dengan nilai bahasa dan budaya yang begitu tinggi. Ini yang saya maksudkan, dengan kita melihat yang saya anggap sebagai juru-juruhebah yang kita tangkap muatkan dalam stesen-stesen radio yang lain yang tidak ada nilai-nilai bahasa dan ketinggian bahasa yang mereka gunakan.

Begitu juga dengan tamadun India dan Cina yang kita melihat, yang dipamerkan di dalam karya-karya mereka dan keagungan mereka. Ini yang mesti, pada saya yang kita terjemahkan dalam penyiaran negara kita supaya kita dapat membentuk, semakin lama kita merdeka, semakin lama kita hidup dalam negara ini, maka akan terjelmalah satu masyarakat Malaysia yang kita harapkan. Bukannya satu keadaan ataupun satu fenomena yang semakin tidak kondusif, yang semakin tajam semangat perkauman kita, yang semakin sempit pemikiran kita bila menterjemahkan tentang budaya dan juga

amalan agama yang lain. Ini yang saya rasa yang perlu kita ketengahkan dan saya mengharapkan satu kajian yang terperinci ini perlulah dibuat dan suatu peruntukan R&D ini perlu ditambah supaya saya mahu melihat RTM dapat menyumbang kepada pembinaan bangsa Malaysia yang berasaskan kepada satu nilai yang cemerlang pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan pengerusi: Jasin.

3.04 petang

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada kepala 02000 - Perkhidmatan Penyiaran dan Butiran 020100 - Perancangan dan 020200 - Kejuruteraan. Saya ucapkan tahniahlah kepada Menteri, walaupun pada masa-masa yang lepas, saya juga telah memberi pendapat dan kadangkadangkang Menteri pun panas.

Hari ini, nampak Alhamdulillah. Kita lihat bahawa, sejak RTM berwajah baru ini, banyak perubahan telah berlaku. Kepada RTM kita ucapkan tahniah! Hanya minta orang kampung ini, Tuan Pengerusi, orang kampung ini menyatakan bahawa kadangkadangkang kita dok bercakap Prime Time waktu Berita ini, jam 8.00. Tetapi jam 8.00, orang kampung kita, masih di surau, di masjid. Kita nak orang-orang kampung ni - televisyen ini, tempat orang kampung dapat berita.

Jadi kita minta supaya kementerian kaji balik, adakah benar Berita Nasional itu, jam 8.00 sesuai untuk kita menyampaikan mesej kepada rakyat kita. Kerana pukul 8.00 orang kampung kita masih duduk lagi di masjid dan di surau. Yang kedua, kita lihat pada hari ini, masih lagi rancangan-ancangan di luar negara yang kita bawa di peti-peti televisyen kita yang dapat mempengaruhi kehidupan bangsa kita. Masih banyak lagi. Kita berharap pada masa akan datang, RTM lebih menumpukan kepada rancangan-rancangan tempatan supaya bersesuaian menceritakan berkenaan dengan keadaan kita.

Pada hari ini, kerajaan banyak kita punya rancangan. Dan saya harap RTM dapat sambut, kita kena kembalikan balik, rancangan tahun 80an dulu macam 'Kebun Pak Awang' kerana kita hendakkan pertanian ini balik sebagai *third growth of economy*. Rancangan-rancangan macam ini untuk menarik minat golongan muda, golongan mahasiswa yang menganggur supaya mencebur dalam bidang pertanian ini dan RTM

menjalankan cerita dan drama bagaimana usahawan-usahawan tani, anak-anak muda ini boleh berjaya dengan mengerjakan ladang-ladang.

Saya ucapkan ribuan terima kasih juga kepada RTM. Hari ini, sidang Parlimen kita yang dipancarkan pada pukul 11.00 mendapat sambutan luar biasa daripada masyarakat luar bandar. Muka saya ini Tuan Pengerusi, terima kasihlah, sudah jadi macam Mawi pula! Pergi mana-mana, sudah tak tentu arah pula. Orang kata, ni, ni, ni, Yang Berhormat ni yang dok bercakap dalam Televisyen ini. Saya dapat tahu di kampung-kampung, pada hari ini, sehinggakan di kedai-kedai kopi, orang-orang kita di kampung kalau biasa tengok wrestling, tepat pukul 11.00, dia akan tukar Sidang Parlimen, dia nak ambil tahu. Ini menunjukkan bahawa rakyat kita pada hari ini, amat prihatin dengan apa yang berlaku di dalam negara, lebih-lebih lagi pada hari ini sidang Parlimen kita. Oleh itu, kalau dapat, Menteri tambahlah lagi masa sedikit, daripada setengah jam pergi kepada 45 minit, kalau tak boleh sejam.

Yang kedua, Butiran 020200 - Kejuruteraan. Kita dah tengok RTM hari ini, dah cantik dah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Padang Terap.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: Tak ada masalah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin telah banyak memuji RTM dalam banyak hal menyiarkan program-program untuk tayangan rakyat di semua peringkat. Apahal Yang Berhormat bagi Jasin dengan TV3? Adakah Yang Berhormat bagi Jasin boleh mencadangkan supaya Kementerian Penerangan diberi kuasa, hak untuk memantau program-program yang disiarkan oleh TV3. Kerana JAKIM dah ada dah sama ada di Parlimen, semua ada. Bolehkah itu kita cadangkan supaya Kementerian Penerangan memantau segala program yang disiarkan oleh TV3.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: Terima kasih sahabat saya, yang bijaksana. Bukan sahaja TV3, kalau boleh Kementerian Penerangan bertanggungjawab kepada semua sekali! Semua sekali, bukan kata TV3, Astro, sekali ada alat penyiaran dalam negara ini, mesti duduk bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan.

Kita berbalik kepada 02000 tentang Kejuruteraan, Tuan Pengerusi. Kerana kita lihat, apabila RTM dah molek ni, dah cantik dan orang pun dapat perhatian, kita minta Menteri ambil berat sikit tentang peralatan RTM. Saya tengok, pergi luar negeri, ikut

Menteri, TV swasta yang lain, kamera dia kecil-kecil, ringan sahaja. RTM kita memikul bukan main beratnya, Yang Berhormat Menteri. Bukan main berat dia memikul.

Jadi, kita minta supaya peralatan-peralatan yang sudah lama itu ditukarkan kepada yang lebih canggih. Kadang-kadang dia jemput kita dalam pusat media di bangunan Parlimen ini, nak kena *test mic* lah. *Wire* berterabur. Sekarang kita *we are living in the wireless world* dengan izin. Jadi, peralatan ini kita mintalah supaya RTM menyediakan peralatan lebih canggih supaya kakitangan RTM dapat membuat kerja dengan lebih baik.

Begitu juga dengan kereta RTM. Baru-baru ini di Melaka kita ada satu majlis, nak menunggu krew datang ke Melaka, dia kata dia berlepas pukul 9 pagi tetapi sampai pukul 11 malam pun tak sampai kerana kereta dia rosak, tiga kali di tengah jalan. Jadi, bagaimana RTM nak buat liputan sehebat TV3 kalau kenderaan dia masih kenderaan lama, yang mana kakitangannya tidak sempat pada peristiwa yang berlaku di satu-satu kawasan. Itu sahaja, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

3.10 petang.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada 020000 - Perkhidmatan Penyiaran - Rancangan dan Kejuruteraan. Pada awal tahun ini tadi saya ada menyebut di Dewan yang mulia ini iaitu rancangan bahasa Iban di Sarawak, lebih-lebih lagi di Sri Aman sudah ditukar jadualnya dan saya diberitahu ini adalah kerana mesin-mesin yang digunakan, yang saya pun tidak tahu kerana saya bukan orang penyiaran tetapi saya diberitahu oleh jurutera di sana, alat-alat yang digunakan sudah ketinggalan masa dan apabila diperbaharui yang baru itu diberi kepada rancangan yang untuk bahasa yang lain, jadi yang sisa-sisanya diberikan untuk mengendalikan rancangan bahasa Iban.

Saya juga telah berbincang dengan Setiausaha Parlimen, beliau juga telah berjanji untuk membawa perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri kita dan sekarang Yang Berhormat Menteri ada di sini dan saya haraplah beliau mendengar rintihan saya ini. Oleh sebab Tuan Pengerusi, di Sarawak, di rumah panjang itu tidak ada surat khabar, tidak ada *New Straits Times*, tidak ada *Star*, tidak ada apa-apa, jadi satu sahaja cara orang di rumah panjang, orang di pedalaman mendapat maklumat ataupun berita ataupun cerita, iaitu melalui radio. Ramai mempunyai TV, yang ada ASTRO mungkin satu dalam seribu. Itu pun tidak dapat dimainkan begitu lama oleh sebab tidak ada

bekalan elektrik, mereka menggunakan generator. Jadi, hanya satu sahaja cara mendapat maklumat, berita, cerita dan perkembangan di sini sana.

Oleh kerana itu saya merayu supaya kalaulah jentera yang buruk, tolonglah jangan beri kepada perkhidmatan bahasa Iban dan saya harap, *prime time* untuk orang Iban di rumah panjang adalah dari pukul 6 hingga pukul 10. Lepas pukul 10 mereka tidur, oleh sebab terlalu letih selepas bekerja di ladang, di kebun, di sawah mereka sepanjang hari. Yang pertama.

Yang kedua, saya juga minta rancangan bahasa Iban ini, tolong campurkan juga yang lama dan yang baru. Pada tahun 50an, 60an saya nampak bahagian bahasa Iban ini cukup profesional oleh sebab dari masa ke semasa *technician-technician*, juruhebah-juruhebah dan orang yang membuat polisi dihantar berkursus dari masa ke semasa. Dan ramai juga yang dihantar berkursus ke BBC di London tapi saya rasa budaya ini sekarang tidak ada lagi - budaya berkursus melihat macam mana radio stesen di negara lain merancang dalam isu penyiaran. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri akan menentukan orang yang menjaga radio stesen kita diberi kursus. kerana kadang-kadang saya merasa malu mendengar apa yang disebut di radio stesen. Ini kerana sebarang saja yang disebut, tidak profesional. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

3.15 petang.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian di bawah Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran dengan memberi fokus kepada aktiviti rancangan dan latihan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Penerangan kerana telah membuat penjenamaan kepada produk-produk daripada RTM ini sendiri untuk memberi satu daya saing kepada siaran-siaran seperti Mega TV. Er....Mega TV sudah pupus kerana gagal untuk *risk contract* atau membina keghairahan penonton untuk menontonnya tapi sekarang ini ada pula MITV dan juga ASTRO yang rancangannya cukup menarik minat, demikian juga dengan TV3.

Jadi, dalam proses penjenamaan ini bagus tapi apakah rancangan-rancangan konkrit yang ada di pihak kementerian untuk membina upaya *staf* penyiaran itu sendiri, dari segi profesionalismenya, supaya penjenamaan itu tidak hanya berupa *one off* aktiviti tetapi adalah merupakan sesuatu yang *constant* dan yang berterusan. Jangan gusar sekiranya *staf-staf* RTM ini dibeli ataupun bekerja, beralih tugas kepada syarikat-syarikat lain tetapi kita harus rasa gembira kerana daripada produk RTM ini kita telah

dapat melahirkan pegawai-pegawai ataupun sumber tenaga manusia yang baik, yang laku di pasaran.

Jadi, jangan lupa dengan usaha-usaha peningkatan profesionalisme, dengan kursus-kursus dalaman yang harus diberikan. Dan satu perkara lagi yang saya ingin tarik perhatian ialah tentang perjawatan warga kerja di jabatan di Kementerian Penyiaran kini. Saya nak tahu kalau boleh dijelaskan berapa ramai warga kerja ini adalah dalam kontrak berbanding dengan yang bekerja sepenuh masa? Jadi, kadang-kadang kalau sekiranya mereka terlalu ramai yang bersifat kontrak itu, maka mereka rasa gusar juga, mungkin satu ketika mereka akan terpaksa berpindah, terpaksa diberhentikan. Jadi, ini juga harus diberi *security, sense of security*, dengan izin, rasa selamat dalam perjawatan mereka.

Kementerian Penerangan di sini, saya kira mempunyai tiga fungsi yang utama dari segi mendidik, melapur maklumat dan juga menghibur. Dalam konteks 3M ini, kementerian ini harus waspada sebab kata kunci yang penting dari segi tugas utama kementerian ialah membina acuan masyarakat dan bangsa kita. Jangan terlalu banyak menghibur tapi lupa tentang membentuk pendidikan, membentuk *world view*, para penonton di Malaysia ini. Sebab ini adalah merupakan yang penting seperti mana yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan sebelumnya itu, kalau sekiranya terlalu banyak dengan hiburan-hiburan, itulah yang telah disebut oleh Profesor Ungku Aziz menyatakan bahawa remaja kita sekarang ini sedang menghadapi satu kekeliruan imej fantasi sedang dalam konteks dalam ketika mereka sedang mencari identiti diri mereka sendiri.

Kerana terlalu banyak sangat dengan rancangan-rancangan hiburan itu, kadang-kadang mereka ini tertawan, kalau menurut Profesor Ungku Aziz, tertawan dengan imej fantasi dan *hedonistic*. Ini boleh membawa kesan-kesan yang berbahaya. Di dalam konteks ini, perlu dilembutkan, diberi juga acuan mendidik, melapur maklumat-maklumat untuk kita membina satu generasi global, *global strength with local knowledge*, dengan izin, ertinya kekuatan-kekuatan dari segi global dalam masa yang sama juga dari segi ilmu-ilmu tempatan itu harus dipugarkan.

Maka dalam konteks ini, kita harus benar-benar dapat menapis informasi, maklumat-maklumat yang diberi itu kalau banyak sangat yang bersifat sampah sarap maka kesannya juga dalam pembinaan, *world view*, generasi muda juga akan bersifat sampah sarap. Itu di mana istilah yang sering digunakan GIGO "*garbage in, garbage out.*"

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya berpendapat bahawa kementerian kita ini dalam satu dilema yang sangat besar, dalam konteks kita nak mengurangkan budaya hedonism ini, budaya hiburan kerana RTM bersaing dengan TV3, ASTRO, MITV dan seumpamanya yang begitu banyak sekali memaparkan hiburan-hiburan ini. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tentang perkara ini? Apakah Jawatankuasa Penapis itu, yang kita difahamkan bahawa ada kerjasama antara empat kementerian itu harus diperkasakan ataupun maknanya diperketat atau seumpamanya bagi mengelakkan bahawa nampak gaya kita ini nak menyalahkan RTM sahaja semata-mata, padahal budaya yang lain itu yang sebenarnya nampak begitu terserlah. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, saya amat setuju sebab sekarang kuasa menentukan agenda dan bentuk media kita ini bukan terletak di tangan menteri kita yang hadir pada petang ini tetapi kepada seorang menteri yang lain, kadang-kadang *world view* yang dimiliki oleh Menteri Penyiaran dengan tanggungjawabnya membina acuan ini adalah berbeza dengan *world view* yang dimiliki oleh menteri yang lain pula itu. Maka dalam konteks ini permuafakatan, rundingan, runding cara, pertemuan, perbincangan dari hati ke hati untuk kita membentuk acuan manusia Malaysia ini harus senantiasa diadakan. Saya juga ingin menyentuh di sini dalam usaha penjenamaan semula (*rebranding*) ini supaya ada satu standard piawaian ataupun standard kualiti RTM ini perlu diwujudkan supaya kita senantiasa dapat mengukur sejauh manakah *benchmark*, dengan izin setakat manakah kita telah mencapai kualiti itu.

Sebab dalam dunia sekarang yang paling penting ialah penonton-penonton ataupun pengguna-pengguna amat mementingkan sekali kepada kualiti sesuatu produk dan perkhidmatan. Oleh hal demikian, saya ingin mencadangkan supaya satu piawaian standard kualiti RTM ini diwujudkan, kalau sudah diwujudkan disemak selalu, bukan sahaja semak selalu, pastikannya ianya terlaksana dari segi *exclusion cohesion* itu senantiasa ada.

Akhir sekali saya ingin taruk perhatian berhubung dengan pemastian kualiti ini juga supaya dalam persaingan ini jangan hanya kita menekankan, mengutamakan dari segi komersialisme sahaja. Terlalu banyak iklan-iklan kadang-kadang boleh menimbulkan kebosanan, tetapi dalam masa yang sama juga imbangkan komersialisme

ini dengan agenda negara kita dengan acuan yang hendak kita bina dengan konsep bina manusia itu sendiri, sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

3.22 ptg

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam hal Butiran 030400 - Penerbitan Dasar Negara. Saya hanya ada dua perkara yang saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang ada bersama-sama kita petang ini. Pertama, RTM perlu pada masa ini mengambil peranan yang lebih aktif mengutarakan pemikiran dan prinsip dan dasar yang telah diaturkan, yang telah diterjemahkan, yang telah dikupaskan oleh Perdana Menteri kita sendiri, khususnya mengenai perkara-perkara yang disebut menentang rasuah, *transparency*, budaya ilmu. Ini perkara-perkara yang baru kita dengar dalam setahun dua ini, dan walaupun dari segi dari segi retoriknya biasa kita dengar, hari-hari kita dengar dalam akhbar, dalam TV komersial dalam ucapan ahli-ahli Parlimen, ucapan menteri sendiri. Tetapi dari segi *substance* nya, dari segi cara proses untuk mencapai matlamat Perdana Menteri kita, memerlukan satu fokus yang serius yang mungkin mengambil pendekatan-pendekatan yang mungkin liberal sedikit daripada yang lama. Mungkin yang lebih *radical* sedikit daripada yang lama kerana ini adalah pendekatan baru.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: [Ketawa] Silakan.

Tuan Jimmy Donald: Saya bersetuju sangat dengan apa yang disarankan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Lebih-lebih lagi di Sarawak, kita memerlukan siaran dan juga pelapor ataupun *reporter* dari RTM yang patut mengekori ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional ataupun dari menteri. Tetapi mereka kadang-kadang merasa keberatan dan tidak dapat membuat liputan oleh kerana kata mereka TNT tidak ada, TNT tidak cukup. Setujukah Yang Berhormat kalau kita minta lebih lagi pegawai dari RTM mengikut kita pergi supaya turun ke padang supaya apa yang kita sarankan, sebutkan nasihat kita dapat disiarkan melalui TV, macam mana kalau kita minta pertambahan di TNT.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya bersetujulah kalau televisyen ikut Yang Berhormat-Yang Berhormat ini, terutamanya

apabila ada sesuatu yang penting bukan semata-mata untuk mengikuti mereka dan jika perlu ditambah pegawainya maka saya rasa menteri akan menjalankan perkara itu.

Saya ingin berbalik kepada soal dasar dan konsep dan falsafah Perdana Menteri kita ini. Ia memerlukan satu keberanian untuk menjangkau ataupun melakukan sesuatu yang baru. Misalnya kalau kita cakap mengenai *transparency*, keterbukaan *empowerment*. Ini konsep baru, *empowerment* kita percaya bahawa orang di bawah kita ada kemampuan untuk membuat keputusan dan seterusnya, ini konsep baru. Maka, perlulah RTM kalau tidak yang lain mengambil sikap berani ini membawa, mempamerkan sesuatu yang baru kerana perkara yang baru ini memakan masa untuk orang memahaminya. Dalam Dewan ini kita dengar kadang-kadang kita terpaksa meyakinkan orang lain bahawa seluruh jentera kerajaan menyokong dasar Perdana Menteri.

Mengapa perlu kita beri *assurance* ini, bukankah sepatutnya menjadi sesuatu yang *obvious*, tetapi pertanyaan ini dikemukakan kerana tidak *obvious*. Tidak *obvious* dari segi akhbar, dari segi media elektroniknya, dari segi kenyataan-kenyataan pihak-pihak tertentu. Jadi saya mencadangkan kepada RTM dan khususnya kepada seluruh mekanik atau jentera RTM mengambil pendekatan ini, meneliti apakah yang perlu dilaksanakan. Kalau *knowledge driven* program yang perlu dilaksanakan, maka kita perlu perbanyakkan dokumentari yang mementingkan kebenaran, bukan propaganda, bukan *slapstick*, bukan acuan-acuan *artificial* yang belum lagi kita buktikan.

Kita perlu menambahkan program-program yang meningkatkan daya saing kita, ilmu kita. Kalau kita mahu rakyat kita lebih kritis, lebih kritikal, maka kita perlu mempamerkan program-program yang menanamkan semangat ini. Saya percaya program Perdana Menteri ini bukan mudah dilaksanakan dalam satu masa yang singkat, tetapi perlulah RTM mengambil *the first step*, Datuk Zainudin bin Maidin, beranikan diri. Walaupun saya tahu ada program tertentu dan ada kalanya di masa-masa yang lampau bila ada agenda-agenda yang tertentu kita berani mengemukakan sesuatu pendekatan yang baru.

Saya masih ingat pada satu masa apabila masyarakat Melayu dan Malaysia ingin memikirkan bagaimanakah kuasa Raja-raja Melayu ini harus kita atur dengan baik, supaya ia mempertahankan isu kesultanan dan isu Raja, tetapi, dalam masa yang sama mempertahankan konsep demokrasi. Itu juga satu perkara yang baru pada masa itu,

menyoal, memikir kembali pendekatan *immunity* Raja-raja Melayu, itu perkara baru. Tetapi kita lihat pada masa itu, Timbalan Menteri kita Datuk Zainudin Maidin begitu berani. Saya masih ingat perkara ini.

Ada kalanya dalam pembangunan masyarakat kita, kita perlu berani dan masanya sekarang ialah masa ketulusan, masa kita perlu berani berterus terang, kerana kita kritikal kerana *knowledge* ekonomi yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita. Universiti-universiti kita perlu kita perkuatkan dengan polisi, barulah canselor kita lebih berani, dekan kita lebih berani, pelajar kita lebih berani.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi kota Bharu. Ini cakap fasal berani ini. Saya tersentuh dari segi pimpinan kita sebenarnya mempunyai dasar yang baik dan dalam pelaksanaan pun baik, tetapi masalah kita ialah *delivery system* di peringkat bawah. Apakah kementerian ini harus berani kalau mengenal pasti bahawa pegawai di bawah itu setelah bertahun-tahun tidak *deliver*, tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara berkesan untuk membuang mereka, gantikan mereka dengan siswazah menganggur yang begitu ramai, apa pandangan Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Saya amat bersetuju sekali, misalnya *red tape*, berapa kalikah kita dengar Perdana Menteri kata "*no red tape, no bureaucracy*," tetapi kita masih ada masalah itu dan kalau RTM boleh tumpukan mungkin kalau *instead of 7 series* drama orang kahwin orang bercerai orang bercinta mungkin *7 series on red tape and bureaucracy* dalam negara kita. Inilah cara kita membantu mengatasi perkara ini. Begitu juga yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi, jika itulah sesuatu yang jelas, puncanya jelas tetapi memerlukan keberanian untuk membuat pertukaran sama ada dari segi pegawai ataupun dari segi dasar, dari segi *general orders* ke apa maka kita perlu menimbulkan satu budaya baru dalam kerajaan untuk meneliti *to be self-critical*.

Bukan sahaja kita Ahli Parlimen, tetapi juga dari segi pegawai-pegawai kerajaan sendiri dan saya rasa RTM adalah satu-satunya media yang sanggup dan mampu. Kita tidak boleh mengharapkan komersial *station* untuk melaksanakan dasar-dasar negara ini. Dia hanya memikirkan *bottom line*, lesen, *recorder* berapa, *second recorder* berapa, itu yang difikirkan. Hanya RTM yang ada kemampuan untuk mengorak langkah baru dari segi *programmingnya*, dari segi segala-galanya. Perkara yang terakhir dan dengan ringkas Tuan Pengerusi ialah dari segi apa yang disebut tadi oleh salah seorang Ahli

Yang Berhormat, kita tahu *Multimedia Commission Act* juga memberi kuasa di bawah akta itu kepada orang lain selain dari Menteri Penerangan.

Mengenai hal-hal *content*, hal-hal lain dan sebagainya. Dan juga kita ada masalah saya rasa dari segi menentukan koordinasi di antara multimedia ini, dia bertanggungjawab kepada menteri yang lain. Saya rasa *overlap* ini ataupun *disparity* ataupun masalah ini perlu kita atasi. Saya rasa lebih baik satu penyelesaian dicari dalam hal ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ramai lagi ya. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cuma perkara yang telah bangkit, saya harap tidak payah ulang supaya dapat Menteri jawab.

Puan Chong Eng: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 0200000 - Perkhidmatan Penyiaran. Saya ingin mencadangkan bahawa kementerian menggunakan TV1 dan TV2 sebagai media untuk menyampaikan lebih banyak maklumat dan juga isu-isu semasa kepada mereka yang kurang membaca surat khabar. Umpamanya suri rumah tangga mereka selalunya tidak ada masa ataupun mereka tidak mampu membaca tetapi kalau tonton TV mereka boleh. Jadi saya rasa suri rumah tangga hari ini pun menghadapi banyak cabaran seperti keganasan rumah tangga. Kalau rancangan TV1 dan TV2 dapat menyiarkan, apakah itu keganasan dan apakah hak mereka. Saya rasa itu adalah sangat berfaedah kepada kaum wanita dan juga untuk menyebarkan maklumat mengenai *gender equality*, kesaksamaan *gender*. Seperti penyakit-penyakit *autism* dan penyakit *down's syndrome*. Banyak keluarga kalau menghadapi masalah ataupun mempunyai anak yang menghidap penyakit seperti ini, mereka susah hendak mendapat maklumat khasnya mereka yang di luar bandar.

Jadi saya rasa TV1 dan TV2 boleh memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan maklumat-maklumat seperti ini dan saya berasa dia boleh memainkan peranan sebagai satu *agent of social change* iaitu apakah kekurangan sekarang dan apakah sikap kita hendak mengubah sekarang? Kalau boleh melalui televisyen seperti kita hendak menggalak kurang bergantung kepada subsidi. Jadi kita haruslah, saya rasa kita haruslah membuat dokumen mengenai *success story* dan

mereka yang telah berjaya melalui kegigihan diri sendiri bagaimana mereka berjaya. Saya rasa ada banyak *story* penduduk kita sendiri seperti ada peniaga-peniaga kecil yang 30 tahun dahulu bermula dengan 300 ringgit sekarang perniagaannya sudah menjadi 300,000 ringgit. Apakah proses yang dia lalui? Jadi saya rasa ini boleh memberi contoh kepada orang yang lain.

Saya sangat setuju dengan apa yang dikatakan oleh Kota Bharu, kita perlu banyak dokumentasi, buat *our own documentation*. Kita ada rumah terbuka perayaan yang besar-besaran itu membelanjakan wang yang sangat besar. *Open house during Deepavali* dan Hari Raya, itu adalah baik dan saya tidak katakan tidak baik tetapi itu sekali sahaja belanja dan habis. Tetapi kalau kita buat dokumentari dia boleh disiarkan berulang-ulang dan dia boleh jual sebagai produk, boleh dijual. Jadi saya rasa lebih berhasil kalau kita membelanjakan wang untuk membuat dokumentasi seperti ke atas budaya pelbagai bangsa di dalam negara ini dan dia juga boleh digunakan sebagai alat pengajaran untuk memupuk persefahaman dan juga pendidikan.

Yang kedua, saya ingin juga menyokong supaya lebih banyak prosiding di dalam Dewan ini disiarkan melalui TV seperti mungkin kita boleh bermula dengan sesi soal jawab, satu jam dan satu hari untuk disiarkan melalui televisyen, untuk memulakan dengan satu jam bukan semua prosiding. Ini adalah untuk kita memberitahu rakyat di luar sana, apakah tugas Yang Berhormat ini, tugas mereka dan apa mereka buat. Pada hari ini ramai yang tidak faham dan mereka memandang Ahli Yang Berhormat di Parlimen seolah-olah tidak buat apa-apa. Mereka tidak tahu, apa yang diucapkan ataupun mereka lihat hanya ada masalah kekurangan kewangan minta bantuan barulah jumpa ahli.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagus jugalah tetapi masa gaduh jangan tunjuklah!

Puan Chong Eng: Tunjuk juga supaya mungkin kurang gaduh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah.

Puan Chong Eng: Kalau tidak mahu atau segan ditengok dan ini akan kurangkan gaduh, orang semua tengok di mana semua Ahli Parlimen dan juga menteri akan lebih *behave*. Jadi saya rasa ini adalah satu kebaikan juga. Saya rasa kita katakan sekarang banyak masalah mengenai hak asasi manusia dicabuli. Kalau kita boleh menunjukkan melalui televisyen juga memberitahu seperti wanita, apakah hak

mereka apabila mereka ditahan oleh polis, apakah polis-polis suruh mereka buat, apakah yang tidak suruh mereka buat.

Jadi ini adalah untuk mencegah apa-apa penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis dan juga dapat melindungi rakyat kita. Ini adalah proaktif *action* dan bukan selepas sudah berlaku penyalahgunaan barulah kita cari jalan bagaimana untuk mengatasinya. Jadi saya rasa ada banyak yang boleh dibuat oleh TV1 dan TV2, dia boleh berbeza dengan AEC, dengan Astro dan lain-lain, tetapi ada banyak yang dia boleh buat dan saya ingin meminta supaya lebih banyak program dalam isu-isu semasa sebagai *talk show* di dalam bahasa Mandarin, khasnya subjek-subjek untuk wanita seperti Wanita Hari Ini, kalau boleh buatlah *version* dalam bahasa Mandarin, dalam Tamil kerana memang ada ramai Chinese dan India mereka kurang fasih dalam bahasa Melayu seperti ibu saya, dia tidak pernah pergi sekolah, dia tidak ada peluang pergi ke sekolah. Banyak senior *citizen* mereka memang pada era mereka...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, minta maaf kalau hendak ikut apa yang dicadangkan saya ingat 24 jam sehari tidak cukup.

Puan Chong Eng: Kalau 24 jam tidak cukup bolehlah kita *priorities*, pilihlah apa yang lebih penting supaya kita boleh buat TV1 dan TV2 lebih *special* dan boleh bersaing dengan AEC seperti apa yang program dalam AEC, [*bercakap dalam bahasa Mandarin*] iaitu *talk show on current issue*, mengenai isu-isu masyarakat Cina.

Saya rasa TV2 pun boleh buat juga. Saya rasa TV2 juga boleh buat seperti 'WAFm' apakah yang *talk show* topik yang dia hendak cakap itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Puan Chong Eng:supaya dia.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:boleh gulung.

Puan Chong Eng:yang berkenaan dengan isu-isu yang masyarakat hendak tahu. Saya menyeru supaya kita juga lebih banyak program *news*. Saya rasa sekarang berita dalam bahasa Mandarin sangat kurang. Saya hendak mencadangkan supaya setiap pagi seperti *news in 6 o'clock*. Dia boleh beritahu saya dalam 20 minit atau 30 minit semua tajuk-tajuk berita yang penting dalam semua surat khabar supaya dia cepatkan masa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat. Masa cukup.

Puan Chong Eng:ramai orang. Tengok ini, Tuan Pengerusi pun selalu tidak cukup masa. Kalau boleh ada program ini saya rasa dia.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng:juga akan suka.juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:kalau saya hendak benarkan Yang Berhormat satu orang berucap, yang lain tidak payah berucap.

Puan Chong Eng: Saya tahu. Saya hanya kata Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, itu saya setuju.

Puan Chong Eng:juga suka program macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa tidak cukup.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau, sila

3.41 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin terus pergi kepada Kepala Perkhidmatan Penyiaran Perancangan dan juga Pengkorporatan RTM. Saya hendak cadangkan kepada kementerian, memandangkan sekarang ini banyak dasar-dasar kerajaan yang baru yang masih lagi belum sampai ke peringkat ke bawah, saya mencadangkan supaya Kementerian Penerangan melalui agensinya khususnya RTM dan Radio serta Filem Negara mempelopori gerakan untuk memberikan kesedaran, kefahaman kepada rakyat apa yang dikatakan misalnya contohnya *world class mentality* seperti yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat pucuk pimpinan kita.

Perkara ini penting sebab kita sedia maklum kita sekarang ini telah mempunyai *world class facility* tapi dari segi mentaliti itu macam mana. Macam mana budaya menjaga kebersihan? Sekarang ini kita ada kempen kebersihan tandas tapi tidak begitu berjaya. Bagaimana misalnya menjaga kemudahan awam. Kita dapati banyak telefon dan sebagainya dirosakkan. Bagaimana misalnya budaya berbudi bahasa di jalan raya.

Saya mencadangkan supaya RTM menerbitkan dan juga Filem Negara video klip dan juga mengadakan program-program khas, forum dan sebagainya dan iklan bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, dan kementerian-kementerian lain supaya usaha untuk mewujudkan *world class mentality* ini dapat mencapai matlamatnya dengan cara mungkin dikenal pasti siapa kumpulan sasarannya, apakah yang dikatakan *world class mentality* tadi,

bagaimana untuk mencapainya. Saya yakin kalau gerakan ini dibuat secara besar-besaran, secara tersusun, secara profesional, hasrat pucuk pimpinan negara untuk mewujudkan masyarakat yang mempunyai *world class mentality* ini akan dapat dicapai.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh tentang pengkorporatan RTM. Perkara ini saya difahamkan telah lama dan saya ingat lebih 10 tahun tetapi bagaimana kedudukan sekarang tambahan pula sudah diperuntukkan RM60 juta. Tahun depan RM14.5 juta. Bagaimana kedudukan perkara ini sebab saya yakin kalau RTM dikorporatkan banyak perubahan boleh dibuat. Mungkin faedah-faedah gaji, faedah pinggiran lebih baik boleh diadakan untuk kakitangan yang bertugas dan dalam masa yang sama boleh ditarik tenaga-tenaga baru yang lebih profesional dan dalam masa yang sama hasil-hasil iklan RTM, hasil-hasil pungutan RTM itu boleh digunakan semula tanpa perlu dihantar kepada *Treasury* dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Wah! Makin tambah lagi. Masa semakin lama lagi ramai. Yang Berhormat, saya terpaksa turunkan masa kepada lima minit. Jadi Yang Berhormat Kuala Selangor, sila.

3.44 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 Jabatan Penerangan dan juga 060000. Begitu juga dengan Butiran 050000 dan 060900 Jabatan Hal Ehwal Khas serta saya menyentuh sedikit soal RTM.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah bekerja kuat untuk memartabatkan semula RTM dan apa yang telah dibangkitkan oleh sahabat-sahabat saya daripada Ahli Parlimen yang lain tadi mungkin jalan keluarnya bagi memastikan apa yang dicita-citakan oleh Yang Berhormat Menteri tercapai bagi memperkasakan RTM ialah dengan mengkorporatkan RTM itu sendiri. Di mana dari segi soal kakitangan, soal kewangan mungkin dapat menguatkan lagi dan memastikan segala rancangan yang diatur oleh RTM dapat dilaksanakan secara berkesan.

Cuma saya hendak tahu apa pendirian Yang Berhormat Menteri hari ini sebab berdasarkan pengalaman saya di Angkasapuri satu ketika dahulu, dua orang bekas Menteri Penerangan memperjuangkan soal mengkorporatkan RTM ini tapi sudah hampir

10 lebih tidak nampak gambaran yang jelas. Tetapi daripada buku bajet ini nampak seolah-olah RTM ini sudah dikorporatkan dengan memperuntukkan kewangan yang agak banyak bagi tahun 2006 RM14.5 juta. Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kedudukan semasa pengkorporatan RTM dan apakah perkara yang akan dibelanjakan dengan jumlah kewangan yang diperuntukkan untuk tahun depan.

Yang keduanya, satu cara lagi mungkin dengan mengembalikan Akta Penyiaran yang hari ini diselaraskan oleh kementerian yang lain. Saya mungkin faham Yang Berhormat Menteri agak kecewa apabila kerajaan atau kabinet menolak rancangan untuk mengembalikan Akta Penyiaran bagi mengatasi kemelut yang berlaku. Tapi perjuangan kita hari ini belum selesai dan saya yakin dan percaya bahawa RTM sebagai sebuah badan unggul yang bertanggungjawab untuk memastikan segala dasar dan rancangan kerajaan dapat sampai ke akar umbi dan diterima oleh rakyat, kita seharusnya memberikan sokongan yang baik.

Yang ketiga, saya hendak sentuh soal berita Perdana RTM1. TV3 waktu yang sama Buletin Utama begitu juga dengan NTV7. Oleh kerana RTM merupakan saluran kerajaan semua orang hendak tengok, hendak dengar apa yang hendak disampaikan oleh kerajaan. Boleh tidak kalau dapat Tv3 dan saluran yang lain jangan membaca berita pada jam 8. Mungkin 8.30 lewat daripada saluran kerajaan. Ini cadangan saya.

Di samping itu, saya juga mencadangkan kepada RTM supaya RTM turun padang untuk buat liputan kepada apa yang dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bukan sahaja untuk *cover* Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan sebagainya tapi seperti program yang baik Bersamamu TV3. Tetapi itu bersama rakyat. Tapi kali ini bersama Wakil Rakyat. Saya yakin dan percaya bahawa kerajaan kita akan lebih kuat dengan menunjukkan bahawa Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil rakyat hari ini bekerja kuat untuk mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Ini penting. Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan soal Jabatan Penerangan. Saya ambil contoh Jabatan Penerangan hari ini kehilangan arah tuju. Mungkin selepas ini Yang Berhormat Menteri akan memberikan tumpuan untuk memperkasakan Kementerian Penerangan pula yang melibatkan Jabatan Penerangan dan juga Jabatan Hal Ehwal Khas yang hari ini kedua-dua jabatan agak terpisah. Masing-masing bawa diri.

Umpamanya di Kuala Selangor Jabatan Penerangan, pejabatnya menyewa di bangunan kedai. Jabatan Hal Ehwal Khas di tempat yang lain sedangkan imej Kementerian Penerangan atau Jabatan Penerangan sebagai jabatan yang cukup penting kita mesti ada bangunan sendiri dan satu ketika dahulu kerajaan menyiapkan tapak untuk pejabat Jabatan Penerangan di Bandar Baru Kuala Selangor. Tapi oleh kerana kementerian tidak bayar premium, hangus. Jadi kalau boleh perkara ini dapat dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa cukup

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: RM226 ribu tidak memadai untuk membina pejabat ini, dan yang akhir Tuan Pengerusi, minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Yang akhir, Jabatan Hal Ehwal Khas merupakan sebuah agensi yang cukup penting untuk memperkasakan kerajaan dan juga parti tetapi hari ini kecenderungan Jabatan Hal Ehwal Khas lebih kepada seperti Yang Berhormat Ahli Parlimen Serdang tadi sebut seolah-olah mereka ini bekerja kepada Ahli Dewan Undangan Negeri atau bekerja kepada Ketua Bahagian, atau bekerja kepada Ketua Wanita. Ini perkara yang harus dipantau kerana ia boleh terdedah kepada pelbagai penyelewengan, satu dari segi laporan, kedua dari segi pelaksanaan program yang melibatkan peruntukan. Ambil contoh baru-baru ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Oleh kerana.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Saya hendak menyokong cadangan Yang Berhormat bagi Serdang supaya setiap kawasan Parlimen diberikan Pegawai Jabatan Hal Ehwal Khas untuk membantu menerangkan dasar-dasar kerajaan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

3.51 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, yang pertama saya mahu menyokong apa dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menyeru Yang Berhormat Menteri untuk kaji semula supaya boleh mengadakan *live telecast* untuk Parlimen.

Oleh kerana kalau ada *live telecast* mungkin peristiwa-peristiwa sebagai *monkey business* boleh dikurangkan. Kita tidak mahu *monkey business* berlaku oleh kerana menjatuhkan maruah Parlimen di Dewan yang mulia ini. Kedua, apabila *monkey business* berlaku, RTM ada menyiarkan berita bahawa saya ada merosakkan nama baik negara, bagaimana kita boleh dapat pembedahan? Apa *remedy* yang ada supaya apa tidak betul boleh dibetulkan. Bolehkah saya dapat tengok apa yang tidak benar boleh dilihat dan satu *correction* boleh dibuat.

Puan Chong Eng: Saya sokong.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi di sini saya mahu memuji Yang Berhormat Menteri dalam masa dua tahun sebagai menteri bahawa adalah satu dasar dan satu pendekatan yang lebih terbuka (*open*) di mana perbahasan diadakan, siri perbahasan perdana dan ini sangat baik selaras dengan satu masyarakat yang berilmu yang *information based* tetapi tidak cukup masa lebih luas.

Oleh kerana kita sudah dua, tiga dekad di beku dalam fikiran masyarakat orang ramai dan saya harap bahawa proses ini boleh dipercepatkan dan sungguhpun saya puji tetapi *baby step*, kita mahu *giant step*, and *elephantine progress*. Di sini lagi ada mengenai Bernama dalam masa *information era*, kita harap tengok Bernama boleh buat satu contoh kepada semua *mass media* mengenai *free press - free and responsible press*. Apabila kita kata bahawa *free press* kita tidak kata bahawa *actual freedom* ada tanggungjawab dan apabila kata *National News Agency* bukan *National News Agency* untuk Barisan Nasional tetapi untuk semua rakyat Malaysia dan kita pihak pembangkang pun sebahagian nasional dan apa yang kita kata, apa yang kita buat pun patutlah dilaporkan dengan saksama dengan adil dan saya harap ini boleh menjadi satu contoh untuk semua *mass media* oleh kerana dalam dua tahun pemerintah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri aspek ini tidak cukuplah ada perkembangan.

Information sepatutnya dua cara, (*two way*) bukan sahaja *one way street*. Ada patut dua cara dan perlu adalah mekanisme-mekanisme di mana pandangan orang ramai boleh disampaikan kepada parti lapisan memerintah melalui Kementerian

Penerangan dan Jabatan Penerangan tidak patut terus menjadi satu alat Barisan Nasional semacam dalam pilihan raya besar atau pilihan raya kecil di mana Jabatan Penerangan menjadi *campaigners* untuk Barisan Nasional. Saya harap ini tidak berlaku dalam Permatang Pasir. Tetapi dalam proses untuk mengadakan *two way dialogue* saya harap satu mekanisme diadakan supaya saluran diadakan orang ramai boleh kemukakan pandangan mereka oleh kerana apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri dia kata, *hear the truth* - dengar apa pendapat-pendapat orang ramai, itu patutlah ada satu jentera yang baik.

Sebagai contohnya hari ini apabila Yang Amat Berhormat balik daripada Malta, dia kata akan mengadakan satu siasatan bebas mengenai apa yang berlaku *MMS clip* mengenai seorang gadis dibogelkan, akan *independent commission*. Ini baik, tetapi kita mahu saluran di mana pandangan orang ramai pun boleh disampaikan bahawa sungguhpun itu baik tetapi kita mahu memastikan bahawa *term of reference* bahawa orang yang dilantik benar-benar boleh dapat kepercayaan oleh kerana kita tidak mahu ini menjadi satu helah sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Police Royal Commission Inquiry* - ya, saya akan gulung. *Police Royal Commission Inquiry* laporan baik tetapi tidak ada apa-apa tindakan susulannya *big public disappointment*, kita tidak mahu ini berlaku. Sebab itu pandangan-pandangan ini perlulah ada mekanisme untuk *two way traffic* dengan.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, *the media* PRO Bernama patutlah pun menjadi - akhirnya saya harap bahawa *live telecast* Parlimen boleh diadakan kalau sangat mahal saya percaya bolehlah *offer spectrum channel* kepada pihak swasta sama ada *join effort* atau 100% usaha penswastan supaya ada *live telecast*, inilah baru kita kata sampai satu peringkat *first world* Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sekijang sila.

3.56 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dan penerangan ini di bawah Kepala 01402 iaitu Rumah Kakitangan di Stesen Daerah RTM.

Di kawasan saya terdapat satu kawasan tapak bekas stesen pemancar RTM berserta dengan bekas tapak kuarters yang pada masa ini stesen pemancar itu tidak digunakan lagi dan telah pun dibuka dan kuarters itu hanya satu pertiga saya ingat digunakan. Yang lainnya nampaknya terbengkalai dan ianya agak tidak terurus pada masa ini dan saya kluatir tempat ini dijadikan sebagai satu tempat sarang ataupun tempat-tempat yang tidak kita ingini dijadikan oleh penagih-penagih dadah sebagai tempatnya ataupun sebagainya. Saya ingin tahu daripada kementerian ini apakah perancangan yang hendak dijalankan oleh kementerian ke kawasan tapak ini kerana tapak ini saya kira agak luas juga dan berhampiran dengan hospital dan di tepi jalan yang saya kira lebih kurang 40 ekar. Sekiranya kalau kementerian tidak ada untuk kegunaan sendiri, saya suka mengesyorkan supaya kementerian ini bolehlah membuka untuk dibahagikan kepada kementerian-kementerian lain yang boleh digunakan untuk projek-projek yang berfaedah kerana pada masa ini dari penelitian yang saya buat ke kawasan tapak ini, ianya masih lagi dikategorikan sebagai di bawah penyeliaan keselamatan. Mungkin ada dari segi *wire* dan sebagainya agaknya ditanam di tapak tersebut tetapi sekiranya kementerian tidak menggunakan ini bolehlah saya fikir untuk dibukakan kepada kementerian-kementerian lain untuk supaya tapak ini dijadikan untuk tapak yang lebih bermanfaat kepada masyarakat setempat, sekian Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

5.58 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya dua perkara sahaja, Tuan Pengerusi. Pertama, saya menyokong kawan-kawan yang banyak menyebutkan soal Akta Penyiaran iaitu saya bincangkan ini di bawah 02000 - Perkhidmatan Penyiaran.

Pada masa sekarang kita melihat bahawa satu birokrasi yang diwujudkan oleh kerajaan. Saya tidak tahu sama ada masa kita mengadakan undang-undang itu dahulu kita melihat atau tidak birokrasi yang kita buat. Satu kementerian jaga yang satu, satu

kementerian jaga yang satu. Jadi dua-dua kementerian ini kadang-kadang dia tidak bercakap sama sendiri. Kalau tidak bercakap sama sendiri maknanya ada dasar-dasar kerajaan, tujuan-tujuan tertentu kerajaan tidak akan tercapai. Jadi birokrasi yang dibuat ini, yang menjaga macam umpamanya RTM di bawah kementerian ini. Yang TV3, NTV7, Channel 8, berapa lagi TV yang kita hendak buat? Kepunyaan kementerian lain, jadi siapa hendak menyelaras? Siapa hendak menyelaras dasar-dasar kerajaan atau bagi pihak ini dengan sempurna. Walaupun saya menerima hakikat bahawa pada zaman IT ini kita tidak boleh kontrol dan kita tidak boleh itu sangat soal penyiaran ini. Tetapi dalam masa yang sama, dasar pokok mestilah boleh diselaraskan satu badan sahaja supaya jangan banyak sangat kerenah birokrasi dan senang diatasi, itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak tanya di bawah 010100 – Pentadbiran dan Kewangan. Saya hendak tanya dengan kementerian macam mana kementerian menilai satu-satu stesen televisyen. Stesen yang saya sebutkan di sini kita ada di KK, di Kuching, di Johor, di Negeri Sembilan, di semua negeri ada stesen-stesen yang tertentu. Jadi kadang-kadang saya diberi maklumat bahawa penilaian kejayaan dan prestasi satu-satu stesen itu berlandaskan berapa banyak sumber kewangan yang boleh didapati oleh stesen itu, *how much they earn*, dengan izin.

Jadi ini tidak adillah, kalau stesen itu di tengah-tengah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, memang tidak boleh dilawan. Manalah boleh Kuching, mana boleh KK ataupun di Johor Bahru pun tidak boleh melawan. Jadi kalau prestasi itu untuk menilai, membantu dan memperlengkapkan lagi kemudahannya, nescaya kita di luar bandar, *continue* akan tercicir atau pun ketinggalan dan di bandar ini menjadi satu tumpuan oleh kerana landasan pemikiran kita ialah dari segi kewangan dan keuntungan.

Jadi, sepatutnya RTM mengelakkan diri menggunakan kriteria kewangan sebagai satu *yardstick* ataupun kayu pengukur untuk memberi bantuan dan sumbangan. Ini saya sebut berlandaskan Sarawak. Sarawak sama besar dengan seluruh Semenanjung Malaysia, dari Johor ke Perlis. Keluarkan Perlis, samalah besar Sarawak dengan seluruh Semenanjung. Jadi macam mana kita hendak menilai Sarawak sebagai satu negeri dan untuk dihebahkan semua cerita atau perkara yang berlaku di Sarawak itu dengan mengguna sumber kewangan, peruntukan yang diberi kepada Sarawak.

Begitu jugalah Sabah. Lagipun komunikasi kita belum baik. Jadi, akhirnya apa yang kita dapati dari KK, dari Kuching ialah cerita-cerita orang bandar. Cerita-cerita

orang luar bandar bukan saja ketinggalan tetapi tidak diketahui oleh masyarakat umum seluruh Malaysia sebab kita tidak boleh hantar orang ke luar bandar. Hendak hantar orang ke luar bandar, satu minggu pergi hulu Baram, tiga hari pergi hulu Sri Aman, macam mana, begitulah juga di Sabah.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya memohonlah kepada kementerian di Sarawak, di Sabah, ini tidak boleh digunakan satu *yardstick* yang sama. Umpamanya, kalau saya sebutkan cerita yang lain, jabatan khas ini diberi satu bulan, tiga hari untuk keluar. Kalau sebulan tiga hari, tidak payah sebut Baram, tidak payah sebut kawasan Selangau, Bintulu dan sebagainya. Sebut Sri Yan sahaja tiga hari, satu kali pergi hulu, balik tiga hari sudah habis dah. Jadi maknanya pegawai khas ni akan duduk di pejabat sebab tidak ada lagi peruntukan untuk pergi ke luar. Kita gaji orang, makan gaji buta, kata orang Sarawak, makan gaji “butak” kata orang Sarawak. Sebab dia terima gaji 27 hari tidak buat kerja, 3 hari sahaja dia buat kerja kerana itulah sahaja dibolehkan, kerja dia akhirnya di persekitaran pejabat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak sebut, Hari Keamatan, Hari Gawai, mintak tolonglah disiar sedikit Dato', orang tidak tahu apa erti 31 Mei, 1 Jun di seluruh Malaysia ini. Jadi, minta tolonglah, Hari Gawai dan Hari Keamatan ini dikeluarkan dalam RTM. Buat satu program bersama untuk Hari Keamatan dan Hari Gawai ini supaya semua masyarakat rakyat Malaysia ni melihat apa sebenarnya berlaku di Sarawak dan di Sabah yang terpencil, sudahlah jauh di pulau tetapi tidak diketahui orang di tanah besar Semenanjung ini. Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada empat lagi, Yang Berhormat Menteri boleh sediakan jawapan. Boleh jawab pada 4.15. Jadi, saya harap kerjasama semua. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, sila.

4.03 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai Butiran 030200 dan 030500. Sabak Bernam ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada kementerian ini kerana telah melancar dan melaksanakan PMR (Pusat Maklumat Rakyat). Ini sesuatu perkara yang sangat baik, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Parlimen sekalian.

Walau bagaimanapun, seperti yang selalu kita tegaskan, masalah kita ialah masalah pelaksanaan *delivery system*. Kita dapati pegawai yang melaksanakan di peringkat daerah khususnya, sebenarnya perlukan latihan secara khusus. Begitu juga dalam konteks ini secara menyeluruhnya, kita berharap supaya kementerian ini menilai semula pegawai-pegawai yang sudah lama dalam perkhidmatan mereka kerana kalau kita lihat mereka ini sudah kurang minat mereka untuk bertindak proaktif daripada reaktif, malah melaksanakan tugas mereka sambil lewa sahaja. Ini adalah sangat penting kerana kementerian ini mempunyai satu agenda yang sangat kritikal untuk memberikan maklumat dan penerangan kepada rakyat.

Sehubungan ini, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya satu bentuk program diadakan kalau di kampung dari balai raya ke balai raya. Kalau di Sabak Bernam ini, semua kampung ada balai raya yang cukup lengkap. Dan dalam memberikan penerangan kepada rakyat, seharusnya kementerian ini menggunakan visual ataupun maknanya tidak setakat memberi ceramah dan menyebarkan risalah, gunakan kemudahan IT supaya rakyat tertarik.

Yang keduanya, yang terakhir ialah pihak Sabak Bernam ingin menyarankan supaya kementerian ini mengadakan satu drama yang khusus dalam program RTM yang kalau rakyat tidak tengok, maka dia rugi. Maksudnya ialah saya hendak kaitkan ini dengan kempen kita untuk mencegah jenayah ataupun gejala sosial negatif, khususnya masalah penagihan dadah. Saya dapati di sini, iklan yang diberikan oleh RTM ini, saya ucapkan terima kasih, ada, tetapi kita dapati iklan itu mati, maknanya dia beku, maknanya ada gambar, lepas tu ada ayat dan begitu sahaja.

Jadi kita berharap ini boleh dipaparkan, mungkin dalam drama ataupun dalam bentuk iklan yang melibatkan *celebrity* kita ataupun artis-artis kita yang diberi perhatian oleh anak-anak muda kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit.
4.07 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkaitan Perkhidmatan Penyiaran, 020000. Terlebih dahulu Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri khasnya, walaupun program *rebranding* ni pada mulanya dikritik hebat termasuk Ahli-ahli Dewan tetapi selepas kita melihat program ini berjalan, saya nampak memang ada pembaharuan dari segi program dan juga pendekatan yang dibuat oleh RTM.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, RTM mempunyai tugas yang lebih besar selain daripada apa yang sedang dibuat. Dan saya hendak memaklumkan ataupun hendak mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa dalam melaksanakan tugas atau tanggungjawab RTM ini, jangan sekali-kali RTM ingin bersaing dengan TV swasta kerana stesen swasta ini mempunyai matlamat dan tanggungjawab yang berbeza.

RTM mempunyai tugas dan tanggung jawab yang lebih berat untuk melahirkan masyarakat negara maju menjelang tahun 2020, hanya tinggal 15 tahun, Tuan Pengerusi. Jadi, tentulah tugas ini cukup berat dan cukup sukar dilaksanakan. Oleh sebab itu saya katakan tadi, RTM dalam menjalankan tanggungjawab ini, jangan ada hasrat untuk bersaing dengan TV swasta kerana TV swasta ini semata-mata untuk mendapatkan pulangan kewangan. Saya faham apabila perkara ini disebut, RTM juga menghadapi masalah untuk mendapatkan penajaan, tetapi saya rasa sekiranya program-program yang dibuat oleh RTM itu dapat menjadi tarikan kepada penonton, ianya boleh mendapat penajaan.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin sarankan kepada RTM, seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain tadi supaya RTM ini memfokuskan kepada masalah negara yang belum selesai. Misalnya, kita ada banyak isu yang masih kita bincangkan di sana sini masih belum selesai. Pertamanya, misalnya masalah pencegahan AIDS dan HIV. Jadi, perlu diperbanyakkan program yang menjurus ke arah pendidikan mencegah AIDS dan HIV. Sekarang ini diperdebatkan, siapa sepatutnya difokuskan, lelaki atau wanita? Ada pihak mengatakan tentang penyebaran AIDS ini banyak tanggungjawab lelaki. Jadi, ini harus diberi penekanan supaya masyarakat lebih sedar. Sekarang ini masyarakat kurang sedar, akibatnya AIDS dan HIV bertambah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Sekejap lagi Tuan Pengerusi, minta maaf. Begitu juga masalah rasuah misalnya, sekarang ini budaya rasuah seperti yang dikatakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir, masih berleluasa di negara kita. Jadi RTM kena memainkan peranan ini supaya semua peringkat masyarakat, sama ada yang penerima atau pemberi, gentar dan benci kepada rasuah. Ini harus ditekankan pada setiap program yang dibuat oleh RTM.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Oleh kerana masa, saya berhenti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maaf ya. Yang Berhormat bagi Lipis.

4.10 ptg.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan 47 ini yang pertamanya saya hendak menyentuh Butiran 030000 - Perkhidmatan Penerangan di bawah 030200 – Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat dan 031000 – Gerak Saraf dan Pengurusan Isu. - Seperti rakan-rakan saya yang lain, saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Penerangan yang telah banyak membuat penambahbaikan kepada RTM dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh warga RTM.

Walau bagaimanapun, bagi saya perkhidmatan penerangan perlu juga ditambah baik dan diperkasakan kerana apabila Jabatan atau Perkhidmatan Hal Ehwal Khas berpisah daripada Perkhidmatan Penerangan seolah-olah nampaknya perkhidmatan penerangan ini telah hilang arah tujuannya. Mereka tidak tahu apa yang harus dibuat. Bagi saya dalam komunikasi RTM memainkan peranan untuk menyebarkan dalam konteks komunikasi massa. Bagaimana pun komunikasi bersemuka dan komunikasi kumpulan boleh dimainkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan. Jadi yang inilah saya rasa tidak dimainkan lagi oleh jabatan-jabatan Penerangan.

Saya juga menyokong seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi iaitu sepatutnya pegawai-pegawai penerangan yang ada di daerah boleh pergi dari balai raya ke balai raya atau sebagainya dan membuat kumpulan-kumpulan untuk menerangkan dasar-dasar pembangunan kerajaan yang banyak yang saya percaya masih belum difahami oleh pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi terutama oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

Dari segi isu-isu agama dan sosiopolitik yang ini boleh dimainkan dan saya memang sedang dimainkan oleh Perkhidmatan Hal Ehwal Khas ataupun JASA tetapi bagaimana pun dasar-dasar pembangunan kerajaan yang lain yang saya rasa banyak dan baik kadang-kadang tidak difahami kini boleh dimainkan tadi dalam konteks seperti yang saya katakan tadi sebagai komunikasi kumpulan dan juga komunikasi dua hala bersemuka kerana inilah rasa saya antara komunikasi yang berkesan.

Yang keduanya Butiran 05000 - Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Yang ini bagi saya mereka memang dinamik pegawai-pegawainya dan pergi ke merata tempat walaupun memang banyak yang membantu ADUN dan sebagainya. Bagi saya masalah utama yang mereka hadapi terutama kekurangan pegawai dan yang keduanya kurang kemudahan terutamanya kenderaan untuk mereka bergerak. Sekarang ini kebanyakan daripada pegawai-pegawai khas ini mereka pergi ke merata dengan menggunakan kereta sendiri yang saya rasa ada tempat-tempatnya tidak mampu terutama bagi kampung-kampung yang jauh, tidak mampu sampai oleh kereta sendiri. Jadi kita mohonlah supaya setiap pejabat Hal Ehwal Khas atau JASA daerah ini diperuntukkan sekurang-kurangnya sebuah kenderaan mereka menjalankan perkhidmatan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Putatan lepas Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi walaupun rasa sedih kerana dibagi yang last. Masih saya tidak sangka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dapat berucap pun...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...saya faham keperluan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sebab sedihlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan kata sedih Yang Berhormat. Dalam dunia ini tidak ada satu Parlimen yang boleh membenarkan semua Ahli Parlimen berucap.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana baru-baru ini telah mengadakan Kongres COVENAC beberapa program yang canggih. Saya rasa Yang Berhormat Menteri satu daripada yang teraktif, syabas dan tahniah.

Saya pergi terus ke butiran bekalan 47 bagi Maksud Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran dan Butiran 030100 - Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat. Saya ingin menyentuh walaupun sahabat-sahabat yang lain telah pun menyentuh berkenaan dengan rancangan yang terbaik yang secara menyeluruh dan rancangan yang *holistic* kementerian, saya ingin menyentuh sedikit

yang tertinggal berkenaan dengan peranan kementerian ini sebagai mulut kerajaan dan suara kerajaan kepada semua lapisan masyarakat.

Saya ingin menyentuh tentang peranan jabatan Penerangan yang dahulunya terdapat satu program melalui TK3P yang menonton negara pemancar maka sekarang telah pun ditukar dengan masyarakat bestari. Saya meminta penjelasan daripada kementerian apakah keberkesanan dengan program baru ini. Baru-baru ini sebagai mana kita lihat beberapa maklumat yang harus disalurkan kepada masyarakat melalui Kementerian Penerangan yang saya rasa tidak berapa berkesan kerana RTM1 dan RTM2 ini terlalu bersaing dengan media TV-TV swasta. Jadi saya bercadang supaya satu daripada antara dua ini *concentrate* dengan penyebaran maklumat kepada masyarakat. Program-program seperti dasar-dasar kerajaan seperti sebab-sebab kenaikan harga minyak, apa juga kemudahan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan, program-program tabung dana yang boleh diterokai oleh semua masyarakat kita dan ini bolehlah dilakukan melalui pengiklanan.

Pengiklanan daripada kementerian-kementerian lain terutama sekali daripada Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Wanita, Sumber Manusia, MITI dan sebagainya. Kementerian-kementerian ini harus memperuntukkan peruntukan yang khas mengiklan di RTM1 atau TV3. Dan bagikan mereka ini kementerian *by* kementerian khas dengan satu jam supaya maklumat ini dapat disebarkan kepada semua masyarakat walaupun di bandar mahupun di luar bandar kerana ramai di antara masyarakat kita ini di luar bandar. Dan hanya melalui TV sahaja yang mereka boleh tahu apakah program-program yang ada pada kerajaan. Bukan bersaing, kalau TV swasta buat hiburan, kita punya RTM1 dan TV3 juga membuat hiburan pada masa yang sama juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Satu lagi Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya minta tolong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit lagi, bolehlah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi satu daripada pengetahuan Yang Berhormat Menteri, satu SMS saya terima semalam pukul 11.14 daripada bekas-bekas pegawai kanan kerajaan yang menyentuh tentang komentator oleh Tuan Haji Zainal Abidin pada pukul 8.30 semalam

di RTM1 yang menyatakan peserta Malaysia itu sebagai Harimau Malaya. Ini kita sekarang kita sedang meng *accelerate* pelaksanaan konsep integrasi nasional. Ini satu kenyataan yang menyinggung perasaan sebahagian rakyat kita daripada Sabah dan Sarawak. Nasib baik Menteri Sukan kemudian telah membetulkan kenyataan itu sebagai Harimau Malaysia sebab Yang Berhormat Dato' Menteri, atlet yang berada di Filipina sekarang adalah juga atlet daripada Sabah dan Sarawak. Jadi kalau soal Malaysia itu 'Malaya' adalah tidak sesuai dirasai oleh sebahagian rakyat kita. Jadi saya mintalah Menteri kalau boleh perbetulkan fikiran seseorang komentator ini yang berpengalaman, yang tahu peranannya sebagai penyatu rakyat kita supaya ini tidak berlaku lagi. Sekian saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Menteri, boleh jawab.

4.21 ptg.

Menteri Penerangan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua rakan-rakan saya Ahli-ahli Parlimen yang telah pun memberi berbagai-bagai pandangan yang cukup bernas, bernas yang mana sudah tentu pegawai-pegawai saya yang ramai ada di belakang sana telah pun catatkan dan sudah tentu di mana boleh kita akan cuba melaksanakannya, tetapi yang paling penting adalah kata-kata perangsang dari kebanyakan Ahli-ahli Parlimen, bahawa segala usaha mereka mengenai penjenamaan semula usaha mereka untuk meningkatkan mutu dan prestasi program-program itu sedikit sebanyak mendapat penghargaan.

Percayalah kepada saya, memang mereka sedang bekerja bertungkus-lumus siang dan malam berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan supaya wang rakyat yang kita gunakan itu benar-benar berbaloi, benar-benar membawa hasil yang baik. Jadi mereka tahulah sekarang ini bahawa kalau mereka bekerja kuat Allah S.W.T. maha adil, apa yang baik itu sudah tentulah akan diterima baik oleh rakyat. Jadi saya nak jawab satu persatu mungkin ada sedikit sebanyak yang bertindih dan sebagainya, tetapi biarlah pertamanya saya menceritakan ataupun memberi penerangan mengenai apa yang telah berlaku, mengenai pandangan hampir kebanyakan Ahli-ahli Parlimen supaya kuasa untuk memantau stesen penyiaran swasta itu dikembalikan kepada Kementerian Penerangan. Jadi sebenarnya saya sendiri secara peribadi setuju dengan saranan tersebut, maka oleh sebab itu pihak Kementerian Penerangan telah pun.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sekejap tak habis lagi, Kementerian Penerangan telah pun menyediakan satu memorandum Jemaah Menteri dan kita telah pun siarkannya kepada semua kementerian untuk pandangan mereka dan selepas mendapat pandangan itu kita telah pun bentang di Jemaah Menteri, maka kita telah pun berbincang cukup mendalam berbagai-bagai pandangan, tetapi satu pandangan yang telah pun diberi dan yang mana telah pun sebenar-benarnya yang menjadi asas kepada pembubaran Akta Penyiaran pada tahun 1998 dan digantikan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia. Tahun 1998 lagi Akta Penyiaran telah pun dimansuhkan diganti dengan Akta Komunikasi dan Multimedia dan kuasa untuk melesenkan radio, televisyen, kuasa untuk memantau kandungan radio dan TV swasta telah pun dipindahkan kepada Kementerian Air dan Komunikasi waktu itu Menterinya Datuk Amar Leo Moggie.

Sekarang ini Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi iaitu rakan saya Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik. Jadi asasnya adalah kerana sekarang ini telah mendapat *convergence* dalam mekanisme kita menyampaikan berita bukan hanya menerusi radio dan televisyen, tetapi juga menerusi telefon, menerusi internet dan sebagainya. Jadi oleh sebab *convergence* ini, maka haruslah tanggungjawab melesenkannya, memantaunya diberikan kepada satu kementerian yang bertanggungjawab mengenai internet, telefon dan sebagainya sekarang ini peranan telefon lagi hebat. Tetapi ada juga pro dan kontra dalam perbahasan di Jemaah Menteri itu, maka akhirnya telah pun dilantik satu jawatankuasa kecil dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri untuk mengkaji dengan lebih mendalam, Menteri Penerangan, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjadi ahlinya.

Kita telah berbincang panjang dengan dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, akhirnya maka kita terpaksa terima hakikat bahawa soal *convergence* ini cukup penting, itu adalah hakikat yang kita tidak dapat elak, maka kita buat keputusan dikekalkan kuasa tanggungjawab itu kepada Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi tetapi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan juga kementerian saya diminta untuk memberi input kepada Suruhanjaya Komunikasi supaya mereka dapat menjalankan kuasa dan tanggungjawab mereka itu dengan lebih berkesan.

Bermakna *enforcement agency, monitoring agency* masih dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Jadi pada hari ini banyak juga pendapat yang telah pun diketengahkan seakan-akan pemantauan radio dan televisyen swasta masih di bawah kementerian saya, jadi saya tak dapat jawablah perkara-perkara itu sebab yang swasta, TV-TV swasta, radio swasta semuanya adalah tanggungjawab rakan saya Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bila sampai waktunya kita nak bahas kementerian itu maka perkara begitu bolehlah dibangkitkan semula.

Saya nak jawab satu persatu, satu lagi ada pandangan mengenai pegawai JSA dan pegawai penerangan. Kerana banyak sangat telah pun bangkit perkara ini saya nak rangkumkan. Satunya kita telah pun memberi arahan kepada semua pegawai JSA, dulu ini dia nama JHEK, pegawai JHEK. Tak berapa sedap dengar, maka kita bincang kita telah tukar nama dia kepada pegawai JSA, tak jadi JHEK (Jabatan Hal Ehwal Khas) dulunya mereka ini semua sebahagian dari Jabatan Penerangan. Ok, arahan telah pun diberi bahawa mereka adalah pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab untuk memajukan dasar-dasar kerajaan, bukan pegawai-pegawai yang loyal kepada ADUN dan Ahli Parlimen, no. Mereka adalah pegawai kerajaan bertanggungjawab mereka untuk memajukan dasar-dasar kerajaan, bermakna dasar-dasar yang diperjuangkan oleh Ahli Parlimen dan juga DUN, tetapi kita tahu ada masalah di setengah-setengah tempat, pegawai-pegawai JSA ini dia banyak berkecimpung dalam politik, bermakna kadang-kadang dia berkait dengan *faction* itu dan kadang-kadang dengan *faction* ini, maka timbul macam-macam masalah.

Kita telah pun memberi arahan kepada mereka, pegawai-pegawai JSA kalau bolehnya kurangkanlah berpolitik. Dia boleh berpolitik tetapi jangan bertanding untuk jawatan-jawatan yang penting kalau dah bertanding sudah tentu dia akan berkait dengan satu *faction* dalam UMNO ataupun dalam MCA dan sebagainya atau dalam parti-parti komponen Barisan Nasional, dia tak boleh jalankan kerja dia dengan cara yang baik.

Bukan sahaja kalau nampak muka Barisan Nasional ini dia hendak pergi hampir kepada orang atas pagar, pengundi, pembangkang - tak boleh, sedangkan itu kerja dia, bukan nak beri *lecturer* kepada UMNO sahaja atau orang MCA sahaja, dia kena pergi beri penjelasan kepada orang atas pagar, orang yang tak faham dasar-dasar kita, tetapi kalau muka dia terlalu sangat politik dia tak boleh, inikan pula dia dalam parti pun

terlibat sangat dengan sesuatu *faction* - lagilah susah. Jadi arahan ini telah pun dibuat supaya mereka kurangkan politik.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun. Mana satu Yang Berhormat?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sila Serdang, saya sedang menjawab Serdang.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh pegawai khas daripada Jabatan Hal Ehwal Khas ini. Walau bagaimanapun oleh sebab sifat sesetengah pegawai yang dilantik sebagai kontrak itu jalankan tugasnya, dia hanya beritahu maklum balasnya kepada ADUN saja, bila Ahli Parlimen minta dia tidak beri tahu apa sebenarnya yang berlaku itu, dia kurang bagilah - ini satu masalah yang saya hadapi. Ini kita kaitkan dengan *faction* dan sebagainya, dia hanya sifat sebagai manusia, tetapi mungkin dia berat sebelah, sebab dia hanya dilantik sebagai pegawai di kawasan DUN itu bukan Parlimen, dia kata, "Saya mesti sediakan, pergi maklum balas kepada DUN bukan Ahli Parlimen", itu sebab saya minta kalau boleh dapat dilantik pegawai di Parlimen.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, mungkin Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju Yang Berhormat tetapi yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi arahan mengurangkan sedikit tidakkah boleh sebut arahan supaya jangan terlibat daripada *key officer* dalam jawatankuasa-jawatankuasa politik Bahagian kerana berlaku di kawasan saya dahulu walaupun dia kalau menghadapi *common enemy* dengan izin dia akan bekerja kuat untuk Barisan Nasional bukan bekerja untuk Ahli Parlimen.

Saya menerima hakikat tetapi sebahagian maklumat yang harian kita hendak bulanan mingguan kita hendak memang tidak dapat sebab dia menjadi Setiausaha Bahagian. Kalau di Sarawak, Bahagian ini ADUN jadi ini telah menyusahkan dia sendiri dan menyusahkan Ahli Parlimen juga menyusahkan semua orang. Jadi bila pilihan parti dia memang 100% a *line to* ADUN sebab dia *secretary* Setiausaha kepada DUN jadi Tuan Pengerusi jangan bagi arahan mengurang bagi arahan jangan terlibatlah secara

parti jadi Ahli bolehlah tetapi jangan jadi pegawai yang kanan dalam bahagian-bahagian dan sebagainya bagi mengelakkan perkara ini berlaku.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong iaitu yang kami telah buat. Cuma setengah-setengah itu sudah pun pegang jawatan, yang mana sudah pegang jawatan dia masih akan pegang jawatan untuk setahun dua lagi kita telah pun meminta dia kurangkan jangan terlibat langsung dengan mana-mana *faction* dia jalankan kerja dia sebagai pegawai kerajaan untuk hendak memberi penjelasan. Bukan sahaja kepada orang UMNO tetapi lebih lagi kepada yang tidak faham kita. Ketua Pengarah JASA pun ada di sini ada dok dengar apa yang pendapat Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Di samping itu juga saya ingin menyatakan bahawa Jabatan Penerangan pun tadi banyak telah bangkit mengenai Jabatan Penerangan. Saya ingin menyatakan bahawa kedua-dua Pegawai Penerangan ada lebih kurang 2,600, Pegawai JASA ada lebih kurang 600. Pegawai JASA itu kita akan tambah kerana sejak pilihan raya yang sudah kita ada banyak kawasan baru, kawasan Ahli Parlimen baru dan DUN baru maka sebab itulah kita terpaksa isikan jawatan-jawatan ini dan kita sedang berunding dengan JPA masih belum dapat kejayaan lagi. Insya-Allah kalau dapat kejayaan kita akan tambah dan kita akan isikan jawatan.

Jadi kedua-dua 2,600 lebih kurang dan 600 pegawai JASA ini sedang kita memberi orientasi baru di mana latihan yang bersungguh-sungguh. Intensif kursus satu supaya mereka faham semua isu-isu yang perlu disampaikan kepada rakyat dari semasa ke semasa, nombor satu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Nombor dua cara penyampaian banyak ada juga yang tidak begitu pandai untuk menyampaikan supaya dengan cara rakyat boleh fahamlah apa yang mereka hendak sampaikan jadi alhamdulillah selepas kursus insentif ini kita yakin bahawa.....

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Datuk Kuala Selangor.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:program-program bersemuka dengan rakyat akan lebih berkesan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Tuan Pengerusi terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengalu-alukan cadangan kementerian untuk menambah jumlah pegawai-pegawai JPA bukan sahaja di setiap DUN tetapi juga di peringkat Parlimen cuma saya harap JPA yang dengar saranan Menteri dan juga saya menyokong supaya dapat disegerakan kelulusan. Kerana di kawasan saya cuma ada seorang, dua ADUN tidak ada Parlimen pun tidak ada dan pegawai ini pula tidak pernah berbincang dengan Ahli Parlimen apa program hendak dilaksanakan di kawasan dan seperti yang saya sebut tadi mirip kepada untuk kepentingan politik individu tertentu jadi tindakan tegas patut diambil Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Mereka telah pun diberi arahan bahawa mereka tidak boleh terlibat, nampak atau nampak terlibat dengan mana-mana *faction* dalam UMNO walaupun mereka sudah ada jabatan, insya-Allah kita akan terus menerus memberi peringatan kepada mereka. Okay.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Tuan Pengerusi saya dengar beberapa permintaan penjelasan mengenai masalah yang timbul oleh kerana pegawai yang dilantik mewakili ADUN dan bukan Parlimen semua dalam Barisan Nasional tetapi ini bukannya masalah penyakit, penyakit penyalahgunaan kuasa di mana pegawai-pegawai daripada parti dilantik. Kita dengar mengenai perbalahan antara peringkat DUN dan Parlimen tetapi sebenarnya apa yang kita mahu ialah Pegawai-pegawai Penerangan yang bukan daripada latar belakang parti politik.

Mereka patut menyampaikan maklumat-maklumat menerangkan bagi untuk rakyat bagi pihak kerajaan dan bukan parti-parti. Bolehkah kita berhentikan semua pelantikan semua Pegawai-pegawai Penerangan yang ada latar belakang parti politik bahawa semua mereka tidak mesti melepaskan semua jawatan atau hubung kait dengan parti-parti politik dalam Barisan Nasional sama ada di peringkat DUN atau di peringkat nasional. Kalau mereka mahu jadi Pegawai-pegawai Penerangan mereka tidak ada *partition basis*.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak ubah persepsi apa yang saya sebut tadi saya tidak ada sebut pun ataupun *impress implication* yang ada saya sebut tadi mengatakan pegawai ini dilantik daripada parti-parti Barisan Nasional. Apa yang saya sebut jangan *Anchor* dia sendiri kepada mana-mana pihak bahkan saya larang terlibat dengan parti itu sendiri. Jadi jawapan Menteri cukup cepat

tepat jangan selewengkan sedikit cerita ini menunjukkan bahawa orang Barisan Nasional lantik daripada DUN minta tolong jelaskan Yang Berhormat.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sememangnya kebanyakan pegawai-pegawainya adalah pegawai kerajaan dia tidak ada kena mengena dengan politik tetapi ada sedikit-sedikit sahajalah memang ini sejarah dia berminat maka lepas itu dia bertanding dia menang. Tetapi segelintir sahaja tetapi alhamdulillah lah setakat / *mean* kebanyakannya adalah pegawai-pegawai kerajaan yang tidak terlibat dengan mana-mana parti politik dan mereka sedar apa tanggungjawab mereka adalah untuk memberi penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan.

Okay begitu juga dengan Pegawai-pegawai Penerangan. Tadi ada yang menyatakan jabatan ini nampak letih nampak hilang haluan dan sebagainya tetapi kita telah pun mengambil beberapa langkah untuk memperbetulkan keadaan ini. Yang pertamanya kita telah pun menjadikan semua Pejabat-pejabat Penerangan Daerah sebagai pusat maklumat rakyat di antara macam-macam tugas dia yang lain antara tugasnya ialah pejabat itu dia jadi pusat maklumat rakyat. Apa juga maklumat rakyat hendak ketahui di mana tabung penyakit kronik misalnya, di mana hendak dapat bantuan kebajikan masyarakat, di mana dapat biasiswa, macam mana hendak minta kerakyatan semuanya mereka pergilah ke pusat maklumat rakyat untuk mendapat apa juga maklumat mereka kehendaki. Ini kita baru lancarkan sudah tentulah tidak *perfect* lagi tetap insya-Allah dalam bulan-bulan yang akan datang ianya akan lebih berkesan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Lipis Yang Berhormat.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Di samping itu.....sedikit sahaja. Di samping itu kita juga telah melancarkan Program Komuniti Bestari untuk menggantikan Program K3P ini. Program K3P ini kadang-kadang dia celaru sedikit sebab dia mungkin fikir ini adalah satu program Kementerian Pelajaran dan sebagainya jadi 'komuniti bestari' telah pun dilancarkan oleh Perdana Menteri kita telah pun ubah suai sedikit yang mana kita akan cuba menggalakkan sifat-sifat kesukarelaan di kalangan orang-orang yang di bawah di peringkat komuniti yang hendak berkhidmat dengan rakyat.

Program pusat maklumat rakyat, komuniti bestari, pegawai-pegawai yang kenal isu-isu rakyat, isu-isu negara tahu cara menyampaikannya ini semua kalau dilaksanakan dalam bulan-bulan yang akan datang percayalah kepada saya bahawa Jabatan Penerangan akan balik kepada zaman kegemilangan dia dahulu ini. Sebelum merdeka lagi mereka adalah merupakan antara jabatan yang terulung di negara kita.

Sekarang saya pergi kepada soal-soal yang telah pun dibangkit balik kepada Ahli Parlimen Serdang mengenai program-program TV1, TV2 diharap lebih menarik termasuk juga program Mandarin. Saya ingin menyatakan bahawa dari laporan yang saya terima kita telah pun banyak berubah, banyak telah pun meningkat prestasi, tetapi kita tidaklah boleh bersaing dengan pihak swasta kerana mereka tidak ada sekatan langsung.

Tetapi bagi kami arahan telah pun dibuat kepada Jawatankuasa Penilai RTM bahawa semua program mestilah menonjolkan budi bahasa, nilai-nilai murni, merapatkan hubungan kaum, meningkatkan kepentingan negara, kepentingan rakyat. Ini arahan polisi semuanya *clear* tidak ada masalah jadi oleh sebab itu kadang-kadang memanglah kurang menarik sedikit tidak ada seks, tidak ada bertumbuk sini, bertumbuk sana dan sebagainya. Tetapi kita menggunakan wang rakyat, jadi kita mempunyai tanggung jawab. Kadang-kadang terlepas juga, ya. Terlepas pandang, kadang-kadang. Tetapi pada keseluruhannya, Insya-Allah, kita akan pastikan bahawa apa yang dikehendaki oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat itu, kita akan laksanakan. Dalam hubungan ini, kita juga sedar dan saya selalu menyatakan, *we are not in competition*, dengan izin, dengan TV-TV swasta dan sebagainya.

Kita harap, mereka juga baik. Tetapi apa yang kita berminat adalah kita nak baik sendiri. Kerana kita tahu, kalau program kita semuanya baik belaka, menyokong dasar-dasar kerajaan, tetapi kalau orang tak tengok, tak guna juga. Jadi, kita terpaksa memikir bagaimana kita dapat mengadakan program-program ini, tapi dalam masa yang sama juga, ianya menarik, menarik kepada penonton. *Rating* kita naik. *Rating* kita naik. *Rating* makna, orang menonton.

Jadi, Alhamdulillah, sejak kita melancarkan penjenamaan semula ini, *rating* kita telah pun naik dalam 3, 4%. *First*, kita dapat sekat kemerosotan, dan sekarang kita mula naik balik. Walaupun kita terpaksa kata orang membanyakkan rancangan-rancangan, program-program yang tak begitu menarik, program *Top Show* dan sebagainya, tetapi Alhamdulillah, kita telahpun berjaya meningkatkan *rating*.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis Yang Berhormat, nak bagi jalan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan *audience*, yang menontonlah, rasa saya untuk TV1 dan 2 ini, kebanyakan *audiencenya* datang daripada luar bandar. Jadi, ada beberapa kawasan di luar bandar ini yang terlindung kerana pemancarannya tak dapat ataupun macam, contohnya, macam kawasan saya itu, kalau tak ada boosterlah, tak ada *booster*, memang kita tak dapat beberapa tempatlah. Kalau kita tak ada *booster*, memang kita tak dapat siaran TV1 dan 2 ini. Jadi kalau dapat, kita mohonlah kepada Yang Berhormat Menteri, melihat perkara ini supaya siaran TV1 dan 2 ini dapat diliputi keseluruhan tempat.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Memang saya ada angka menunjukkan lebih kurang dekat 90% di kawasan di Semenanjung ini telahpun mendapat siaran yang jelas. 10% masih merupakan *blind spot*, kawasan terlindung. Di Sabah, Sarawak, 80%. Insya-Allah, masalah ini akan kita atasi dalam RMK-9 ini, Insya-Allah. Mengenai program-program agama dari Ahli Parlimen Larut, saya ada di sini, banyak sangat kertas pegawai-pegawai saya hantar di sini, saya tak sempat nak baca.

Namun demikian, saya ingat lagi, sebelum bulan Ramadhan pun kita telah ada mesyuarat, saya sendiri pun terlibat dalam mesyuarat itu untuk mengadakan program sepanjang bulan Ramadhan. Program keagamaan, termasuk juga waktu kita merayakan Aidilfitri dan sebagainya. Malah *feed back* kami, *rating* dari AC Nielsen dan sebagainya, menunjukkan bahawa program-program bulan puasa kali ini, bulan Ramadhan kali ini, dan juga sewaktu musim perayaan, Alhamdulillah kita bolehlah lebih kurang bersaing. *If not better*, tetapi sekurang-kurangnya *equal* dengan televisyen swasta yang ada. Mengenai iklan terlalu banyak.

Saya ingin menyatakan bahawa kita ada satu dasar, iklan di TV1, TV2, tak boleh lebih daripada 12 minit untuk satu jam program. TV lain, saya tak tahu, itu kena tanya kementerian lain. TV1, TV2, tak lebih daripada 20 minit untuk setiap jam. Dan 20 minit, bukan sahaja iklan, tetapi juga mengiklan mengenai budi bahasa, iklan mengenai dadah, iklan mengenai kempen pengangkutan - Kementerian Pengangkutan. Semualah

kempen-kempen kerajaan, semua dalam masa 20 minit. Bermakna pengiklanan dalam program-program kerajaan *is very little*, sedikit sahaja. *Subtitle* dalam bahasa Cina, dia tertudung, tak dak. Kalau ada *subtitle* dalam bahasa Cina tu, kita takkan kambus dia dengan apa ni *subtitle* bahasa ini.

Kadang-kadang teknikal *fault* oleh pegawai-pegawai *for a few seconds for a minute* tu sahaja, saya minta maaf, kalau berlaku macam itu. Parabola memang tidak dibenarkan. Dan, soal parabola semuanya, memanglah masih dalam, kalau nak tahu sama ada ianya patut dibenarkan sekarang atau tidak, saya ingat itu perlulah kita kemukakan soalan ini kepada Kementerian Komunikasi. Ini soalan dari Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Terima kasihlah Ahli Yang Berhormat bagi Pensiangan, dia tak daklah di sini. Tetapi saya ingin memberi jaminan, dia cukup susah hati, sebab apa, itu banyak ni, IPTAR apa semua hanya token sum. Peruntukan RM10.00 sahaja kita minta. Sebenarnya, kita telah minta banyak iaitu di bawah RMK-9. Insya-Allah, apabila kompleks baru IPTAR dan sebagainya, SSIG, kita mempunyai peruntukan yang cukup. Kita telahpun meminta dari mereka. Dan juga kita akan pastikan bahawa *triple N*, NAM – News - Network, yang akan ditubuhkan dipelopori oleh BERNAMA, dan juga Kerajaan Malaysia, tidak akan bersaing dengan SSIG, iaitu *South South Information Gateway*, malah ianya akan bantu antara satu dengan lain. Dan, kita berharap *triple N* ini akan menjadi sumber yang bermakna Malaysia, sewaktu Malaysia menjadi Pengerusi NAM.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkit berkenaan dengan satu tuntutan berkenaan dengan seorang Penerbit *Frame* ke atas Menteri dan kerajaan berkenaan dengan karya asalnya diguna pakai Tin Gei Bin dan Mahligai Gading. Adakah Yang Berhormat boleh mengulas sedikit berkenaan dengan hal ini?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya minta maaf, saya tertinggallah itu. Sebenarnya, wanita ini telahpun mengemukakan satu skrip kepada RTM semasa Datuk Seri Mohamad Rahmat menjadi Menteri Penerangan, ya? Tetapi entah apa sebabnya, walaupun Kementerian Penerangan, RTM waktu tu menerima skrip itu pada mulanya, tetapi telahpun menulis surat kepadanya, dan memberi satu dua

syarat, tetapi beliau tidak menjawab, maka dengan sendirinya benda tu habislah. Tin Gie Bin adalah satu usaha RTM semasa saya jadi Menteri untuk nak banyakkkan filem-filem ataupun drama-drama yang dibuat di Malaysia, tetapi yang lebih merupakan *Malaysian in Nature*.

Masyarakat Malaysia keturunan Cina, dia banyak sangat nak tengok cerita dari Hong Kong, Taiwan, China dan sebagainya. Jadi, usaha kita untuk memupuk sifat-sifat bangsa Malaysia ini sedikit sebanyak dah terjejas. Jadi, saya memikir biarlah kalau dalam bahasa Mandarin, bahasa Canton tak mengapa. Tapi kenapa tidak filem dalam negara kita ini? Jadi kita pilih, kita lantik satu panel khas *script writers* untuk menggubal cerita Tin Gei Bin. Tidak langsung kena mengena dengan skrip yang diberi 10 tahun sebelum itu.

Tetapi entah macam mana, selepas kita lancarkan Tin Gei Bin ini, wanita ini saya tak ingat nama dia, telahpun membawa kes ke mahkamah tuntutan RTM mencedok ceritanya. Ini memang dusta sama sekali. Tak dak tu sebab saya yang mempengerusikan panel tu sendiri. Tak timbul langsung. Maka, bagi dia baguslah, kerana dia dapat publisiti banyak. Tapi kita telahpun meminta *Attorney General* untuk mengambil tindakan keras, ya. Lawan di mahkamah dan kita akan minta tuntutan ganti rugi yang seberat mungkin supaya ini menjadi satu pengajaran kepada masyarakat, jangan fikir mereka boleh dapat publisiti murahan dengan memburuk-burukkan orang lain. Insya-Allah kita akan menang kes ini.

Okey, kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ledang. Saya ucap terima kasih beliau begitu memuji Malacca FM. Sebenarnya kita telah juga melancarkan satu penjenamaan semula 32 stesen radio kita. Kita ada 32 stesen radio yang menggunakan wang rakyat. Dan, ada 5 atau 6, saya tak ingat, stesen di peringkat nasional. 5 kalau tak salah, 6, di peringkat nasional. Dan yang lain-lainnya adalah di peringkat negeri. Setiap negeri ada satu stesen radio, di Sabah ada tiga, di Sarawak tiga tapi yang lain-lainnya di setiap negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua bangun.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Boleh tak saya habiskan penjelasan saya ini?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ini berkenaan dengan RTM Sabah. Saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan RTM Sabah sebab Yang Berhormat Menteri menyentuh tentang RTM Sabah. Di Sabah

auditoriumnya dibuat di *parking area*, jadi adakah rancangan kementerian untuk membina satu auditorium kerana *park* tersebut sudah pun disediakan dan permohonan telah pun dikemukakan kepada kementerian pada beberapa tahun yang lalu. Yang saya tahu, di Sarawak di Kuching auditorium sudah ada. Jadi saya minta penjelasan sikit daripada Menteri.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, saya hendak habiskan cerita saya ini. Jadi kita memang hendak tingkatkan mutu semua stesen-stesen radio negeri-negeri, semua. Dan selepas *rebranding* memanglah ada usaha yang bersungguh-sungguh oleh semua stesen-stesen ini untuk meningkatkan kualiti siarannya supaya lebih membina, lebih berkesan, lebih menarik dan sebagainya. Tetapi sudah tentulah ada negeri yang cukup berjaya, ada negeri yang kurang berjaya, ada negeri yang langsung tidak berjaya.

Jadi oleh sebab itu baru-baru ini, kita telah pun melantik satu panel pakar-pakar di ibu pejabat RTM untuk menjelajah ke seluruh negara untuk memberi khidmat nasihat kepada semua radio supaya mereka juga dapat meningkatkan kualiti. Insya-Allah saya penuh yakin, satu hari nanti Johor FM pun akan sama baik dengan Melaka FM.

Mengenai Sabah itu, sukacita saya menyatakan bahawa kita akan membina, kita akan membangunkan kompleks yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu di tanah baru antara sebagai satu *privatization project* oleh sebuah syarikat kepunyaan SADC Sabah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tadi yang mengatakan Melaka FM dan baru-baru ini kita tahu pelancaran Terengganu FM, Kedah FM dan Penang FM. Setahu saya kesemua ini tidak dirangkumi dalam bajet yang telah dirancang sebelum ini dan sebab itulah ada rungutan daripada yang kita dengar di mana tuntutan untuk kakitangan RTM kadangkala kena mengambil masa 7, 8 bulan.

Jadi bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, adakah benar bahawa yang FM-FM ini memang tidak dalam perancangan asal. Berapakah kosnya dan kenapa kos itu dibelanjakan? Dan saya sering mendengar bahawa kementerian ini tak cukup peruntukan kewangan. Bagaimana Yang Berhormat sendiri dapat menentukan di manakah projek yang patut dijadikan sebagai projek keutamaan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebenarnya soal RTM ataupun Kementerian Penerangan tidak cukup kewangan itu tidak timbul kerana kalau tidak cukup kewangan kita tidak akan membawa perubahan-perubahan ini. Malah kebanyakan perubahan yang telah kita buat adalah dari *saving*, dari penjimatan peruntukan yang kita sedia ada iaitu dalam bahasa Inggeris, *stretching our own budget*.

Jadi memanglah pada satu masa dahulu tuntutan itu mengambil masa 8 bulan, ada kadang-kadang setahun, dua tahun tapi Insya-Allah sekarang kita sudah ada satu *benchmark*, semua tuntutan hendaklah diselesaikan dalam masa dua ke tiga minggu. Tetapi tuntutan yang bawah daripada RM2 ribu itu akan diselesaikan dalam masa dua, tiga hari, kadang-kadang dengan *cash*. Jadi saya ingat, alhamdulillah, sekarang ini tidak ada lagi masalah lambat bayar dan sebagainya.

Saya mengambil perhatian cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Ledang mengenai kita perlu membela artis-artis kita yang berjasa seperti Ahmad Jais dan sebagainya. Dengan ringkasnya saya ingin menyatakan bahawa menerusi beberapa rancangan bersama dengan Persatuan Penyanyi-penyanyi Tanah Air atau ringkasnya PAPITA, menerusi Persatuan Seniman Malaysia dan juga menerusi dua syarikat yang lain, sukacita saya menyatakan bahawa semua seniman Malaysia yang benar-benar perlu pembelaan, perlu bantuan dari segi wang ringgit telah pun mendapat pembelaan tersebut, semua yang benar-benar perlu.

Tetapi kalau mereka walaupun sudah tua, sudah berjasa tetapi anak dia ada dua, tiga orang *graduata*telah, itu dan ini, maka kita tidak dapat beri. Tetapi yang benar-benar perlu bantuan, kita pun terkejut memang banyak yang begitu berjasa tetapi memang terabai begitu jasa. Sekarang alhamdulillah dengan rancangan-rancangan ini kita telah pun ambil kira semua, jaga semua, kita ada sedikit sebanyak masalah pelaksanaan pada peringkat awal tetapi semua kekusutan tersebut sedikit sebanyak kita telah pun membereskan. Ada juga misalnya, dari segi pengiktirafan, dari segi bintang dan sebagainya, saya akan berunding dengan rakan saya Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dan kita tengok bagaimana kita dapat membetulkan keadaan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya, saya sedikit saja Tuan Pengerusi. Soalan anak P. Ramlee itu, tuntutan daripada royalti P. Ramlee, sudah *settle* ke benda itu? Oleh kerana Datuk semua kita akan

bincang ini, Sazali ini, “*Anakku Sazali*” itu, Sazali masih belum dapat pembelaan oleh kerana royalti daripada lagu-lagu ayah beliau dulu belum lagi diterima. Itu maklumat yang saya terima enam, tujuh bulan lepas. Jadi sekarang ini macam mana keadaannya? Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, P. Ramlee ada banyak anak. Anak betul, anak angkat tetapi bagi saya anak angkat itu anak betullah, anak jugalah ya. Jadi Nasir, alhamdulillah kita telah pun dapat memberi kerja kepada beliau dari kerja macam-macam RM500-RM600, sekarang RM2,000 lebih iaitu di Istana Budaya sebagai seorang pemuzik.

Kita tawarkan juga satu jawatan yang baik, pakai baju tangan panjang, pakai *neck tie*, seluar hitam sebagai pegawai keselamatan di Malaysian Tourism Centre dulu kepada Sazali – anak saya pun nama Sazali – [*Ketawa*] jadi kita tawarkan jawatan kepada dia, pujuk punya pujuk, sanggup hendak kira rumah tiga bilik di bandar raya dan sebagainya tetapi beliau tolak semuanya. Dia masih kata tidak apalah, dia angkat sampah pun, kerja dengan syarikat angkat sampah. Akhirnya kita dapat memberi sedikit kewangan, peruntukan untuk memperbaiki rumah yang beliau tinggal bersama isterinya dengan cukup bahagia. Jadi soal anak-anak P. Ramlee kebanyakannya kita telah pun dapat membela. Mengenai royalti memang satu masalah berat bukan sahaja mengenai P. Ramlee tapi juga royalti bagi seniman-seniman kita yang lain. Ini sedang dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, terima kasih. Saya beri jaminan bahawa TV1, TV2 dan radio-radio kita tidak akan ada langsung program-program unsur jenayah ataupun unsur-unsur yang tidak memajukan ataupun menghindarkan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional, Insya-Allah. Kalau terdapat satu itu, mungkin terlepas pandang, bolehlah Yang Berhormat beritahu saya, kita akan perbetulkan.

Mengenai iklan-iklan....

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan sedikit tak?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sedikit sahaja, sekejap. Mengenai iklan pun begitu juga kerana kita ada *self-censorship* iklan-iklan yang tidak mencerminkan ciri-ciri budaya Malaysia dan sebagainya pun kita tidak akan membenarkan dalam TV1 dan TV2. Sekurang-kurangnya TV yang menggunakan wang rakyat terjaminlah dari benda-benda yang Yang Berhormat tidak suka. Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan program TV ini, TV1 dan TV2, sejajar dengan konsep Islam Hadhari kerana ia adalah merupakan satu pendekatan untuk kebaikan bukan sahaja orang Islam tetapi juga kepada orang bukan Islam. Saya mengucapkan tahniah kepada RTM kerana beberapa program seperti Al-Tijarah pada bulan Ramadhan dan program macam saya sebutkan tadi dalam ucapan saya Forum Perdana dan sebagainya. Tetapi pendekatannya kalau bolehlah saya hendak mencadangkan supaya program-program yang boleh memberi satu mesej pada masyarakat kita. Umpamanya saya bagi contohnya, ini mungkin sudah ada rancangan tetapi saya hendak cadangkan di sini, program-program yang menonjolkan usahawan-usahawan Islam yang berjaya, anak mereka pun boleh memberi sumbangan sosial kepada membantu kerajaan sama ada secara individu, mereka naik dengan secara individu bukan setakat syarikat-syarikat besar, GLC milik kerajaan dan sebagainya.

Ini boleh kita tonjolkan selain daripada program mempamerkan *scene-scene* yang mengajar kepada kebaikan. Misalnya saya bagi contoh di dalam drama boleh ditonjolkan apabila masuk waktu solat. Memang azan telah dilakukan oleh RTM sejak begitu lama, walaupun di sini saya pernah mencadangkan secara langsung selain daripada satu masjid pada hari Jumaat, mungkin kita boleh ubah kepada masjid daerah, masjid mukim sebagai pendekatan imam-imam yang ada di kampung-kampung. Kemudian di dalam drama ini boleh kita tunjukkan apabila masuk waktu sebagai contoh. Waktu solat, para pekerja berlumba-lumba hendak ke masjid dalam drama itu, ini pun salah satu cara kita mengajak umat Islam lebih dekat kepada usaha kerajaan mengenai Islam Hadhari yang begitu luas, dan mungkin juga boleh menunjukkan kepentingan Islam itu merangkumi pelbagai aspek, contohnya dengan budi bahasa, pertuturan, mungkin bahasa-bahasa yang tidak begitu menjadi amalan kita, boleh diketengahkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Maklum sahajalah untuk generasi muda yang akan datang. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju dalam *rebranding* ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ... yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat ini kita puji, jadi dapat terus diangkat sebagai satu martabat budaya, bahasa dan juga cara hidup Islam yang kita cuba ketengahkan dalam satu

kebaikan dasar Kerajaan Barisan Nasional bukan PAS. PAS tidak apa ini, tengoklah, pilihan raya kecil... tidak ada dalam Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini pun boleh Yang Berhormat gambarkan. PAS tidak boleh bising dalam Parlimen dia tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Seolah-olah macam kita tidak ambil berat sangat dalam masalah Islam, apa pandangan Yang Berhormat tentang hal ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat habiskan sebelum 5.30 petang?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Insyallah, saya ingat tidak banyak lagi. Tadi Yang Berhormat bagi Larut telah pun membangkitkan mengenai program agama. Sebenarnya program-program agama kita waktu pagi, sepanjang waktu sembahyang dalam bulan Ramadhan - banyak, jadi saya... saya dapat nota di sini mengenai program-program yang kita telah pun siarkan, tetapi saya tidak boleh baca tulisan mereka ini. Ini kena perbetulkan sedikit tulisan. *[Ketawa]* Ok, tetapi saya akan beritahu dengan bertulis kepada Yang Berhormat.

Cadangan Yang Berhormat supaya siaran langsung mengenai Kutbah Jumaat dan sebagainya diadakan di masjid-masjid tertentu termasuk masjid-masjid yang bersejarah dan sebagainya, ini telah pun kita melaksanakan. Saya telah arah, ini idea yang baik, tetapi saya tidak tahu sama ada ia diteruskan atau tidak, tetapi kalau tidak diteruskan saya harap mereka akan teruskan, ini ada di sini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya sebut itu kerana orang menganggap bahawa apabila ada siaran langsung, *live telecast*, kita mengeluarkan duit kerajaan untuk RTM. Kita mungkin boleh mencari penaja. Penaja-penaja mungkin akan mengambil kesempatan untuk menaja siaran langsung tersebut. Ini tidak bermakna bila ada siaran langsung itu, hanya memerlukan wang kerajaan. Mungkin kita boleh ubah pendekatan ini dengan mendapat penaja-

penaja daripada syarikat-syarikat untuk menaja siaran langsung yang mendatangkan manfaat kepada umat Islam. Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Alhamdulillah, apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sedang kita laksanakan, termasuk juga untuk menonjolkan peristiwa-peristiwa kejayaan orang Islam dan sebagainya. Misalnya dalam Mahligai Gading kalau kita mengikuti drama bersiri itu, kita menunjukkan juga bagaimana orang kampung biasa kalau dia betul-betul berusaha dia boleh jadi berjaya dan dalam itu pula kita cuba menjadikan sektor pertanian itu sebagai satu sektor yang berprestij bukan satu sektor yang berkait rapat dengan kemunduran dan sebagainya. Tetapi satu sektor yang juga *glamour*, kata orang "*glamorous*". Kalau kita mengikuti siri itu, saya yakin Yang Berhormat akan tahu kita sedang cuba melaksanakan apa yang dinyatakan tadi ini. Yang Berhormat bagi Jasin...

Tuan Razali bin Ibrahim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat...

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila.

Tuan Razali bin Ibrahim: ... sebelum Yang Berhormat menamatkan ucapan sebelum ditanya oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat ada menyatakan tentang sekurang-kurangnya budaya kita akan diperkekalkan dalam iklan TV1 dan TV2. Saya ingin bertanya adakah ia membolehkan stesen TV lain menunjukkan perkara yang bertentangan dan saya ingin bertanya tentang kita ada satu keputusan kerajaan di mana perlakuan merokok, minuman keras tidak boleh ditonjolkan di dalam televisyen dan ini juga terpakai kepada sistem televisyen bukan milik kerajaan. Jadi saya ingin tahu apakah pendirian kerajaan hari ini kepada satu lagi perkara di mana dahulu satu ketika pemandangan pelakon dalam iklan mestilah mereka yang datang daripada negara kita, tetapi hari ini kita boleh lihat sesetengah iklan telah mula menggunakan mereka dari luar. Apa kedudukan perkara ini?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat bangkitkan perkara itu. Saya rasa soalan tersebut hendaklah ditujukan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Memang ada satu peraturan kerajaan yang tidak membolehkan iklan-iklan yang banyak menggunakan pelakon dari

luar. RTM TV1, TV2 kita memang patuh kepada keputusan tersebut. Dan begitu juga dengan... saya terlupa soalan yang awal-awal tadi.

Tuan Razali bin Ibrahim: Sama ada TV swasta boleh menunjukkan perkara ini?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Iklan?

Tuan Razali bin Ibrahim: Iklan ini.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak bolehlah, tetapi masalah pemantauan, masalah *enforcement*. Jadi eloklah soalan ini ditujukan kepada...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya ada buat cadangan tadi Yang Berhormat. Akta penyiaran...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: itu kenapa tidak kita kembali balik...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: kepada Kementerian Penerangan supaya Kementerian Peneranganlah satu-satunya badan yang menguasai segala stesen swasta ini sebagaimana dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini lebih baik. Sebenarnya satu badan sahaja, apakah pandangan Yang Berhormat, kalau perlu akta penyiaran ini dikembalikan balik kepada Kementerian Penerangan. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang hal ini?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, perkara itu telah pun saya menjelaskan awal tadi, masa saya jawab awal-awal tadi, saya telah pun jawab dengan panjang lebar tentang keputusan kerajaan, saya akan beri penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat di kantin kemudian.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Cik Tan Lian Hoe: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sila.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu lagi yang mungkin Yang Berhormat Menteri tercicir tentang soalan saya tadi, tentang rancangan berunsurkan pendidikan di kalangan murid-murid sekolah dan juga iaitu generasi muda seperti syarahan, pidato dan juga perbahasan. Saya tertarik dengan siaran ini apabila saya berada di Taiwan, ketika saya melihat rancangan dari Singapura di mana adanya pelajar-pelajar dalam syarahan dan pidato. Ini telah pun menunjukkan bahawa ada rancangan bentuk begini, sebenarnya kita mencungkil bakat muda kita dan juga kita akan membentuk mereka menjurus kepada golongan yang lebih intelektual. So, saya mohon mungkin Yang Berhormat Menteri dapat memberi tempat pada rancangan-rancangan seperti ini, terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Itu memanglah sebagaimana yang saya kata pada awal tadi ini, jelas kita hendak perbanyakkan lagi program-program yang memajukan dasar-dasar kerajaan, nilai-nilai murni dan sebagainya khususnya di kalangan pelajar-pelajar tersebut. Memang sudah pun ada program-program sebegitu sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat kehendaki, tetapi insya-Allah kita akan cari jalan supaya perbanyakkan lagi program-program tersebut. Ok, Yang Berhormat bagi Jasin pula, saya dapat nota di sini...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi kepong bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat bagi Kepong?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat bagi Larut tadi tidak mengikut peraturan. Tidak minta izin pun, cakap pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan Yang Berhormat, saya hendak penjelasan mengenai itu macam mana kita dapat memantapkan program-program di dalam TV kita RTM1, RTM2 dan juga FM kita itu.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Radio?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Radio? Radio...

Dr. Tan Seng Giaw: Radio kita itu, sebab saya setiap hari ada dengar. Tetapi 6.30 kita ada bacaan Al-Quran dan larut malam kita ada juga. Jadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat betul jugalah. Banyak di dalam radio dan TV.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dr. Tan Seng Giaw: Larut boleh diam sedikit, kita hendak bincang radio dan televisyen bukan Larut dan Yang Berhormat sendiri pun di dalam 10 tahun dan ulang tahun ASTRO pun ada mengatakan sumbangan mereka begitu banyak untuk siaran televisyen. Kita boleh tengok begitu mantap program-program di ASTRO itu sama ada di CNN, BCC, sama ada kandungan itu diketepikan, cuma persembahan itu, CCTV dan sebagainya. Macam mana kita adakan warna dan amalan tempatan dan sambil itu kita mantapkan supaya kita boleh bersaing dengan orang lain.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa kerajaan hanya mempunyai dua saluran televisyen iaitu TV1 dan TV2. TV1 pada keseluruhannya dalam bahasa Malaysia, sungguhpun ada sedikit sebanyak program dalam bahasa lain, TV2 ini ada bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa India dan sebagainya. Jadi banyak program-program agama itu di TV1 dan tidak mengganggu sangat kecuali ada siaran agama dalam bahasa Inggeris itu ada juga tetapi itu dalam TV2. Jadi memang kalau kita hendak bersaing dengan ASTRO dan dengan TV swasta kita tidak mahu langsung memikir soal persaingan. Kita Cuma hendak membaiki kedudukan kita dan kita berharap TV lain juga akan patuh kepada apa yang baik untuk negara kita, itu sahaja. Saya tahu bahawa ada juga kebaikannya dan bukan tidak ada langsung tetapi itu masalah pemantauan, *enforcement* dan sebagainya. Tetapi dari segi TV1 dan TV2, saya yakin bahawa dalam masa terhad yang kita mempunyai dalam sekatan-sekatan yang berbagai-bagai dan sebagainya kita telah pun dapat berjaya mengadakan program-program yang sebaik mungkin.

Jasin tadi minta kalau boleh Warta Perdana jam 8 malam itu kalau boleh diubahkan *time* nya. Saya ada nota di sini dari pegawai-pegawai saya bahawa perkara ini telah pun dikaji beberapa kali dan didapati kebanyakan rakyat memang hendakkan supaya Warta Perdana itu dikekalkan pada 8 malam sebabnya bukan semua pergi sembahyang masjid tetapi kebanyakan sembahyang di rumah dan di samping orang perempuan dan sebagainya. Jadi kebanyakan mereka rasa pukul 8 itu sesuai. Beliau juga menghendaki banyak program tempatan. Boleh dikatakan semua drama kita

sekarang ini yang ditunjukkan di TV1 dan TV2 banyak juga drama tempatan dan semuanya memajukan dasar-dasar kerajaan termasuk saya harap semua Ahli Yang Berhormat dapat mengikuti siri drama Mahligai Gading yang memang cuba untuk memupuk semangat bangsa Malaysia di samping untuk mempromosikan sektor pertanian dan sebagainya.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali kepada masa penyiaran berita-berita, adakah ini menjadi satu dasar kerajaan bahawa semua TV stesen terpaksa menyiarkan berita pada pukul 8 iaitu *prime time* sebab saya tengok macam TV3 dia pukul 8, TV1 pukul 8 dan TV2 pun pukul 8 tetapi dalam Mandarin, kadang-kadang dalam Tamil. Adakah ini satu peraturan ataupun satu dasar kerajaan supaya semua orang ada *level playing field fair* semua pukul 8 ataupun kalau tidak ada, mengapa kita tidak boleh ada satu rancangan untuk menyesuaikan TV dari satu stesen ke satu stesen, apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya telah diberitahu bahawa memang telah ada satu perbincangan di antara semua stesen-stesen radio untuk waktu yang paling sesuai untuk Warta Perdana dan mereka semua telah bersetuju dan ini telah pun disahkan oleh jemaah menteri dan di *endorse* oleh jemaah menteri iaitu diadakan pukul 8 malam, tetapi berita yang lain-lain itu, sebelum atau selepas itu bolehlah masing-masing pilih waktu yang paling sesuai.

Berbalik kepada Ahli Yang Berhormat Jasin juga ingin saya menyatakan bahawa kita telah pun banyak meningkatkan peralatan TV ini termasuk kamera-kamera yang dia hendak dimodenkan dan dicanggihkan. Saya ucap terima kasih kepada beliau di atas keprihatinan beliau itu tetapi kita akan membaiki lagi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Begitu juga insya-Allah lebih kurang pertengahan tahun hadapan kita akan lancarkan saluran digital kita untuk Lembah Kelang dan pada waktu itu kita akan cuba adakan saluran tambahan mungkin Rancangan Malaysia Ketiga dan sebagainya. Mungkin kita akan dapat memperbanyakkan lagi sidang-sidang Parlimen dan kita akan memikirkan bagaimana kita dapat menyiarkan lagi kegiatan ahli-ahli parlimen dalam program-program yang akan datang ini, insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya akan kaji kenapa rancangan bahasa Iban di radio, time ditukar, peralatannya tidak baik dan sebagainya. Sebagai dasar kita memang hendak pastikan supaya orang-orang Iban kita khususnya penduduk di luar bandar kita mempunyai siaran yang lengkap supaya kita dapat membantu, membaiki hidup mereka, memajukan kedudukan sosioekonomi mereka dan sebagainya. Insya-Allah, saya akan siasat perkara ini dan cuba akan baiki keadaan jika perlu dibaiki. Kita juga ada terima cadangan yang baik iaitu supaya diperbanyakkan lagi kursus-kursus untuk pegawai-pegawai radio kita.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, *[sambil melihat ke arah Yang Berhormat Kuala Terengganu]* tidak ada di sini. Saya terima baik, banyak cadangan beliau tentang penjenamaan semula, untuk membaiki content dan untuk tingkatkan keberkesanan profesionalisme pegawai-pegawai kita dan kalau boleh jangan banyak sangat pegawai-pegawai kontrak tetapi lebih banyak lagi jawatan-jawatan sepenuh masa, semua ini saya ambil perhatian dan insya-Allah kita sedang lancarkan secepat mungkin, sedang lancarkan tetapi kita akan perhebatkan lagi.

Ahli Kubang Kerian, dia tidak ada di sini, Kubang Kerian dia tidak ada di sini tetapi saya ingin menyatakan bahawa banyak apa beliau sarankan tadi ini, kita sudah pun melaksanakan, tentang program-program seperti Debat Perdana, Debat Perdana adalah untuk kita membahaskan isu-isu nasional atau masalah-masalah nasional dan kita tahu masalah-masalah ini tidak dapat diatasi kecuali ianya dilaksanakan secara satu usaha nasional dan itulah sebabnya kita telah menjemput juga ahli-ahli parlimen ataupun pemimpin-pemimpin dari parti pembangkang juga untuk mengambil bahagian.

Begitu juga kita telah pun menyiarkan secara langsung dan kita ada juga pelbagai program supaya kita dapat merayakan bersama semua perayaan-perayaan utama di negara-negara kita ini iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas termasuk juga Gawai Dayak dan juga Tadau Keamatan. Kalau ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, setiap kali kita ada perayaan-perayaan ini, ini bukan hanya ditumpu kepada perayaan di peringkat nasional sahaja tetapi sememangnya kita ada program-program untuk menggalakkan rakyat merayakannya di seluruh negara. Cuma malangnya dengan parti PAS ini, di parlimen dia bercakap lain tetapi apabila dia masuk dalam kampung dia marah kerajaan sebab kita menggalakkan majlis-majlis rumah terbuka dan kita menggalakkan Yang di-Pertuan Agong kita pergi rumah terbuka, Hari

Raya Cina, Deepavali dia marah di kampung tetapi di sini dia bercakap dengan nada yang lain, ini masalahnya *[Ketawa]*

Kuala Terengganu, saya sudah ambil perhatian semuanya, begitu juga dengan Kota Bharu, saya ucap terima kasih kepada pandangan-pandangan beliau dan malah usaha kita memperkenalkan Debat Perdana itu adalah suatu usaha ke arah apa yang beliau cadangkan itu. Program ini akan diteruskan dan kita akan ada juga program-program yang lain yang akan sedikit sebanyak membuka perbincangan di kalangan rakyat kita supaya semuanya dapat berbahas dengan bebas dan lepas itu semuanya akan bersama-sama berusaha untuk mengatasi masalah-masalah nasional ataupun memajukan agenda-agenda nasional.

Begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sama juga. Apa yang beliau cadangkan itu kebanyakannya telah pun kita laksanakan. Tetapi agaknya beliau tidak tengok program-program ini. Dia tengok Astro sahaja agaknya. Tidak apalah. Tapi kebanyakan apa yang dicadangkan oleh beliau itu kita memang telah pun melaksanakan.

Ahli Yang Berhormat bagi Rembau, saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan-cadangan yang cukup bernas. Insya-Allah kita akan mempertingkatkan pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut termasuk mengenai masalah iklan saya telah pun menjawabnya.

Mengenai pengkorporatan RTM. Ini satu persoalan. Saya hendak ambil kesempatan di sini untuk menjawabnya. Memang kita ada satu dasar yang telah pun dipersetujui supaya RTM dikorporatkan. Dikorporatkan bermakna itu RTM mampu untuk berdikari dan dapat menguruskan dirinya sebagai satu entiti yang dapat berdikari. Tidak payah banyak bergantung kepada peruntukan daripada kerajaan, itu tujuannya.

Jadi, semua usaha untuk menjenama semula radio, televisyen untuk mempertingkatkan profesionalisme pegawai-pegawai semuanya ke arah itu. Untuk meningkatkan *rating*, untuk meningkatkan *revenue* dan sebagainya. Jadi kalau ini dah sampai ke satu tahap yang munasabah, maka pada waktu itu kita boleh melaksanakan pengkorporatan. Kalau dia tidak sampai ke tahap yang munasabah, maka kita hendak korporatkan RTM lepas itu pergi ke Kementerian Kewangan minta peruntukan dia tidak akan bagi. Maka dua stesen kepunyaan kerajaan ini pun akan hilang macam itu sahaja.

Dato' Firdaus bin Harun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, Rembau.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sedangkan kita perlu dua stesen ini. Yang inilah ada dua stesen yang kita boleh majukan dasar-dasar kerajaan, kita memajukan usaha untuk memupuk bangsa Malaysia, kita guna untuk majukan budi bahasa, nilai-nilai murni dan sebagainya. Kalau ini pun hilang, maka kita tidak ada apa lagi dah.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Ada tidak kementerian menetapkan *target date* ataupun jangka masa supaya pengkorporatan ini dapat dijalankan memandangkan hebahan ataupun makluman mengenai perkara ini pun telah agak lama. Saya ingat dah lebih dalam 10 tahun dan kalau dilihat daripada *trend* yang ada sekarang ini pun nampaknya RTM agaknya telah bersedialah ditengok daripada perubahan-perubahan yang ada. Cuma mungkin dari segi perancangan tadi. Bila agaknya? Dua tahun lagi? Tiga tahun lagi? Lima tahun lagi ataupun macam mana? Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kita ada banyak pengalaman di mana kita telah mengkorporatkan banyak badan yang lain. Bila dah korporat, lepas itu kita hendak minta wang dari Kementerian Kewangan untuk hendak baiki itu, hendak baiki ini hendak perbanyakkan program begitu begini, dia kata, "Eh, *you are the corporation. You* patut berdikarilah. *You have to be efficient*", kata dia begitu dengan izin. Ini masalahnya.

Jadi, insya-Allah apabila kita bersedia kita akan bersedialah. Sekarang siang malam pegawai-pegawai sedang bekerja bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kedudukan sistem pentadbiran mereka, sistem kewangan mereka, tingkatkan *rating* kita di samping memenuhi tanggungjawab kerajaan, tanggungjawab kepada rakyat dan sebagainya. Insya-Allah bila sampai waktunya. Tapi bukan maknanya bila dah korporat itu dia akan membawa satu keadaan yang cukup baik.

Kadang-kadang kita terfikir juga hari ini, kita ada dua stesen inilah tinggal untuk memajukan dasar-dasar kerajaan. Tadi pun ramai Ahli Yang Berhormat kata kita jangan peduli pasal *revenue*. Kita perlu pentingkan kepentingan rakyat dan negara dahulu. Tapi kalau *revenue* tidak ada, *disqualified* untuk hendak dikorporatkan. Jadi yang mana satu?

Tuan Razali bin Ibrahim: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak apa, insya-Allah kita sedang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:menuju ke arah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut dan Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim: Okey. Saya cuma hendak bertanya. Saya setuju. Kita tidak boleh fikir pasal semua perkara dalam satu masa. Adakah tidak pihak kerajaan menimbangkan untuk mengadakan satu stesen, untuk bersaing dengan syarikat swasta. Di mana dua lagi ini menjalankan tugas yang seperti Yang Berhormat katakan. Tetapi diwujudkan satu stesen dibuat khusus untuk memikirkan tentang *revenue*, tentang keuntungan supaya kerugian yang dihadapi ini dapat ditampung oleh syarikat ataupun satu lagi stesen khusus dibentuk untuk bersaing dengan syarikat swasta.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Memanglah itu satu idea. Tetapi kita kena fikir kita ini adalah negara yang lain dari yang lain. Negara berbilang kaum, berbilang budaya, berbilang bahasa dan semua kelainan ini dijamin oleh Perlembagaan kepada kaum-kaum tertentu. Tapi dalam masa yang sama juga kita hendak membina satu bangsa Malaysia.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:yang adil.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ini bukan mudah. Jadi saya ingat biarlah soal keuntungan apa semua itu difikir oleh TV swasta, radio swasta.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kita tumpukan kepada kepentingan nasional.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *Last* Yang Berhormat saya hendak tanya. Saya rasa Yang Berhormat, bolehkah kita wujudkan satu saluran televisyen sukan? Sekarang ini belum ada lagi. Kita tengok macam ESPN mengaut keuntungan, *Star Sport* dan sebagainya.

Jadi, apakah Yang Berhormat melihat supaya satu stesen saluran sukan wajar diwujudkan sekarang dan telah tiba masanya kita memikirkan perkara ini kerana dengan

banyaknya kegiatan, contohnya kita lihat bagaimana idea yang telah diterbitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - *Monsoon Cup*. Orang tidak pernah terfikir musim tengkujuh di Pantai Timur di Terengganu. Ini satu usaha yang mungkin akan dapat satu siaran yang begitu luas di peringkat antarabangsa.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat melihat penggabungan kalau dahulu kita ada TV3 peringkat swasta, NTV7, *Channel 8*, *Channel 9* selain daripada Astro. Apakah Yang Berhormat melihat RTM bukan hendak bersaing dengan mereka ini tapi dengan penggabungan stesen 8, 9, NTV7 diletakkan di bawah TV3 sekarang ini apakah dari sudut penyiarannya, kualitinya akan bertambah baik atau sebaliknya? Apa pandangan Yang Berhormat sebagai seorang Menteri Penerangan tentang perkara ini kerana kita hanya tinggal sekarang RTM sebagai satu badan, Astro dan TV3 dengan NTV7, *Channel 8* dan *Channel 9* yang telah bergabung. Cuma tinggal tiga sahaja pada masa ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Memang apabila usaha pendigitalan kita ini selesai sekurang-kurangnya untuk Lembah Klang pada pertengahan tahun depan kita akan cuba adakan dua saluran lagi dan salah satu saluran memang kita sedang memikir sekarang ini ialah saluran yang banyak sukan, ya. Insya-Allah kita akan memikirkan bila sampai waktunya. Tapi kalau kita hendak mendigitalize seluruh negara akan memakan belanja lebih kurang RM2 bilion, tapi kita tentu ada satu *target* yang kita rasa kita harus capai dalam masa 15 tahun lagi.

Okey, mengenai sama ada baik buruknya penggabungan stesen-stesen swasta yang lain itu, kita doa dan berharaplah supaya semua stesen televisyen, radio di negara kita akan bertanggungjawab. Mereka boleh kata orang mencari keuntungan. *No problem*, itu memang digalakkan. Kita hendak semua syarikat di Malaysia kita ini mendapat keuntungan, tetapi dalam masa yang sama kita harap semuanya akan bertanggungjawab dan selalunya memberi perkiraan kepada kepentingan negara.

Okey, Kuala Selangor saya ingat kebanyakan soalan beliau saya telah pun jawab mengenai korporat, mengenai Akta Penyiaran, mengenai Warta Perdana, mengenai pegawai JSA, pegawai penerangan dan sebagainya. Ipoh Timor telah pun bangkit mengenai *live telecast*. Ini insya-Allah. *Live telecast* itu mungkin sukar tetapi kita akan perbanyakkan lagilah siaran-siaran mengenai Parlimen dan sebagainya apabila kita dapat saluran tambahan insya-Allah pada pertengahan atau akhir tahun hadapan.

Kita akan cuba juga menggalakkan keterbukaan dan sebagainya sedaya mungkin, tetapi kita tidak boleh lupa bahawa ada kepentingan-kepentingan yang lebih penting daripada soal keterbukaan dan sebagainya iaitu kepentingan nasional, kepentingan keselamatan bangsa Malaysia, soal memupuk perpaduan dan sebagainya. Jadi keterbukaan ini semua boleh tapi ia mestilah jadi nombor dua, nombor satu adalah kepentingan negara.

Sabak Bernam, saya ucap terima kasih di atas cadangan-cadangan beliau mengenai ceramah visual semua ini, saya telah pun jawab tadi ini. Kita sedang melatih pegawai-pegawai kita dan kita akan perbanyakkan lagi ceramah-ceramah dengan menggunakan balai raya. Alhamdulillah ini adalah satu cadangan yang baik dengan juga menggunakan visual. Malah sekarang kita sedang tubuhkan mini pentarama. Di seluruh negara kita sedang dalam proses. Kita ada wang, kita sedang menubuhkan mini pentarama. Mini pentarama ini akan mengikuti penceramah-penceramah kita ke kampung-kampung. Sambil dia ceramah sambil juga dia akan adakan hiburan dan juga visual.

Yang Berhormat Parit, saya telah jawab kebanyakan soalan beliau jangan bersaing dengan swasta dan kita ada tugas dan tanggungjawab kita sendiri dan juga program-program untuk mencegah atau membantu dalam kita memerangi AIDS, rasuah dan lain-lain. Ini memang sedia ada program yang berbagai-bagai termasuk juga program Debat Perdana.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Debat perdana kita sengaja bagi peluang juga kepada parti-parti pembangkang kerana *problem-problem* ini masalah ini tidak dapat diselesaikan kecuali ada suatu usaha semua orang, semua pihak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: ...iaitu kerajaan, swasta, NGO, parti kerajaan, parti pembangkang semua kerja kita kerja sebagai satu pasukan barulah kita dapat mengatasi masalah AIDS, masalah rasuah, masalah dadah dan sebagainya. Habis sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Sabak bernam hendak tanya, tidak payah?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya sangat menyanjung tinggi kenyataan menteri tadi bahawa ramai pegawai kita bekerja sampai malam. Malah baru-baru ini saya pergi ke Jabatan Perdana Menteri ramai pegawai kita di peringkat pusat ini bekerja sampai malam, kita sangat menyanjung tinggi.

Tetapi kita harap dilihat di peringkat bawah supaya mereka ini dapat diberikan lebih perhatian supaya khidmat bakti itu dapat berterusan ke bawah. Keduanya ialah saya ada mencadangkan supaya *celebrity* kita umpamanya tokoh artis kita dimanfaatkan melalui TV1 dalam iklan untuk mencegah jenayah sosial dan seumpamanya. Jadi mereka ini kalau boleh kita gunakan ini sebagai sumbangan sosial mereka, janganlah kerana komersial. Banyak sekarang ini kita nampak bahawa mereka ramai digunakan kerana komersial, kerana keuntungan kewangan semata-mata. Mungkin RTM boleh memanfaatkan mereka ini untuk kepentingan rakyat, terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih itu adalah satu cadangan yang cukup baik. Sekarang ini kebanyakan iklan-iklan yang kita tayang di TV1, TV2 dan juga di radio-radio kami berkaitan dengan tanggungjawab kementerian lain adalah dibekalkan oleh kementerian itu.

Kita cuma tayang sahaja tetapi yang buat rakaman, visual dan sebagainya adalah datang dari kementerian-kementerian yang berkaitan tetapi insya-Allah cadangan Yang Berhormat itu adalah cadangan yang baik, kita akan cuba laksanakan dalam program-program kita yang akan datang.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Itu sahaja yang saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Santubong bangun Yang Berhormat Menteri.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat Putatan *last* sekali Yang Berhormat Putatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong bangun hendak bagi jalan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebelum sampai ke soalan saya tadi, kalau berhenti itu tidak gunalah saya cakap.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Apa dia soalan Yang Berhormat? Marah ini apa pasal?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan marah Yang Berhormat Menteri, saya rasa terkilan. Yang Berhormat Menteri sudah hendak duduk jadi soalan Santubong belum sampai lagi.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Banyak sangat.....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau pegawai tidak catat, kenapa tidak catat Santubong, yang lain dicatat?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *No, no*, kebanyakan soalan Yang Berhormat yang dibangkitkan itu saya telah.....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tanya Tuan Pengerusi, minta maaf Tuan Pengerusi, saya kata tadi soalan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tanyalah apa yang Yang Berhormat hendak tanya ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okey saya tanya, saya tanya. Yang saya bangkit tadi, saya hendak buka buku lagilah macam ini berucap lagilah semula.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak, tidak saya ada semua ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minta 10 minit Tuan Pengerusi berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Janganlah berucap Yang Berhormat, kena tanya pada dia.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan, soalan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mungkin juga soalan Yang Berhormat itu telah dijawab bersama-sama dengan soalan yang lain tadi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pun tidak tahu lagi hendak cakap macam inilah Tuan Pengerusi. Saya ini jarang membuang masa paling lewat.....

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat saya ada catat di sini, mengenai penyelarasan itu saya sudah jawab panjang lebar tadi ini, ada

satu mungkin saya tertinggal saya minta maaf. Bagaimana kita nilai stesen-stesen radio, adakah dari segi dia punya *revenue* dan sebagainya.

Itu saya minta maaf saya tertinggal itu sahaja, maka itu sebenarnya kita tidak menilai dari segi siapa nombor satu, nombor dua, nombor tiga. Pengarah-pengarah RTM di setiap negeri itu dia boleh tahu dari program-program yang disiarkan dan sebagainya sama ada pegawai-pegawai yang di sana itu cekap atau tidak, perlu dilatih ke atau perlu diberi bantuan dan sebagainya. Kadang-kadang kita tahu ada pegawai yang memang cekap, rajin, ada pegawai yang kurang cekap kurang rajin, ada pegawai yang memang tidak cekap, itu kena latih semula. Ini perkara biasalah, jadi bos-bos mereka, bos tempatan mereka itu akan mengetahui perkara ini dan kita akan baiki di mana boleh.

Mengenai cerita-cerita luar bandar apa semua ini, memanglah sepanjang masa kita memperbanyakkan, itulah sebabnya di Sarawak ini kita ada tiga radio. Sedangkan di negeri-negeri lain satu radio sahaja. Di Sarawak iaitu Kuching, di Miri dan juga di Sibiu. Di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, di Sandakan dan di Tawau. Memang peruntukan-peruntukan pun memang banyaklah, bilangan pegawai-pegawai di Sabah Sarawak pun jauh lebih banyak dari negeri-negeri di Semenanjung, jadi itulah jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Santubong.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: [*Bangun*]

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Last sekali dari Putatan, Yang Berhormat Putatan pun kebanyakan soalan saya telah jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat Menteri hendak bagi jalan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin bertanya, saya tadi bercakap satu soalan sahaja tentang kenapa tapak stesen pemancar RTM di kawasan saya itu, ditinggalkan, dipindahkan dengan tidak ada pengetahuan daripada daerah kemudian tapak itu sekarang ditinggal begitu sahaja, sama ada tapak itu boleh ditransferkan ke kementerian atau jabatan yang lain. Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Ahli Yang Berhormat saya minta maaf saya ada catat di sini, sebenarnya saya mungkin adalah ini

di dalam kertas-kertas yang banyak yang datang dari pegawai saya tetapi saya akan bagi secara bertulis.

Tetapi insya-Allah kalau bolehnya kita tidak hendak pindah-pindahlah, tanah yang sudah diberi kepada RTM kita akan pastikan kita guna untuk kepentingan Kementerian Penerangan. Saya akan berhubung dengan Yang Berhormat mengenai tanah tersebut, insya-Allah.

Seorang Ahli: Insya-Allah sahaja?

Tuan Baharum bin Mohamed: Tuan Pengerusi, masalahnya tanah itu terbiar sekarang jadi *quarters-quarters* yang ada dua buah sahaja yang digunakan, yang lain tidak digunakan, jadi saya takut kawasan ini akan jadi kawasan yang bermasalah dan ianya begitu berhampiran sekali dengan hospital daerah Segamat. Kawasan ini terletak dalam kawasan saya, jadi kadang-kadang saya risau juga tengok itu dan saya tengok tidak ada apa projek yang hendak dijalankan oleh pihak RTM di situ kerana mereka pun berpindah, orang kata datang tidak di undang, pergi tidak disuruh, jadi itu saya pun risau.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebenarnya bukan itu sahaja, banyak lagi tanah, di Kajang kita ada dekat 300 ekar tanah di Kajang. Begitu juga kita ada satu lagi di Port Klang. Port Klang kita ada juga di Sabah, akhirnya SCDC datang untuk buat cadangan dan banyak lagi tempat insya-Allah sekarang ini kita sedang uruskan semua tempat ini supaya kita dapat mempergunakan balik.

Bukan salah Kementerian Penerangan, memang sudah minta peruntukan tetapi tidak diluluskan, tidak dapat jadi tanah itu terbiar. Tetapi insya-Allah kita sekarang akan menggunakan satu kaedah baru iaitu cara penswastan dan sebagainya, kita akan berunding dengan Perdana Menteri untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh Yang Berhormat Menteri habiskan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh Yang Berhormat Menteri habiskan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ok, *last* sekali Yang Berhormat Putatan saya ucap terima kasihlah di atas, saya minta maaf dia bangun memang lama dia dok bangun. Tetapi insya-Allah kita akan bangunkan Kompleks RTM dalam masa yang paling singkat dan beberapa perkara lain, *cross promotion*, mengenai

harimau Malaya memanglah kita hendak percepatkan bangsa Malaysia ini, integrasi nasional, program kita berbagai-bagai. Semua cadangan Yang Berhormat saya telah catat kita akan cuba laksanakan, sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya sebenarnya adalah cadangan bagi tiap-tiap kementerian memberi satu slot di RTM1 atau TV2 supaya memberi maklumat kepada semua lapisan masyarakat, dasar-dasar kerajaan yang murni, bantuan-bantuan kerajaan kepada masyarakat terutama sekali dari Kementerian Keusahawanan, Kementerian Perikanan, Pertanian, MAPEN2, MAPEN 1, apa itu OPP3. Ini seharusnya diberi sebaran kepada semua lapisan masyarakat. Soal yang harimau Malaya itu saya sentuhkan tadi, ini adalah SMS yang saya terima pada semalam dan memerlukan penjelasan supaya orang-orang yang tersinggung perasaan itu Yang Berhormat Menteri memuaskan perasaan, supaya ini tidak akan terjadi lagi kerana komentator sukan tersebut adalah seorang yang berpengalaman.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya minta maaf memanglah itu satu kesilapan, saya akan cuba pastikan supaya ianya tidak berlaku, kita akan panggil pegawai itu pastikan benda itu tidak akan berlaku lagi. Jadi bagi pihak RTM saya mohon maaf mengenai perkara tersebut.

Tetapi kalau kita hendak beri ruang untuk setiap kementerian, kita tidak cukup ruang sebab kita hanya ada 24 jam, itu pun jam yang memang berguna ini hanya antara pukul 6 pagi sehingga 12 tengah malam, lepas itu banyak orang tidak menonton lagi TV. Namun demikian, kalau ada program-program tertentu, dasar tertentu, isu tertentu kita akan bagi ruang tetapi bukan sebagai yang sambung-menyambung sepenuh masa. Mengenai maklumat-maklumat yang lain saya telah bagi tahu kepada Yang Berhormat kita juga sekarang sudah ada pusat maklumat rakyat di setiap pejabat daerah, dan kita akan ada juga pegawai-pegawai kita yang 2,600 akan menjelajah ke seluruh negara. Semua ini kita akan memberi menerusi radio-radio negeri kita, radio tempatan kita semuanya boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Saya belum puas lagi Yang Berhormat Menteri. Ini bermakna prestasi Jabatan Penerangan sekarang ini tidak memuaskan kerana peranan mereka adalah kita sebagai kita punya mulut kepada kerajaan, menyebarkan apa yang kita buat kepada masyarakat supaya mengerti apa yang telah dirangka oleh kerajaan. Ini kurang pengertian daripada masyarakat kita. Seolah-

olah kita ini buat dalam buku sahaja, simpan buku itu dan rakyat masih kegelapan maklumat tersebut.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Itu yang saya nyatakan tadi ini, kita telah pun kenal pasti masalah ini dan kedudukan ini. Itulah sebabnya sekarang kita sedang ada latihan intensif kepada semua 2,600 pegawai ini, dua tekanan; pertama, mengenali isu-isu, faham isu-isu; keduanya, cara menyampaikannya. Ini latihan intensif dan kita juga sedang sediakan Mini 'Penterama' untuk menjelajah merata-rata. Saya ingat kalau benda ini sudah dilaksanakan insya-Allah masalah tersebut dapat diatasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ucapkan terima kasih semuanya saya telah catat dan apa yang saya tidak sempat jawab saya mohon maaf, insya-Allah kita akan laksanakan di mana boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM883,630,400 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM883,630,400 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM51,401,100 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM51,401,100 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.43 petang.